

"KERANA itu beta sering mengingatkan, supaya Perkhidmatan Awam akan sentiasa mesra pelanggan, terutama sekali untuk membolehkan pihak swasta memainkan peranan lebih aktif di dalam memajukan ekonomi negara." - Titah Perutusan Sempena Tahun Baru Masihi pada 1 Januari 2007 di Istana Nurul Iman.



"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Taubah ayat 20.



Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo Yong Boon di Istana Nurul Iman.

Berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Republik Singapura

Laporan: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap secara berasingan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George

Yeo Yong Boon dan isteri, Puan Jennifer Yeo di Istana Nurul Iman di sini.

Semasa Majlis Mengadap itu Tuan Yang Terutama George Yeo Yong Boon diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Joseph K H Koh dan Pengarah (Asia Tenggara) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Peter Tan.

Hadir di Majlis Mengadap itu ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng; Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Awang Haji Shofry bin Abdul Ghafor.

ikutan penutupan cawangan Sengkuring pada 19 Januari 2007.

Lihat muka 16

Lihat muka 16

BIBD pacu strategi penuhi aspirasi negara

SENGKURONG, Khamis, 25 Januari.- Berlandaskan kepada objektif pragmatik perniagaan serta hala tuju yang lebih dinamik dan mencabar, pihak pengurusan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) telah mengatur beberapa strategi yang diharapkan dapat memacu bank itu mencapai misi dan visinya menjadi sebuah bank Islam yang dihormati di arena antarabangsa selain dapat memenuhi aspirasi negara untuk menjadi salah sebuah pusat kewangan Islam yang dinamik di rantau ini.

Antara langkah-langkah pelan tindakan yang telah dan akan terus dilaksanakan ialah meningkatkan penerapan nilai-nilai ketelusan korporat atau 'corporate governance' untuk memastikan hala tuju dan strategi perbankan dapat diurus dan ditadbir secara telus bagi meningkatkan 'shareholders value' melalui pencapaian 'corporate performance' yang baik serta konsisten

dan penuh tanggungjawab.

"Sebagai sebuah organisasi yang lahir dari penggabungan dua buah bank utama di negara ini, cabaran-cabaran dari aspek tenaga manusia sememangnya dijangka. Pihak Pengurusan BIBD dalam hubungan ini telah pun memberi penekanan dan galakan ke arah perubahan minda yang lebih positif dan tatacara kerja yang lebih teratur," jelas Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah di Majlis Perasmian Cawangan BIBD, Tanjung Bunut di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan langkah dan Pelan Tindakan BIBD untuk memberikan ruang dan suasana kerja yang lebih kondusif di mana pada tahun ini sebahagian besar daripada warga BIBD telah mula menikmati persekitaran

bekerja dalam suasana yang lebih selesa dengan selainya kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat di Bangunan Ibu Pejabat BIBD.

"Pihak BIBD seterusnya juga telah bekerjasama dengan Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) dan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dalam melancarkan perkhidmatan Kad Inden Elektronik bagi menggantikan sistem pembayaran Manual Kad Inden Kerajaan yang memberikan kemudahan sistem perbelanjaan pembelian minyak dan produk-produk yang terdapat di stesen-stesen minyak di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Pembukaan Cawangan BIBD Tanjung Bunut adalah merupakan salah satu rancangan yang terkandung dalam pelan tindakan strategi perniagaan BIBD ke arah memberikan keutamaan terhadap per-

khidmatan perbankan yang berdedikasi dan berorientasikan pelanggan.

Pembukaan Cawangan Tanjung Bunut adalah ber-

Peluang menuntut di Fakulti Perubatan Mesir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Januari. - Beberapa isu kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Mesir dikenal pasti termasuk latihan profesional dalam penjagaan kesihatan dan peluang bagi penuntut-penuntut negara ini belajar di Fakulti Perubatan Mesir.

Perkara tersebut merupakan antara isu yang dibincangkan antara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi dan rombongan bersama Menteri Kesihatan Mesir, Tuan Yang Terutama Hatem El Gabaly dan pegawai-pegawai kesihatan Mesir dalam perjumpaan sempena lawatan enam hari delegasi negara ini ke Mesir.

Perbincangan juga menyentuh mengenai peluang pekerjaan bagi doktor-doktor Mesir dalam bidang kemahiran tertentu untuk berkhidmat di Negara Brunei Darussalam selain kerjasama dalam usaha memerangi Avian Influenza serta persediaan bagi kemungkinan terjadi pandemik itu, di samping isu peraturan alam sekitar dan kawalan makanan.

Lawatan Yang Berhormat dan rombongan atas undangan Tuan Yang Terutama Menteri Kesihatan Mesir itu bertujuan untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama di antara kedua-dua buah negara di dalam sektor kesihatan.

Semasa berada di Mesir, rombongan dari negara ini juga melawat ke hospital-hospital utama umum dan swasta di Cairo serta beberapa buah syarikat farmasi tertentu.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan beberapa orang pegawai kanan juga membuat perjumpaan dengan dekan dari tiga buah fakulti utama dalam bidang perubatan antaranya Universiti Ain Shams, Universiti Al-Azhar dan Universiti Cairo termasuk Dekan dari Fakulti Kejururawatan, Universiti Cairo.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan delegasi juga menerima undangan daripada Grand Sheikh Al-Azhar dan Mufti Mesir.

Lihat muka 16



23 HARI LAGI

ANTARA KANDUNGAN

Hasrat Negara :

Institusi perguruan penting kepada negara - Muka 2

Ilmu berjaya dikuasai, jika tidak 'clash' dengan akhlak mulia - Muka 3

Negara Hargai Jasawan Ugama - Muka 4

TAP 'Menjana Masyarakat Berhemat' - Muka 5


DYTM berkenan menyempurnakan pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan - Muka 8 & 9

Haluan: Warga Perkhidmatan Awam perlu mengubah persepsi negatif - Muka 10

Seruan Suci: Berhati-hati terhadap ajaran-ajaran sesat - Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PEMBAYARAN bonus bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1984 dan kadar pembayaran menurut kategori penilaian prestasi keseluruhannya seperti yang tercatat dalam borang penilaian prestasi pegawai dan kakitangan iaitu Kategori A (Cemerlang), B (Sangat baik), C (Baik) dan D (Memuaskan) kadar bonus 100 peratus, manakala Kategori E (Memerlukan Penbaikan) 50 peratus dan F (Tidak Memuaskan) tidak mempunyai bonus. Bagaimanapun bonus tidak akan diberi kepada mereka yang dikenakan tindakan fateritib, yang telah didapati bersalah di Mahkamah dalam kes-kes jenayah dalam tahun yang berkenaan, yang menjalani latihan dalam perkhidmatan secara penuh atau cuti belajar yang tidak lulus dalam menjalani peperiksaan tahunan atau didapati melakukan sesuatu perkara yang melanggar Peraturan Kerajaan dan Amaran secara bertulis yang diberikan buat kali ketiga oleh ketua jabatan. - Sumber dari Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.



31 JANUARI 2007 BERSAMAAN 1428 محرم 12

BIBD - PUSAT KEWANGAN ISLAM YANG DINAMIK

BANK Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) telah pun mencapai beberapa kejayaan yang boleh dibanggakan dalam masa yang singkat. BIBD terbit daripada gabungan dua buah bank Islam di negara ini - Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB). Sejak penggabungannya 3 Julai 2006, BIBD telah berhasil menempa nama yang amat gemilang dalam sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam.

Bagi memacu kemajuan dan perkembangan yang lebih progresif dan produktif, beberapa strategi dirancang penuh rapi bagi merealisasikan hala tuju yang hendak dicapai untuk menjadikan BIBD sebagai sebuah bank Islam yang dihormati di arena antarabangsa.

Lebih jauh dari itu, 'target' utama ialah untuk memenuhi aspirasi negara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah pusat kewangan Islam yang dinamik di rantau ini.

Dengan reputasinya sebagai bank yang berorientasikan kewangan Islam, kita penuh optimis, BIBD akan bergerak serta melangkah lebih jauh dalam memenuhi cita-cita negara sebagai pusat kewangan Islam yang progresif, berdaya maju dan inovatif. Di samping berupaya untuk bersaing dengan bank-bank Islam bertaraf dunia yang kini melebihi jumlah 50 buah di seluruh dunia.

Sesungguhnya, inilah sebenarnya yang menjadi impian pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan BIBD amnya dan negara khususnya sebagai pusat kewangan Islam global.

Ini bertepatan dengan titah baginda di Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-59 Tahun pada 15 Julai 2005 yang lalu. Antara lain baginda bertitah menegaskan:

"Penggabungan IBB dan IDBB adalah dianggap selaras dengan trend global masa kini di mana beberapa buah bank dapat bergabung untuk mengukuhkan keupayaan dan daya saing, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa."

Dengan wawasan baginda mewujudkan BIBD, bank berkenaan dalam jangka tempoh masa tujuh bulan telah menempa beberapa kejayaan. Kejayaan yang dilalui oleh BIBD ada hasil daripada objektif perniagaan yang pragmatik serta hala tuju yang dinamik dan mencabar.

Kejayaan mutakhir yang merupakan mercu kemajuan memberangsangkan telah dicapai pada awal Januari 2007 bila mana BIBD telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) bagi pembiayaan pesawat-pesawat baru.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah yang juga selaku Pengerusi BIBD semasa berucap merasmikan Cawangan BIBD, Kampung Tanjung Bunut baru-baru ini menekankan bahawa bank tempatan mampu menyediakan pembiayaan kewangan kompetitif dan sekali gus bersaing dengan para bank asing.

BIBD sebelum itu juga berjaya dengan penerbitan Sukuk Al-Ijarah BLNG yang bernilai \$100 juta pada 23 Ogos 2006 dalam mana bank berkenaan telah diberikan kepercayaan oleh Syarikat Minyak Gas Cair Asli (BLNG) untuk menjadi penaja dan 'lead arranger' bagi penerbitan sukuk berkenaan.

Bank berkenaan juga mendapat kepercayaan daripada Kementerian Kewangan untuk menjadi 'lead manager' bagi pengeluaran Sukuk Al-Ijarah kerajaan bagi jangka pendek yang bernilai B\$120 juta.

Dengan kerjasama Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) dan Jabatan Perbendaharaan, Kemudahan kad inden elektronik bagi memberikan kemudahan perbelanjaan pembelian minyak dan produk-produk yang terdapat di stesen-stesen minyak seluruh negara. Kad yang julung-julung kalinya diperkenalkan itu menggantikan sistem pembayaran manual kad inden kerajaan yang konvensional dan menimbulkan banyak masalah serta tidak sesuai dengan peredaran teknologi masa kini.

Berdasarkan strategi perbankan yang pragmatik, bank tersebut telah berhasil mencapai keuntungan yang amat baik sepanjang tahun 2006.

Kita merasa yakin, BIBD mampu menjadi pusat kewangan Islam yang bertaraf antarabangsa di masa mendatang. Dalam masa yang sama, kita juga akan berhasil menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat kewangan Islam yang dinamik. Walau bagaimanapun, kejayaan itu tidak akan menjelma sekiranya mata serta dibangunkan sehari dua, tetapi memerlukan usaha yang lebih gigih, penuh tekad dan iltizam serta komitmen berterusan dari warga kerja bank berkenaan.

HASRAT NEGARA

INSTITUSI PERGURUAN PENTING KEPADA NEGARA



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1428 di Istana Nurul Iman.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbi 'Aalameen, Wabihe'e Nasta'een 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihe'e Ajma'een, Waba'du.

Sekarang gerbang tahun baru Islam atau tahun baru Hijrah, terbuka pula. Kita memasukinya dengan penuh selesa dan bahagia. Alhamdulillah.

Supaya nikmat ini berkekalan, maka marilah kita sama-sama membayangkan 'syukur' kepada Allah, berdasarkan firman-Nya yang bermaksud: "Sekiranya kamu bersyukur, nescaya Aku tambahkan lagi (nikmat itu) untuk kamu."

Salah satu tanda kita bersyukur ialah membuat perkara-perkara yang baik lagi berkebajikan, yang juga dipanggil sebagai 'amal salih'.

Dengan amal salihlah kita dapat membina keluarga yang bahagia dengan menunaikan segala haknya. Demikian juga dengan amal salih, kita mampu membahagiakan bangsa dan negara.

Pembinaan bangsa hendaklah menitikberatkan kepada pendidikan dan pembelajaran. Jika elok dan berjaya pendidikan dan pembelajaran itu, maka berjaya lah bangsa.

Namun ukuran kejayaan itu bukanlah semata-mata bila kita berjaya menguasai ilmu, tetapi kejayaan mutlak ialah apabila ilmu itu tidak *clash* dengan akhlak yang baik.

Siapakah yang mampu untuk membuat ilmu itu tidak *clash* dengan akhlak yang baik?

Jawabnya ialah guru. Gurulah sumber ilmu dan juga pembina akhlak. Tanpa guru, ilmu dan akhlak akan layu.

Jadi menyedari hakikat ini, institusi perguruan adalah amat penting kepada negara. Ianya tidak boleh diabaikan, malahan hendaklah sentiasa dipupuk dan dikembangkan.

Di negara ini, salah sebuah institusi perguruan yang perlu kepada peningkatan dan pengembangan ialah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, memandang usianya juga sudah mencapai lebih 30 tahun.

Objektif penubuhannya ialah untuk menghasilkan sumber tenaga guru agama tempatan, agar kita tidak selamanya bergantung kepada tenaga luar semata-mata.

Matlamat ini, alhamdulillah, telah berjaya dicapai.

Dan setelah kita berjaya pada satu tahap, sepatutnya kita bergerak ke tahap yang lain lagi, iaitu tahap untuk memiliki kualiti yang diperlukan.

Dengan apakah cara untuk kita sampai kepada tahap yang dimaksudkan?

Sudah barang tentu kita perlu meninggikan taraf maktab berkenaan dengan memberinya nama dan aspirasi baru.

Beta berpendapat, nama dan aspirasi tersebut hendaklah konsisten kepada

'perguruan' semata-mata. Ia tidak wajar dicampuradukkan dengan yang lain-lain, kerana sebarang percampuran mungkin saja akan mencairkan matlamat asal perguruan.

Oleh itu, bersukut dengan Tahun Baru Hijrah 1428 ini, beta dengan amat sukacita mengumumkan bahawa Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan ditingkatkan tarafnya menjadi Kolej Universiti Perguruan. Ia akan dikenali dengan nama 'Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan'.

Kolej Universiti ini nanti, dihasratkan, bagi mengeluarkan Diploma dan Ijazah.

Insyallah, jika tidak ada aral yang menghalang, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan akan memulakan kursus pertamanya pada awal bulan Ogos, 2007.

Beta melihat, Negara Brunei Darussalam bolehlah berbangga dengan penubuhan ini, kerana ia dapat dianggap sebagai satu-satunya pusat pengajian yang pernah wujud sepertinya di rantau ini mahupun di mana-mana juga di luar rantau.

Beta yakin, ia bukan saja akan memenuhi keperluan Brunei sendiri, malahan juga bersedia untuk membuka pintunya kepada pemohon-pemohon daripada luar negara.

Mengakhiri perutusan ini, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijrah 1428, semoga dengan kehadirannya akan membawa keberkatan yang berpanjangan kepada kita dan negara. Amin.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

OBJEKTIF penubuhannya ialah untuk menghasilkan sumber tenaga guru agama tempatan, agar kita tidak selamanya bergantung kepada tenaga luar semata-mata.

Kerjasama padu sentiasa terjalin antara Brunei - India

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr. A. P. J. Abdul Kalam, Presiden Republik India dan Tuan Yang Terutama Dr. Manmohan Singh, Perdana Menteri Republik India.

Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Dr. A.P.J. Abdul Kalam, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan

yang erat serta kerjasama padu di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India.

Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan

Yang Terutama Dr. Manmohan Singh, Perdana Menteri Republik India, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Republik India sempena dengan hari ulang tahun Pengisytiharan Republik India.

Baginda merakamkan perasaan berpuas hati di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat serta kerjasama padu yang terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi demi kepentingan kedua-dua buah ne-

gara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga TYT, Dr. Manmohan Singh, Perdana Menteri Republik India sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar India, Tuan Yang Terutama Pranab Mukerjee

bersempena Hari Kebangsaan negara tersebut.

Dalam Perutusan itu, DYT melahirkan perasaan gembira dan tahniah kepada TYT, kerajaan dan rakyat India sempena Hari Kebangsaan republik itu.

DYT juga mengucapkan penghargaan atas komitmen kerajaan India kepada rantau ini, di samping menghargai persahabatan dan perkongsian berterusan yang diberikan oleh India kepada Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam juga berharap agar hubungan dua hala dan kerjasama serantau antara India dan Negara Brunei Darussalam akan berkembang maju di tahun-tahun akan datang.

MEMPELAJARI dan menguasai pelbagai ilmu pengetahuan adalah sangat penting kepada umat manusia. Malah menuntut ilmu adalah diwajibkan kepada kaum Muslimin dan Muslimat. Dengan ilmu pengetahuan yang baik seseorang akan memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat nanti.

Islam juga menekankan bahawa untuk seseorang itu mencapai kejayaan di dunia hendaklah ia berilmu dan untuknya berbahagia di akhirat juga hendaklah ia berilmu. Memandangkan betapa pentingnya ilmu itu maka kita dianjurkan menuntut ilmu sejak dari buaian hingga ke liang lahad.

Dalam konteks berbangsa dan bernegara, ilmu pengetahuan yang mantap dalam pelbagai bidang adalah sangat penting dan diperlukan. Ilmu pengetahuan akan menentukan maju dan mundurnya sesuatu kaum, bangsa atau negara.

Apatah lagi dalam era globalisasi dan teknologi canggih di zaman moden ini, penguasaan ilmu pengetahuan akan menjadi penentu kepada tamadun dan kecemerlangan sebuah bangsa dan negara.

Dalam konteks masyarakat dan negara kita yang mengamalkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) maka menguasai pelbagai ilmu pengetahuan sahaja bukan menjadi ukuran kejayaan tetapi kejayaan mutlak ialah jika ilmu itu tidak 'clash' atau menegapikan akhlak yang baik.

Keperluan menguasai ilmu dan mengamalkan akhlak mulia diberikan perhatian begitu jelas

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah-titah baginda.

Dalam perutusan sempena menyambut awal tahun Hijrah 1428 baru ini baginda sekali lagi menyentuh dua perkara tersebut yang antara lain menekankan:

"Pembinaan bangsa hendaklah menitik-beratkan kepada pendidikan dan pembelajaran. Jika elok dan berjaya pendidikan dan pembelajaran itu maka berjaya lah bangsa."

"Namun ukuran kejayaan itu bukanlah semata-mata bila kita berjaya menguasai ilmu, tetapi kejayaan mutlak ialah apabila ilmu itu tidak 'clash' dengan akhlak yang baik."

BERILMU

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat rakyat dan penduduk negara ini memiliki ilmu pengetahuan sebanyak dan setinggi mungkin.

Ke arah itu kerajaan secara berterusan menyediakan pelbagai bantuan termasuk pendidikan percuma, kemudahan-kemudahan

ILMU BERJAYA DIKUASAI, JIKA TIDAK 'CLASH' DENGAN AKHLAK MULIA

ANALISIS TITAH

Oleh : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

dahan prasarana serta biasiswa bagi pengajian di dalam dan di luar negara.

Hasilnya kita sudah mempunyai golongan terpelajar dan cendekiawan dalam bidang-bidang tertentu seperti kejuruteraan, pendidikan, keagamaan, kebudayaan, pertahanan, ekonomi, pentadbiran, pertanian, hubungan antarabangsa, kesihatan dan lain-lain.

Namun kita masih lagi memerlukan lebih ramai golongan berpendidikan termasuk dalam bidang-bidang yang kita masih belum mempunyai kepakaran. Ini penting untuk melengkapi keupayaan dan meningkatkan daya saing bangsa.

Kita juga memerlukan para pemikir dan pakar-pakar yang berwibawa, kreatif dan inovatif untuk merencana dasar-dasar dan melaksanakan program-program yang mampu membawa kemajuan kepada bangsa dan negara.

'CLASH'

Kejayaan menghasilkan lebih banyak pakar dalam bidang yang sudah ada dan mewujudkan kepakaran dalam bidang-bidang

yang lain insya-Allah akan tercapai dengan usaha gigih yang berterusan.

Namun seperti yang ditunjukkan dalam titah baginda itu, ilmu yang diperolehi hendaklah tidak 'clash' atau bertentangan dengan akhlak yang baik dan nilai-nilai murni serta budaya bangsa.

Setinggi mana pun ilmu seseorang itu tidak akan dapat menyumbang kepada kemakmuran, kemajuan dan kesejahteraan bangsa dan negara jika dia tidak mempunyai akhlak atau keperibadian yang baik.

Contohnya, seorang yang berilmu pengetahuan boleh sahaja menggunakan ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk melakukan kemungkaran yang akan menjahanamkan bangsa dan negara.

Mereka boleh sahaja melakukan atau terlibat dengan gejala-gejala sosial seperti melakukan rasuah, tidak amanah kepada tanggungjawab yang diberikan, melanggar undang-undang dan peraturan, menipu, melakukan kekejaman, penindasan dan sebagainya.

Benteng utama ialah

mempunyai akhlak dan keperibadian yang baik dengannya seseorang itu tidak akan terdorong atau terlibat melakukan gejala-gejala tersebut. Untuk itu sebagai umat Islam kita memerlukan pegangan akidah yang kuat, iman yang mantap dan disiplin yang tinggi serta jati diri yang jitu.

Bagi penganut lain, pegangan moral, etika, disiplin dan jati diri serta nilai-nilai murni bangsa juga dapat dijadikan teras atau benteng dari terlibat dengan perkara-perkara tidak bermaruah yang boleh 'menyirnakkan' ilmu yang dimiliki.

GEJALA

Jika kita perhatikan pada masa ini, terdapat sebilangan pelajar termasuk remaja yang berpendidikan tinggi yang terikut-ikut dengan budaya barat. Ini termasuklah cara berpakaian, fesyen rambut, pemakaian aksesori, keolahan dan seumpamanya.

Selain dari itu terdapat juga remaja yang terlibat dengan gejala-gejala sosial seperti buli, penyalahgunaan dadah, minuman arak, pergaulan bebas, mencuri, berkelahi dan sebagainya.

Antara penyebabnya ialah pengaruh budaya moden di sekeliling kita atau melalui apa yang

mereka lihat atau baca di media-media elektronik dan media cetak. Sebagai contoh anak-anak muda begitu mudah terpengaruh dengan gaya kehidupan artis-artis filem, penyanyi-penyanyi, kumpulan 'rock', 'black metal' dan seumpamanya.

Jika semua ini berleluasa, kita khuatir ia akan membudaya dalam masyarakat terutama di kalangan remaja dan para pelajar yang kita harapkan akan menjadi pewaris kepemimpinan masa hadapan.

SEIMBANG

Di pihak kerajaan kita mempunyai dasar pendidikan 'seimbang' yang menekankan kepentingan pendidikan biasa dan pendidikan agama. Selain dari mempelajari subjek-subjek biasa di sekolah rendah dan menengah, murid-murid juga mengikuti pelajaran agama khusus sehingga ke darjah enam di sekolah agama. Sistem ini sangat baik ke arah memberikan pengetahuan agama kepada para pelajar.

Usaha kerajaan memperseimbangkan pendidikan ini tidak terhenti setakat itu. Kita juga mempunyai sekolah-sekolah Arab, Maktab Perguruan Ugama (dinaikkan taraf menjadi Kolej Universiti


Perguruan Ugama Seri Begawan), Institut Pengajian Islam, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Syarif Ali (baru ditubuhkan) dan institusi-institusi yang menjurus kepada pendidikan Islam.

Sementara itu Jabatan Mufti Kerajaan dan agensi-agensi di Kementerian Hal Ehwal Ugama, pertubuhan-pertubuhan dan seumpamanya juga sentiasa berusaha mengembangkan syiar Islam dan memupuk kegiatan-kegiatan pembangunan insan.

Usaha melengkapkan remaja dan masyarakat dengan pengetahuan agama dan pendidikan moral ini hendaklah diteruskan. Ia mesti dilakukan bermula dari rumah oleh ibu bapa sendiri selain di institusi-institusi pendidikan formal.

Selain dari itu, semua lapisan masyarakat termasuk para pemimpin, badan-badan berkanun, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan orang ramai umumnya juga perlu sama-sama berusaha menyediakan persekitaran yang boleh menjurus kepada amalan akhlak yang baik.

DPPW berkenan menerima mengadap dua perwakilan asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Austria ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Donatus Koeck. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Austria ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Donatus Koeck. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia, Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Shafie bin Haji Adpal.

Di perjumpaan yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, DYT dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Shafie mengadakan perbincangan mengenai kerjasama ekonomi dan perdagangan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Shafie berada di negara ini bagi mengadakan lawatan kerja tiga hari.

Sejurus selepas itu, DYT menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Austria ke Negara Brunei Darussalam, TYT Dr. Donatus Koeck.

TYT yang beribu pejabat di Kuala Lumpur telah menyebarkan watak perantaraan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa lawatan pertama ke negara ini pada Mei 2006.

Kebawah DYMM berkenan utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Michael Jeffery, Gabenor Jeneral Australia dan Yang Berhormat John Howard, Perdana Menteri Australia bersempena dengan Hari Australia.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira dan berpuas hati di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat serta kerjasama padu yang terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia.

Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga

TYT Mejar Jeneral Michael Jeffery sentiasa sihat dan sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu dalam perutusan kepada Yang Berhormat John Howard, Perdana Menteri Australia, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat dan kerajaan serta rakyat Australia sempena Hari Australia.

Baginda merakamkan perasaan berpuas hati di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat serta kerjasama yang padu di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan terus berkekalan dan dipertingkatkan lagi demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Selain itu baginda juga berharap semoga Yang Berhormat John Howard, Perdana Menteri Australia sentiasa sihat

sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Yang Berhormat Alexander Downer M.P. bersempena Hari Australia negara tersebut.

Dalam perutusan itu DYT melahirkan penghormatan kepada Yang Berhormat Alexander Downer M.P., kerajaan serta rakyat Australia bersempena Hari Australia. DYT juga merasa gembira bekerja dengan Yang Berhormat dan menghargai persahabatan dan kerjasama sebagai rakan kongsi serantau.

DYT juga berharap semoga Australia berjaya sebagai Pengerusi APEC pada tahun akan datang.

NEGARA HARGAI JASAWAN UGAMA

CEBISAN BAKTI PENERIMA

PENERIMA ANUGERAH JASAWAN UGAMA

Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar

- Gigih mengembangkan syiar Islam di peringkat negara dan serantau.
- Aktif dengan memberikan sumbangan berharga kepada MABIMS yang menjadi sebuah institusi.
- Pernah memegang beberapa tugas dan jawatan penting dalam bidang pentadbiran, pelajaran, bahasa, perkhidmatan pos serta sukatan dan timbangan.
- Menjayakan Peraduan Tilawah Al-Qur'an Belia Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Rantau ASEAN buat pertama kalinya pada tahun 2001.
- Berjaya meningkatkan penggunaan bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab dengan menubuhkan sistem 'monitoring' khusus bagi tenaga-tenaga pengajar bahasa berkenaan bagi memastikan supaya guru-guru mampu mengajarkan pelajaran itu dengan lebih berkesan dan bersestematik.
- Dilantik sebagai Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jordan dan Arab Saudi sehingga bulan Mac 2005.

PENERIMA ANUGERAH BAKTI HIJRAH

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Salia Haji Awang Mohd. Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad

- Berjaya membasmi ajaran sesat Baha'i dalam tahun 1970-an yang bertapak dan berkembang di Kampong Benutan, Kampong Supon Kecil dan Kampong Supon Besar di Daerah Tutong.
- Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Zainal bin Kahar
- Guru Ugam pertama yang diberikan kepercayaan untuk dihantar ke United Kingdom bagi mengajar pelajaran agama kepada pelajar-pelajar dari negara ini dari bulan September 1979 hingga tahun 1981.
- Menjadi rujukan dan bertindak sebagai penasihat mengenai hal ehwal agama bagi para pegawai dan penuntut serta rakyat Brunei yang berada di sana.

Awang Haji Abdul Rahman bin Abdullah Sambang

- Saudara baru yang berwibawa, digalati dan dihormati serta aktif melibatkan diri secara sukarela dalam usaha mengembangkan syiar Islam khususnya dalam bidang dakwah.
- Tugas dan tanggungjawab sebagai Ketua Kampung, sekali gus sebagai Penghulu sangat memeduli hal ehwal kebajikan masyarakat kampung dengan dalam mengembangkan agama Islam.



Foto : Haji Mohd. Yusof Haji Mohd. Yassin.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama penerima Anugerah Jasawan Ugam dan para penerima Anugerah Bakti Hijrah.

**Oleh :
Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn**

USAHA gigih beliau dalam mengembangkan syiar Islam bukan sahaja di peringkat negara, malah serantau ternyata membuahkan hasil dengan terutuhnya Pertemuan Tidak Resmi Menteri-menteri Ugam Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia dan Singapura (MABIMS) pada tahun 1989.

Malah ketika itu, beliau turut mengambil bahagian aktif dan telah memberikan sumbangan sehingga MABIMS menjadi sebuah institusi serantau di bidang agama Islam yang memberikan khidmat yang diperlukan oleh masyarakat Islam di rantau ini.

Bagi mengenang jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan kepada negara dan bangsa, khususnya dalam bidang agama, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Awal Tahun 1428 Hijrah Peringkat Negara telah memilih Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar sebagai penerima Anugerah Jasawan Ugam.

Pengurniaan Anugerah Jasawan Ugam dan Anugerah Bakti Hijrah merupakan acara kemuncak majlis sambutan yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong pada 19 Januari yang baru lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah-anugerah kepada para penerima di majlis yang bertepatan, 'Memperkasakan Iltizam Kehidupan Beragama'.

Di majlis itu penerima telah menerima wang tunai \$15,000.00, sijil penghormatan, cenderamata iringan serta perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan di negara ini.

Penerima Anugerah Jasawan Ugam ini mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada bulan November 1969, yang mana sebelumnya apabila tamat pengajian di Kolej Islam Malaya dalam tahun 1967, beliau telah diambil untuk berkhidmat sebagai guru sekolah Arab secara sementara.

Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Al-Azhar, Mesir hingga ke peringkat sarjana dalam bidang Siasah Syaria (Islamic Legal Policy) dan seterusnya berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Ugam dalam bidang pelajaran dan penerangan dan tabligh.

Dalam tahun 1982, beliau telah diambil berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan dengan memegang beberapa tugas dan jawatan penting dalam bidang pentadbiran, pelajaran, bahasa, perkhidmatan pos serta sukatan dan timbangan.

Kecemerlangannya dalam

bidang-bidang itu telah membawanya ke beberapa jawatan penting yang bertaraf pengarah dan Setiausaha Tetap iaitu di Kementerian Hal Ehwal Ugam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebagai seorang yang berpendidikan tinggi di bidang agama secara formal, beliau telah berusaha menerapkan nilai-nilai agama dalam bidang-bidang di mana beliau berkhidmat, umpamanya semasa menajawati jawatan selaku Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, beliau berusaha mengubah format dan gerak acara persembahan padang semasa sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan pada tahun 1996, supaya lebih kepada gerak-gerak senaman dan mengelakkan gerak tarian bagi peserta lelaki. Seterusnya beliau telah menajawati Peraduan Tilawah Al-Qur'an Belia Peringkat Kebangsaan dan peringkat rantau ASEAN buat pertama kalinya pada tahun 2001.

Dalam bidang pelajaran agama, beliau telah berjaya meningkatkan penggunaan bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab dengan menubuhkan sistem 'monitoring' khusus bagi tenaga-tenaga pengajar bahasa berkenaan bagi memastikan supaya guru-guru mampu mengajarkan pelajaran itu dengan lebih berkesan dan bersestematik.

Beliau juga berperanan penting dalam penubuhan Institut Pengajian Islam dan sekali gus terlibat dalam perancangan, pengurusan dan penggabalan peraturan institut berkenaan. Semasa perkhidmatannya di bidang pendidikan, beliau telah turut menyusun beberapa strategi ke atas penubuhan Universiti Brunei Darussalam.

Setelah bersara dalam bulan Mac 1998, beliau telah diambil berkhidmat semula iaitu di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (kini dikenali dengan nama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan) dan dilantik sebagai Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jordan dan Arab Saudi sehingga bulan Mac 2005.

Sementara itu tiga orang penerima telah dipilih untuk menerima Anugerah Bakti Hijrah yang terdiri daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Salia Haji Awang Mohd. Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad; Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Zainal bin Kahar dan Awang Haji Abdul Rahman bin Abdullah Sambang.

Semasa menajawati jawatan Merinyu Ugam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Salia Haji Awang Mohd. Tarif bersama-sama beberapa orang telah berjaya membasmi ajaran sesat Baha'i dalam tahun 1970-an yang bertapak dan berkembang di Kampong Benutan, Kampong Supon Kecil dan Kampong Supon Besar di Daerah Tutong.

Manakala Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Zainal adalah merupakan Guru Ugam pertama yang diberikan kepercayaan untuk dihantar ke United Kingdom bagi mengajar pelajaran agama kepada pelajar-pelajar dari negara ini dari bulan September 1979 hingga tahun 1981. Beliau juga menjadi rujukan dan bertindak sebagai penasihat mengenai hal ehwal agama bagi para pegawai dan penuntut serta rakyat Brunei yang berada di sana.

Awang Haji Abdul Rahman bin Abdullah Sambang merupakan seorang saudara baru yang berwibawa, digalati dan dihormati serta aktif melibatkan diri secara sukarela dalam usaha mengembangkan syiar Islam khususnya dalam bidang dakwah.

Tugas dan tanggungjawabnya sebagai Ketua Kampung, sekali gus sebagai Penghulu telah digunakan bukan sahaja untuk memeduli hal ehwal kebajikan masyarakat kampung, malah dalam mengembangkan agama Islam. Kejayaan cemerlang yang berjaya diperjuangkan oleh beliau ialah dengan tersergamnya sebuah balai ibadat di Kampong Merangkang sekarang ini.

Penerima-penerima Anugerah Bakti Hijrah masing-masing menerima wang tunai \$10,000.00 berserta sijil penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan di negara ini.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara diadakan April ini



Foto : Pg. Rafie Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

**Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn**

BERAKAS, Rabu, 17 Januari. Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-4 yang dijadualkan akan berlangsung pada 11 hingga 13 April 2007 ini.

Sehubungan itu mesyuarat jawatankuasa tertinggi bagi pertandingan musabaqah tersebut diadakan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad.

Yang Berhormat menerangkan, pertandingan musabaqah yang dianjurkan oleh Negara Brunei Darussalam dan diselenggarakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah menjunjung hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN kali ketiga yang berlangsung di Manila, Republik Filipina pada 14 hingga 15 Disember 1987.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, menyatakan hasrat Negara Brunei Darussalam untuk memainkan peranan aktif dalam pelancaran Rancangan Pertukaran Belia dalam ASEAN, jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, kali pertama Negara Brunei Darussalam mengadakan pertandingan seumpamanya itu pada tahun 2000 diikuti kali kedua pada tahun 2003 dan kali ketiga pada tahun 2005.

Pertandingan musabaqah antara lain bertujuan untuk menyebarkan dakwah islamiah di kalangan belia Asia Tenggara, memupuk dan menyemai rasa persahabatan dan persaudaraan serta kerjasama belia Asia Tenggara melalui upacara keagamaan, membantu meningkatkan ilmu pembacaan Al-Qur'an di kalangan belia Asia Tenggara dan membantu meningkatkan mutu bacaan dari peringkat belia dan seterusnya ke peringkat dewasa sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Seorang qari dan seorang qariah dengan diiringi oleh seorang pegawai dari 10 buah negara ASEAN terdiri dari Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam akan dijemput menyertai pertandingan tersebut.

Perbelanjaan menyertai pertandingan termasuk tambang, makan dan tempat tinggal akan ditanggung oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara syarat untuk menyertai musabaqah ini ialah, peserta hendaklah berumur di antara 18 hingga 23 tahun dan belum pernah menyertai mana-mana pertandingan musabaqah Al-Qur'an di peringkat antarabangsa.

Dalam pertandingan itu nanti, johan qari dan qariah akan menerima piala pusingan anugerah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, piala iringan, wang tunai, sijil penyertaan dan Mushaf Brunei Darussalam.

Naib johan dan tempat ketiga qari dan qariah juga akan menerima piala iringan, wang tunai, sijil penyertaan dan Mushaf Brunei Darussalam, manakala semua peserta yang lain juga akan menerima cenderamata, wang tunai, sijil penyertaan dan Mushaf Brunei Darussalam.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-4.

EKONOMI



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad selaku Pengerusi Lembaga Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman sama-sama memotong riben (kiri) dan menyaksikan pameran (kanan) di majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat Lembaga TAP.



TAP 'Menjana Masyarakat Berhemat'

BERAKAS, 16 Januari.- Implikasi peningkatan keramaian pelanggan menghendaki Tabung Amanah Pekerja (TAP) meningkatkan lagi perkhidmatan lebih efisien dan berkualiti demi memenuhi pelbagai keperluan dan harapan pelanggan yang semakin mencabar.

Pada 1 Januari 2007 yang lalu TAP telah mencapai usia penubuhannya yang ke-14 tahun. Keramaian ahli dan majikan yang berdaftar hampir 100,000 orang, bermakna terdapat hampir 100,000 pelanggan berurusan dengan TAP secara tetap.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menjelaskan perkara itu di Majlis Pelancaran Moto, Kaunter Perkhidmatan Baru dan Mini Galeri Sempena Ulang Tahun Penubuhan TAP, berlangsung di Ibu Pejabat Lembaga TAP Bangunan Kementerian Kewangan di sini.

Moto baru TAP 'Menjana Masyarakat Berhemat' adalah selaras dengan visi dan misi TAP yang telah dikemaskinikan.

Menurut Yang Berhormat yang juga Pengerusi Lembaga tabung tersebut, TAP sentiasa peka akan kehendak pelanggan-pelanggan dan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan keselesaan mereka dengan menyediakan persekitaran kaunter yang selesa, selamat, mesra pelanggan dan peniagaan yang sejajar dengan identiti korporat TAP.

Oleh :
Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn
Foto : Halim Haji Sulaiman

Sehubungan dengan itu ujarnya, adalah diharapkan para pelanggan yang berkunjung ke TAP akan sentiasa merasa diri mereka dihargai.

Di samping itu katanya TAP juga telah menyediakan mini galeri yang antara lain mempamerkan detik-detik bersejarah penubuhannya, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

"TAP juga berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang berasaskan 'value-added' dan 'going the extra mile' dengan menyediakan kemudahan internet bagi pelanggan yang menunggu giliran, terutama sekali semasa 'peak period'," jelasnya.

Yang Berhormat berkata sebagai sebuah badan berkanun, nilai-nilai 'Corporate Governance' juga amatlah dititikberatkan, seperti telus dalam perkhidmatan yang dapat meningkatkan imej TAP sebagai sebuah organisasi yang mempunyai integriti tinggi dan boleh dibanggakan.

Terdahulu Pemangku Pengarah Urusan TAP, Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan mengenai perancangan strategik lima tahun TAP bagi tempoh 2006 sehingga 2010.

Katanya, kecemerlangan perkhidmatan telah digariskan sebagai tema utama yang akan dapat memberikan kebaikan-kebaikan kepada TAP seperti 'mencipta ketaatan pekerja', keupayaan untuk menarik warga kerja yang berprestasi tinggi dan 'mencipta kesan-kesan positif' yang boleh meningkatkan hubungan yang lebih baik dengan pelanggan.

Menurut beliau, salah satu perkara yang berkaitan dengan kecemerlangan perkhidmatan pelanggan ialah keupayaan TAP dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan melalui penggunaan IT yang terkini.

"Antara pendekatan yang telah dikenal pasti ialah penyediaan 'IT Masterplan' yang menggariskan strategi-strategi perniagaan bagi tempoh jangka masa lima tahun akan datang," jelasnya.

Beliau juga menyentuh mengenai peranan TAP kepada masyarakat yang akan terus melaksanakan usaha dalam memberikan pendidikan dan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan perancangan kewangan dan budaya menabung di kalangan masyarakat kitani.

Majlis Pelancaran Moto Baru Tabung Amanah Pekerja (TAP) di sempurnakan oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Penyampaian hadiah kepada pemenang mencipta moto TAP disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Lembaga TAP kepada Awang Mohd. Alif bin Haji Hamdan.

Pertandingan mencipta moto TAP yang hanya dibuka kepada warga kerja TAP disertai oleh 447 peserta.

Tetamu kehormat dan para hadirin kemudian beredar bagi perasmian galeri mini TAP di ruang Jabatan TAP dan diselaraskan dengan memperkenalkan pakaian seragam baru warga kerja TAP.

Penubuhan Skim TAP Negara Brunei Darussalam adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan bagi menampung keperluan hari tua rakyat dan penduduk negara ini melalui simpanan secara wajib bagi warga pekerja di sektor awam dan sektor swasta setelah bersara pada usia 55 tahun.

Antara visi TAP ialah menyediakan simpanan nasional dan skim sosial yang terbaik di Negara Brunei Darussalam, manakala misinya pula ialah membantu ahli untuk menyimpan dan mengoptimalkan tabungan persaraan.

Program utama yang telah dilaksanakan oleh TAP ialah meningkatkan sistem keselamatan dengan pemasangan 'Anti-Virus' dan 'Firewall', pertukaran sistem Computer Front-End (Queastor ke BDS), pertukaran TAP 'accounting term' dari Januari - Disember kepada April - Mac, perbincangan Undang-undang Akta TAP 167, lantikan tiga guaman swasta, kursus 'control & restraint technique' kepada pegawai dan kakitangan di Jabatan Penjara, risalah-risalah TAP: @ kenali TAP (maklumat mengenai TAP secara am) @ skim-skim pengeluaran TAP, Corporate video TAP dilancarkan pada 25 Ogos 2005 dan jerayawara 'financial planning' yang dilancarkan pada 31 Mac 2005 dan taklimat kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Dalam usaha TAP meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan dan meningkatkan produktiviti kerja, Bahagian Sumber Manusia mempunyai cabaran yang tinggi dalam membuat perancangan dan peningkatan pembinaan keupayaan sumber manusia terhadap semua kakitangannya.

Bagi menyahut cabaran berkenaan, strategi jangka masa dua tahun akan datang telah pun dikenal pasti oleh bahagian ini seperti penyusunan semula struktur organisasi, memperkenalkan sistem 100 jam latihan, kursus, seminar dan bengkel bagi semua kakitangan, meneliti dan memperkenalkan Skim Perkhidmatan TAP yang kompetitif, memperkenalkan sistem sumber tenaga manusia yang komprehensif dan memperkenalkan sistem penilaian prestasi yang baru.

Di samping itu Pengurusan Sumber Tenaga Manusia juga akan memperkenalkan satu Program Insentif Anugerah Pekerja Cemerlang bagi meningkatkan motivasi kakitangan.

Usaha ini diharapkan akan dapat memberi suntikan kepada kakitangan untuk berusaha memperbaiki prestasi ke arah pembaharuan dan peningkatan kualiti kerja.

SKIM-SKIM PENGELUARAN

50 TAHUN Pra Persaraan 50 Tahun Skim Pengeluaran Persaraan 50 Tahun membolehkan ahli mengeluarkan satu per empat (1/4) daripada kesemua simpanan mereka di TAP apabila mencapai usia 50 tahun. Pengeluaran ini hanya dibenarkan sekali sahaja untuk setiap ahli.	55 TAHUN Pra Persaraan 55 Tahun Skim Pengeluaran Persaraan 55 Tahun membolehkan kesemua ahli untuk mengeluarkan kesemua simpanan di TAP apabila telah mencapai usia 55 tahun untuk membantu menyara kehidupan di hari persaraan.
HAK WARIS Hak Waris Skim Pengeluaran Hak Waris adalah skim pengeluaran bagi waris-waris ahli TAP yang telah meninggal dunia. Skim ini membolehkan waris-waris untuk menuntut semua simpanan tersebut mengikut Akta Surat Kuasa dan Pentadbiran Pusaka (Penggal 11).	Hilang Keupayaan Skim Pengeluaran Hilang Keupayaan ini membolehkan ahli mengeluarkan kesemua simpanan di TAP apabila disahkan hilang keupayaan dari segi jasmani atau mental untuk terus bekerja oleh Lembaga Perubatan.
Berhijrah Ke Negara Lain Skim Pengeluaran Berhijrah Ke Negara Lain ini membolehkan ahli untuk mengeluarkan kesemua simpanan di TAP apabila meninggalkan Negara Brunei Darussalam dan tidak berniat untuk kembali ke negara ini.	Pembinaan/ Pembelian Rumah Skim Pengeluaran Pembinaan/ Pembelian Rumah ini membolehkan ahli mengeluarkan sebahagian daripada simpanan ahli di TAP untuk membantu ahli menjelaskan kos pembinaan ataupun kos pembelian ataupun membayai kos pinjaman untuk membina atau membeli rumah yang ahli miliki sekarang.

Doa Kesyukuran 14 tahun penubuhan TAP

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 16 Januari.- Jabatan Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi memperingati ulang tahun penubuhannya yang ke-14 di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Hadir di majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar

Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah TAP berserta Ahli-ahli Lembaga yang lain.

Majlis Doa Kesyukuran ini juga disempenakan dengan pelancaran moto, pembukaan rasmi kaunter perkhidmatan baru dan galeri mini TAP yang baru dilancarkan.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan doa kesyukuran dipimpin oleh Awang Haji Zaharuddin bin Haji Ahmad Al-Hafiz dari Jabatan Hal Ehwal Masjid.



INI ialah kaunter perkhidmatan baru Lembaga TAP.

TINJAUAN

'MESRA PELANGGAN' - MSD KOMITED REALISASIKAN

Oleh:

Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Foto : Ernie Suliana Haji Othman

JABATAN Perkhidmatan Pengurusan (MSD) akan meneruskan usaha bagi menjadikan Perkhidmatan Awam (PA) di negara ini sebagai PA yang 'mesra pelanggan' iaitu bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena tahun baru Masihi 2007 dalam mana baginda telah mengingatkan supaya 'Perkhidmatan Awam akan sentiasa mesra pelanggan, terutama sekali untuk membolehkan pihak swasta memainkan peranan lebih aktif di dalam memajukan ekonomi negara dan menjadikan tahun 2007 ini sebagai wadah meningkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai'. Jaminan yang dapat memastikan keperluan ini dipenuhi hanyalah melalui sistem pemberian perkhidmatan yang cepat, tepat, berkualiti dan mesra.

Pengarah MSD, Awang Sa Bali bin Abas dalam temu bual eksklusif bersama wakil PELITA BRUNEI berkata, "Sebagai langkah lanjutan dalam merealisasikan apa yang dititahkan oleh baginda itu, MSD komited untuk melaksanakan pelbagai program yang menjurus kepada pemberian perkhidmatan yang akan memberi impak positif kepada hasrat bagi menjadikan PA negara ini sebagai PA yang mesra pelanggan seperti berikut:

i. Menyediakan Garis Pandu Standard Minima Perkhidmatan Kaunter bagi Jabatan-jabatan Kerajaan - Garis pandu ini akan diberi kepada semua jabatan kerajaan sebagai panduan dalam menyediakan keperluan kaunter di jabatan masing-masing. Hasrat menyediakan Standard Minima Perkhidmatan Kaunter ini adalah untuk melihat keseragaman dari segi kualiti pemberian perkhidmatan.

ii. Meneruskan pengauditan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi jabatan-jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Selain itu audit susulan juga akan dilaksanakan bagi jabatan-jabatan yang telah diaudit pada tahun-tahun sebelumnya iaitu bagi mengetahui sejauh mana teguran-teguran dan nasihat-nasihat MSD terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diaudit itu telah diambil tindakan dan pembaikan-pembaikan telah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan berkenaan.

iii. Meneruskan pelaksanaan Bengkel TPOR dan MPK bagi sasaran peserta yang datang dari jabatan-jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Bengkel ini bertujuan untuk melengkapkan ilmu pengetahuan peserta ke arah pelaksanaan TPOR dan MPK yang teratur, di samping memberi pendedahan peserta terhadap cara-cara memberikan perkhid-

matan kepada orang ramai dan mengendali aduan yang sepatutnya ditangani segera dan dengan penuh komitmen. Usaha ini diteruskan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam lagi kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan TPOR di jabatan masing-masing dan sekali gus akan dapat mengelakkan orang ramai membuat kesimpulan bahawa TPOR hanyalah merupakan hiasan di dinding sahaja tetapi implementasinya jauh daripada apa yang telah dijanjikan itu. TPOR adalah merupakan janji jabatan-jabatan kerajaan dalam menentukan standard perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai yang sepatutnya dilaksanakan atau dikotakan.

iv. Mengadakan Program Mesra Pelanggan yang bertujuan menemukan pelanggan dengan panel yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam satu dialog secara langsung bagi menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Program ini dengan tidak secara langsung akan menimbulkan kesedaran kepada warga PA umumnya dan kepada mereka yang terlibat dalam pengendaliannya pada khususnya, bahawa sebenarnya masyarakat di negara ini memang sudah memiliki nilai-nilai luhur, seperti bersopan santun dan tidak camah mata. Nilai-nilai budaya kita yang murni ini sekiranya diterapkan dan dihayati oleh segenap lapisan warga PA, insya-Allah akan dapat

v. Jabatan Perkhidmatan Pengurusan juga terus memantau dan membuat pemerhatian mengenai pelaksanaan Hari Pelanggan yang diadakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, khusus bagi memastikan perlaksanaannya benar-benar telah mengikut tata cara sebenar mengadakan Hari Pelanggan atau sebaliknya.

vi. Sejak penempatan peti-peti aduan/cadangan di daerah-daerah, pada tahun 2006 sempena Hari Perkhidmatan Awam, pegawai-pegawai dari MSD telah mengutip aduan yang dimasukkan melalui peti tersebut pada setiap hari Sabtu dan setiap bulan pada minggu pertama, dua orang pegawai jabatan ini akan terus ditempatkan di daerah-daerah untuk menerima aduan dari orang ramai.



PENGARAH Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), Awang Sa Bali bin Abas, "Sebagai langkah merealisasikan apa yang dititahkan oleh baginda itu dalam meningkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai."

vii. Jabatan ini juga mengumpul soalan-soalan lazim mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan-jabatan kerajaan, yang akan dimuatkan dalam Customer Relationship Management (CRM) iaitu satu sistem yang akan diperkenalkan dan ditadbirkan oleh MSD yang boleh digunakan oleh orang ramai bagi menyampaikan aduan mereka secara 'on-line' yang dijangka akan dapat digunakan pada tahun ini."

IMEJ

Pengarah MSD juga memaklumkan bahawa "Jabatannya sejauh ini telah pun melaksanakan beberapa usaha yang menjurus kepada menjadikan PA mesra pelanggan. Usaha-usaha tersebut adalah berpanduan kepada pene-
muan pengauditan TPOR



MENDAHULUKAN sifat-sifat pemedulian terhadap orang ramai adalah sangat penting dalam perkhidmatan yang berorientasikan 'mesra pelanggan'. Perkara ini sering dititikberatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.



TIMBALAN Pengarah MSD, Sharifah Fatmah binti Sheikh Haji Ahmad, "Perkhidmatan Awam sebagai pemudah cara kepada segala urusan yang dikehendaki."

dan kaji selidik jabatan ini yang mendapati masih ada agensi kerajaan yang berurusan dengan orang ramai yang ternyata masih perlu berusaha meningkatkan kualiti dan tahap pencapaian pemberian perkhidmatan utama mereka.

Dalam pada itu, MSD juga berperanan dalam membuat cadangan su-



PEGAWAI Perkhidmatan Pengurusan Kanan MSD, Dayang Hajah Masbi binti Haji Morni, "Aduan-aduan yang diterima oleh MSD, sejak dua tahun kebelakangan ini adalah meningkat."

paya semua agensi kerajaan, terutama yang banyak berurusan dengan orang ramai, mengadakan Hari Pelanggan masing-masing. Perkara ini telah menjadi kenyataan bila mana Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan Surat Keliling Bil: 02/2006 bertarikh 3 Januari 2006 yang secara khusus menyentuh perlak-

sanaan Hari Pelanggan itu. Hari Pelanggan adalah bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai tentang jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan serta proses-proses pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dengan hasrat supaya dengan cara itu akan menjadikan PA lebih telus ataupun 'transparent'. Kelulusan adalah merupakan salah satu elemen penting dalam 'Good Governance' dan digabungkan dengan elemen-elemen yang lain akan dapat memastikan terwujudnya sebuah PA yang responsif, 'accountable', cekap, kompeten dan efisien. Sekiranya sesebuah PA itu benar-benar cekap dalam menyediakan dan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, tentunya akan mendapatkan rasa puas hati di kalangan mereka dan integriti serta kredibiliti PA itu sendiri akan menjadi lebih mantap."

Dalam pada itu, tambah beliau "Etika-kerja juga memainkan peranan dalam memastikan layanan mesra pihak kerajaan kepada orang ramai yang akan menentukan sama ada mereka berpuas hati ataupun sebaliknya. Dalam hubungan ini, Rukun Akhlak dan Etika Kerja PA yang telah dibentuk sejak beberapa tahun yang lepas untuk dibudayakan oleh setiap warga PA merupakan langkah yang terancang ke arah menjadikan PA negara ini sebagai PA yang mantap, efisien dan cemerlang yang tentunya juga didukung sama oleh nilai-nilai murni yang terkandung dalam falsafah negara 'Melayu Islam Beraja'.

"Selain itu, usaha ke arah mesra pelanggan ialah menekankan semula kepentingan menggunakan tanda nama (name tag) kepada pegawai dan kakitangan kerajaan khususnya yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan secara langsung kepada orang ramai bagi memudahkan orang ramai yang berurusan mengenali pegawai dan kakitangan yang memberikan perkhidmatan itu. Perkara ini telah pun disampaikan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 09/2006 bertarikh 21 Februari 2006."

"BILANGAN aduan diterima oleh jabatan ini bagi dua tahun kebelakangan adalah meningkat dalam mana pada tahun 2005 sebanyak 32 aduan, manakala bagi tahun 2006 sebanyak 68 aduan telah dicatatkan. Sama halnya dengan aduan-aduan yang dipetik daripada media-media massa (Borneo Bulletin dan Media Permata) dalam mana pada tahun 2004 sebanyak 269 aduan dan pada tahun 2005 sebanyak 295 aduan telah dicatatkan." - Pengarah MSD.

'MESRA PELANGGAN' - MSD KOMITED REALISASIKAN

Dari muka 6

"Usaha-usaha sedemikian, akan dapat membantu meningkatkan imej PA khususnya selain dapat membantu member-kesankan lagi pemberian perkhidmatan kepada pelanggan bagi sama-sama mendukung titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering menekankan pentingnya mendahulukan sifat-sifat pemedulian terhadap orang ramai (puting people first) melalui perkhidmatan yang berorientasikan mesra pelanggan. Di samping itu, MSD telah pun menerbitkan buku Panduan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Dalam Memberikan Perkhidmatan Kepada Pelanggan yang telah diagih-agihkan kepada semua jabatan dan kementerian," kata beliau.

PERLU DIPERBAIKI

Bila diajukan pertanyaan, berhubung dengan pemberian perkhidmatan oleh agensi kerajaan kepada orang ramai iaitu sama ada MSD berpuas hati sejauh ini, Awang Sa Bali telah menggariskan perkara-perkara berikut:

i. Daripada penemuan MSD melalui aktiviti pengauditan TPOR dan MPK telah mendapati bahawa pencapaian sebahagian perkhidmatan-perkhidmatan yang diaudit di jabatan-jabatan berkenaan masih di tahap yang masih ada ruang untuk diperbaiki. Penemuan ini adalah diambil daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang dipilih dan dibuat 'sampling' secara rambang.

ii. Di samping itu, bilangan aduan yang diterima oleh jabatan ini bagi dua tahun kebelakangan adalah meningkat dalam mana pada tahun 2005 sebanyak 32 aduan, manakala bagi tahun 2006 sebanyak 68 aduan telah dicatatkan. Sama halnya dengan aduan-aduan yang dipetik daripada media-media massa (Borneo Bulletin dan Media Permata) dalam mana pada tahun 2004 sebanyak 269 aduan dan pada tahun 2005 sebanyak 295 aduan telah dicatatkan.

iii. Sementara itu dari aduan-aduan yang diterima, kategori aduan yang tertinggi bagi tiga tahun kebelakangan ini adalah mengenai Dasar/Peraturan/ Undang-undang dan Sistem/Proses/Prosedur berbanding dengan kategori-kategori lain. (Lihat Rajah).

MEMERLUKAN PENGHAYATAN

Menyentuh mengenai apakah jenis perkhidmatan yang perlu dibuat pembaikan, Awang Sa Bali menegaskan, "Pandangan ini tidak semestinya pan-

dangan saya sendiri tetapi selaku warga PA yang berjumlah lebih 40,000 orang, istilah berpuas hati bagi PA yang seharusnya bersifat dinamik dan sentiasa mengejar kecemerlangan serta sentiasa mementingkan pelanggan, tidak seharusnya ada. Seperti yang dimaklumi standard perkhidmatan dan ekspektasi orang ramai dari semasa ke semasa memang meningkat, dengan kenyataan bahawa dengan peredaran masa, orang ramai lebih berpendidikan, lebih 'affluent' dan lebih terdedah kepada dunia luar. Jadinya adalah tidak mustahil orang ramai akan membuat perbandingan di antara perkhidmatan yang mereka dapatkan di tempat-tempat lain dengan perkhidmatan yang mereka dapatkan dari agensi-agensi kerajaan di negara ini.

"Persaingan dalam bidang-bidang yang tertentu, umpamanya bidang perdagangan dan pelaburan, sangat meningkat akhir-akhir ini." Apatah lagi di dunia antarabangsa dan bagi mencapai aspirasi nasional untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat perdagangan dan pelancongan setentunya mengkehendaki PA di negara ini sentiasa dalam keadaan kompetitif dan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi yang setentunya mendatangkan impak kepada masalah dan usaha kita dalam menangani masalah pengangguran di negara ini," tegas beliau.

Dalam hubungan ini beliau menekankan perlunya seluruh warga PA menghayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena tahun baru Masihi 2007 baru-baru ini dalam mana baginda antara lain telah bertitah supaya PA sentiasa mesra pelanggan terutama sekali untuk membolehkan sektor swasta memainkan peranan lebih aktif di dalam memajukan ekonomi negara. Ini bermakna, menurut beliau, PA seharusnya berfungsi sebagai pemudah cara (fasilitator) dan pemangkin kepada usaha-usaha sektor swasta dalam memperkembangkan dan memajukan ekonomi.

Dalam hubungan ini beliau berpendapat sekiranya tahap prestasi PA masih ditakuk yang lama, tidak membuat sebarang pembaharuan dan penambahbaikan jauh sekali dari dapat menandingi PA yang ada di dunia ini amnya dan di rantau ini khasnya, macam mana kita dapat memperkembangkan sektor swasta di negara ini kerana keadaan tersebut tidak akan menjadikan PA

sebagai pemangkin mahupun pemudah cara kepada segala urusan yang dikehendaki oleh sektor swasta di negara ini.

Beliau seterusnya berpendapat, sepatutnya hasrat kita sebagai sebuah PA bukan semata-mata bagi memenuhi jangkaan (fulfilling expectation), bahkan seharusnya melebihi jangkaan (exceeding expectation) mereka yang berurusan dengan agensi-agensi di mana kita bertugas dan ini setentunya memerlukan PA yang berinovatif, berwibawa, proaktif dan berdedikasi.

"Kita tidak boleh bangga, semata-mata dengan keadaan aman dan tenteram di negara ini, akan tetapi urusan-urusan yang diperlukan oleh orang ramai termasuklah sektor swasta tidak begitu diperhatikan dan diambil peduli. Walaupun negara berkeadaan aman akan tetapi pelabur-pelabur tidak akan datang ke negara ini sekiranya tahap prestasi penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan tidak membantu bagi mempercepatkan urusan-urusan mereka yang pada akhirnya boleh menyebabkan kerugian kepada mereka," katanya.

Secara umumnya beliau telah menekankan supaya pembaikan-pembaikan sentiasa dilaksanakan dalam semua aspek perkhidmatan yang diberikan oleh PA kepada orang ramai sebagai bukti kesungguhan PA memainkan peranannya sebagai PA yang bertanggungjawab, dinamik dan sentiasa relevan dengan peredaran masa dan keadaan.

MEMANTAU

Bagi persoalan yang berkaitan dengan bagaimana pihak MSD memantau jika berlaku aduan dari orang ramai mengenai kelemahan yang terdapat di bahagian kaunter, Pengarah MSD berkata setiap aduan, dari manapun sumbernya ataupun jenis aduan yang dihadapi itu, asal sahaja ianya berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan, MSD akan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu.



SUASANA salah sebuah kaunter jabatan kerajaan yang sentiasa berurusan dengan orang ramai diyakini dapat meningkatkan keberkesanan 'mesra pelanggan'.



ORANG ramai setentunya akan berpuas hati dengan sistem kaunter yang teratur, tepat dan mesra.

Aduan-aduan tersebut akan diteliti dengan saksama, iaitu dengan cara membuat penyiasatan terperinci dengan cara menghubungkan jabatan-jabatan berkenaan dan jika perlu pegawai-pegawai MSD akan ke premis-premis yang diadukan untuk memastikan kesahihan aduan-aduan tersebut. Di samping itu, MSD juga akan memberikan ulasan-ulasan dan cadangan-cadangan

kepada jabatan yang terlibat dengan hasrat untuk memastikan tindakan-tindakan bersesuaian diambil dan aduan-aduan serupa tidak akan berulang lagi di masa-masa yang akan datang.


Berkaitan dengan langkah-langkah selanjutnya dan untuk memastikan cadangan serta pemulihan perkhidmatan yang sepatutnya diambil kira dan dilaksanakan oleh jabatan-

jabatan berkenaan dengan teratur, berkemungkinan jabatan ini akan menggunakan 'mystery customer' sebagai kaedah untuk mengetahui tahap pemberian perkhidmatan jabatan-jabatan berkenaan.

Ketika diajukan persoalan berhubung jika terdapatnya kakitangan di agensi-agensi kerajaan yang tidak melaksanakan

dan mengabaikan Program Mesra Pelanggan, dan bagaimana tindakan akan diambil, Pengarah MSD memaklumkan bahawa setiap penemuan berkenaan dengan aduan-aduan orang ramai yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan, laporan akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa TPOR dan Pengaduan Awam (JTPA) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri dan dengan kedudukan beliau sebagai Pengerusi Perjumpaan Bulanan Setiausaha-setiausaha Tetap ada kemungkinan laporan tersebut juga dikongsi sama dengan Setiausaha-setiausaha Tetap yang lain untuk makluman dan tindakan yang bersesuaian.

Interview eksklusif ini juga turut dihadiri oleh Timbalan MSD, Sharifah Fatmah binti Sheikh Haji Ahmad dan Pegawai Perkhidmatan Pengurusan Kanan, Dayang Hajah Masbi binti Haji Morni.



DYTM BERKENAN MENYEMPURNAKAN PE



Liputan :

Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov

Abu Bakar Haji Abdul Rahm

bakar.rahman@information.gov

Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji O

Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Dur

Halim Haji Sulaiman, Haji Sahri

Asmat, Pg. Ibni Pg. Haji Hid

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam di hari kedua pada 23 Januari lalu (atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia ketika mengurniakan pingat kepada seorang penerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) (atas).

PINGAT Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) ... Hasil dari penat lelah ketika menjalankan tugas selama ini dihargai dengan penganugerahan pingat (kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 689 orang penerima terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan, anggota keselamatan dan swasta sempena Hari Keputeraan baginda ke-60 tahun.

Berangkat mewakili

baginda pada istiadat yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kencana, Istana Nurul Iman itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Istiadat dimulakan dengan pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada 41 orang penerima didahului oleh Awang Haji Kamarhan Atma salah seorang pegawai dari

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) kepada 426 orang penerima didahului oleh Awang Abba bin Haji Chuchu dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Setelah itu, DYTM juga mengurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L.) kepada 222 orang penerima, didahului oleh Awang Haji Daud bin Haji Duraman dari pihak

swasta.

Sementara (23 Januari) berkenan mengurniakan Kehormatan orang penerima pegawai dan kerajaan.

Mendahulah pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian pada 26 orang yang didahului oleh Haji Abdul Muhammad dan Penganjur Pendidikan Seram

PEGAWAI beruniform wanita ju antara per pingat Ker 22 Januari dan kanan

DULI Yang Teramat Mulia ser niakan Pingat Kerja Lama (P.K.L.) kepada pegawai kerajaan yang khidmat (kiri sekali)

DOA selagi men katan oleh raja, Yang Pehin Dato raja Dato Setia Usb Abdul As (bawah).



YANG Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria dan Pengiran-pengiran Peranakan merupakan antara yang hadir di Majlis Penganugerahan Pingat-pingat tersebut.

SEBAHAGIAN lagi penerima Pingat-pingat Kehormatan terdiri dari para pegawai lelaki pada 23 Januari lepas.

GURNIAN PINGAT-PINGAT KEHORMATAN



pula menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.), antaranya Dayang Hajah Salmah binti Haji Timbang, Dayang Juanah binti Haji Johar dan Dayang Hajah Jijah binti Mat Yassin dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Selain dari itu 289 orang telah dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L.) antaranya Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamad, Awang Haji Jamaluddin bin Haji Saman dan Ang Kian Guan.

Bagi memberkati Isti-

adat Pengurniaan Pingat, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Berangkat dan hadir di istiadat pengurniaan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Pengiran-pengiran Peranakan, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, diplomat-diplomat dari ne-

gara sahabat serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Seramai 1,924 orang telah dikurniakan pingat-pingat kehormatan pada istiadat yang diadakan tiga hari berturut-turut itu.

Pingat-pingat kehormatan tersebut dikurniakan kepada mereka yang telah membuktikan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di samping sebagai pengiktirafan atas jasa dan khidmat yang telah mereka sumbangkan.



DULI Yang Teramat Mulia sejeurus tiba sebelum bermula Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenana, Istana Nurul Iman pada 24 Januari (atas).

SEBAHAGIAN dari para penerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-60 tahun (atas kiri).

SEBAHAGIAN lagi para penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) (kiri).



PARA penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) juga terdiri dari pegawai dan kakitangan wanita (atas).

DULI Yang Teramat Mulia menadah tangan ketika doa selamat dibacakan sejeurus selesai menyempurnakan Pingat-pingat Kehormatan di hari terakhir pada 24 Januari (kiri).



HALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

KITA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik, hidayah dan limpah kurnia-Nya jua membolehkan kita bersama-sama hadir di Majlis Pelancaran Minggu Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 2006. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pertama-tamanya saya dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur sama ada di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya kerana berjaya mengadakan Majlis Pelancaran Minggu Pelanggan. Minggu Pelanggan yang dilancarkan pada hari ini seperti yang difahami akan diikuti dengan program berasaskan di setiap jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Minggu Pelanggan ini adalah amat bermakna dan sangat signifikan kepada semua 'stakeholders' Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Usaha sedemikian ini adalah bertujuan untuk memberigakan lagi kepada masyarakat dan orang ramai selaku pelanggan bukan sahaja mengenai bidang tugas dan 'core business' Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya tetapi juga memberikan pendedahan yang lebih jelas dan 'transparent' tentang perkhidmatan dan tata cara pemprosesan permohonan yang ada kaitannya dengan bidang tugas jabatan-jabatan di bawah kementerian ini. Minggu Pelanggan yang diadakan ini juga adalah sebagai satu 'platform' bagi orang ramai selaku pelanggan untuk berinteraksi secara langsung bukan sahaja bagi mengetahui dan memahami tatacara pemprosesan permohonan malahan juga memberikan peluang untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut bagi sebarang masalah, kemusykilan dan kemewahan yang dihadapi. Di samping itu juga yang sangat penting ianya akan menjadi satu arena yang sangat berguna untuk mendapatkan maklumat dan 'feedback' dalam usaha untuk mengemas kini serta menambatkan lagi mutu dan tahap perkhidmatan kepada orang ramai.

CABARAN PERKHIDMATAN AWAM MASA KINI

Salah satu cabaran yang sering dihadapi oleh Perkhidmatan Awam ialah bagaimana kita hendak menyampaikan perkhidmatan yang lebih efisien, efektif serta memuaskan hati pelanggan. Ianya adalah satu proses yang berterusan di mana setiap organisasi mesti bertindak secara lebih proaktif, inovatif, responsif dan 'customer-focussed'. Cabaran-cabaran ini perlulah semua peringkat pegawai dan kakitangan di kementerian ini bersama-sama menanainya dengan penuh komitmen selaras dengan misi kementerian ini iaitu:-

MISI

'BERSAMA MEMASTIKAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG DAN MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN SERTA PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT YANG SEIMBANG.'

Tidak dapat dinafikan bahawa kepuasan hati pelanggan (customer satisfaction) adalah salah satu alat pengukur utama (key performance indicator) yang dapat menentukan tahap kejayaan sesebuah organisasi. Perkhidmatan pelanggan yang cemerlang bukan sahaja memberikan kepuasan di kalangan pelanggan-pelanggan malahan juga ianya akan mempertingkatkan lagi imej dan kredibiliti sesebuah organisasi tersebut. Sebaliknya jika perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan kurang memuaskan sudah setentunya mendatangkan kesan negatif bukan sahaja kepada pelanggan itu sendiri malahan juga organisasi berkenaan. Adalah diharapkan Minggu Pelanggan ini dapat menyumbang kepada 'good governance'.

Dalam konteks memberikan perkhidmatan kepada pelanggan, kita harus sedar bahawa ekspektasi masyarakat dan orang ramai adalah amat tinggi dengan bertambahnya masyarakat yang berpendidikan tinggi dan bermaklumat di negara ini. Masyarakat akan memberikan persepsi terhadap Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada 'point of interaction' iaitu melalui pengamatan yang dibuat dan pengalaman yang dialami. Realitinya, masih ramai yang menganggap bahawa Perkhidmatan Awam itu sebagai sesuatu yang begitu merimaskan dan penuh kerenah birokrasi. Justeru itu selaku pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam perlulah bersama-sama bertanggungjawab untuk mengubah persepsi negatif dan tanggapan sedemikian supaya Perkhidmatan Awam akan lebih mesra pelanggan dan memudahkan cara dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

IMPLIKASI KEPADA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah satu kementerian yang sentiasa berhubung rapat dengan

SALAH satu cabaran yang sering dihadapi oleh Perkhidmatan Awam ialah bagaimana kita hendak menyampaikan perkhidmatan yang lebih efisien, efektif serta memuaskan hati pelanggan. Ianya adalah satu proses yang berterusan di mana setiap organisasi mesti bertindak secara lebih proaktif, inovatif, responsif dan 'customer-focussed'. Cabaran-cabaran ini perlulah semua peringkat pegawai dan kakitangan di kementerian ini bersama-sama menanainya dengan penuh komitmen selaras dengan misi kementerian ini.

Warga Perkhidmatan Awam perlu mengubah persepsi negatif



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusoff, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Majlis Pelancaran Minggu Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya Tahun 2006 pada hari Isnin 13 Zulkaedah 1427 / 4 Disember 2006 bertempat di Dewan Muhibah, Jabatan Daerah Brunel dan Muara.

masyarakat khususnya di peringkat akar umbi di negara ini. Bidang tugas Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah hampir majoritinya berorientasikan perkhidmatan secara langsung kepada orang ramai misalnya:

1. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
2. Jabatan-jabatan Daerah.
3. Lembaga-lembaga Bandaran.
4. Jabatan buruh.
5. Jabatan Bomba dan Penyelamat dan tidak terkecuali institusi-institusi.
6. Penghulu Mukim.
7. Ketua Kampung, dan
8. Ketua Rumah Panjang.

Berdasarkan kepada fungsi tersebut, kementerian ini hendaklah secara berterusan dari masa ke semasa memantapkan dan mempertingkatkan keupayaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai ke tahap yang lebih baik dan efisien demi kepentingan, kebajikan, kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran rakyat dan penduduk di negara ini dalam mengekalkan dan mempertahankan perpaduan dan keharmonian masyarakat serta kestabilan negara. Seperti yang digariskan dalam Buku Perancangan Strategik Kementerian ini, di mana visi kementerian ialah: 'PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA YANG BERTERUSAN DAN BERDAYA MAJU DEMI KETAHANAN NASIONAL'.

Manakala nilai-nilai utama (core values) yang perlu diterapkan dan dijadikan sebagai budaya kerja adalah seperti (Lihat Rajah 1):

Ke arah menerapkan nilai-nilai utama ini, kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya hendaklah mem-

Takwa	Pemedulian
Berwawasan	Ketelusan
Integriti	Profesionalisme
Kreatif dan Inovatif	Ketahanan
Kerja Berpasukan (Teamwork)	

buat penambahbaikan dari masa ke semasa dengan menggunakan kaedah-kaedah pengurusan (management tools) yang bersistematik seperti Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), Manual Prosedur Kerja (MPK), Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC), penubuhan Jawatankuasa Pengurusan (Management Committee), perkhidmatan kaunter secara fleksibel, pensejajaran (alignment), perancangan strategik melalui kaedah 'balanced scorecard' dan lain-lain. Alhamdulillah dengan adanya penyerapan dan penggunaan kaedah-kaedah pengurusan secara bersistematik dan berkesan ini adalah diharapkan akan dapat memperbaiki tahap dan mutu perkhidmatan-perkhidmatan khususnya kepada orang awam selaku pelanggan. Ini terbukti di mana pemprosesan permohonan di jabatan yang berkenaan dapat dipercepatkan, di samping mengurangkan birokrasi dan 'paperwork'. Sebagai misalan bagi:

- i. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, (Lihat Rajah 2)

Jenis Perkhidmatan	1 Sept 1994	Masa Kini
Proses Pengeluaran Pasport MRP	30 hari lebih	3 hari (BSB) 5 hari (KB)
Proses Pengeluaran Visa Melawat	21 hari lebih	2 hari
Proses Pengeluaran Pas Kerja bagi Sektor Swasta	20 hari	❖ Hari yang sama (bagi 5 pasport dan kebawah) ❖ 3 hari (jika lebih 5 pasport)
Proses Pengeluaran Kad Pengenal		
❖ Kuning/Ungu	30 hari	5 hari
❖ Hijau	30 hari	14 hari

- ii. Jabatan-jabatan Daerah.

Pemprosesan Lesen Rampaian pada umumnya sebelum ini melebihi 30 hari, pada masa ini diproses kurang daripada 21 hari secara purata. Manakala pemba-

haruan lesen rampaian secara purata dalam 10 hari.

Dalam usaha memudahkan cara dan mengurangkan birokrasi dan 'paperwork', pengeluaran lesen rampaian yang sebelum ini yang dikeluarkan setiap tahun telah dipanjangkan kepada tempoh dua hingga lima tahun tertakluk kepada kategori perniagaan serta memenuhi syarat-syarat yang ditentukan.

Dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan dan 'stakeholders' yang kian meningkat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya perlulah sentiasa mempunyai perancangan dan mengubah 'mind-set' dan bersikap daya maju bagi mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai selaku pelanggan ke tahap yang lebih efisien, berkualiti, berkesan dan bersistematik. Saya penuh percaya dan berkeyakinan masih terdapat ruang bagi mempertingkatkan lagi tahap dan kualiti perkhidmatan ke arah yang lebih efisien dan efektif. Seperti mana yang kita maklumi bersama bahawa penyampaian perkhidmatan

yang berkualiti dan cemerlang itu adalah sesuatu yang berterusan dan dinamik, maka kita tidak boleh berpuas hati atau 'complacent' dengan sistem pengurusan

Lihat muka 11

SIKAP prihatin, mengalinga dan memerhatikan serta memantau keadaan di lapangan melalui budaya turun padang hendaklah sentiasa diamalkan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan terutama di peringkat ketua jabatan dan pengurusan.

Dengan cara sedemikian pegawai-pegawai berkenaan akan lebih mengetahui keadaan di lapangan dan terlibat secara langsung dalam sebarang kegiatan atau pelaksanaan sebarang projek yang dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan bawahan.

Melalui budaya turun padang ini juga pegawai-pegawai berkenaan akan mengetahui secara lebih dekat akan keadaan dan keperluan masyarakat pelbagai peringkat di seluruh negara.


Ini akan memudahkan tugas para pegawai tersebut membuat penilaian dan perancangan-perancangan pembangunan yang berkeadilan, di samping menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan terbaik yang diperlukan oleh masyarakat setempat dan orang ramai.

Kita perlu mengambil contoh kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering bercemar duli berangkat melawat

AMALKAN BUDAYA TURUN PADANG

Oleh : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn



ke jabatan-jabatan kerajaan, daerah-daerah, mukim-mukim dan kampung-kampung di seluruh negara termasuk sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Peluang tersebut baginda gunakan mendampingi dan menjalin hubungan silaturahmi serta kemesraan dengan rakyat jelata. Baginda berinteraksi, beramah mesra dan melihat secara dekat kemajuan-kekurangan yang perlu ditingkatkan demi menjaga kebajikan rakyat di negara ini.

Dalam setiap keberangkatan ke agensi-agensi kerajaan pada misalnya baginda meninjau secara dekat mengenai perkembangan, pencapaian, prasarana, permasalahan dan penyediaan perkhidmatan kepada orang ramai termasuk kebajikan pekerja.

TURUN PADANG

Baru-baru ini Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menyasarkan kepada ketua-ketua jabatan agar sentiasa mengamalkan budaya turun padang bagi memperhatikan dan mengetahui secara lebih dekat keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dan pegawai bawahan masing-masing.

Yang Berhormat menyarankan perkara tersebut

di mesyuarat pertama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan ketua-ketua jabatan di bawahnya bagi tahun 2007 yang diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait.

Saranan ini bukan sahaja wajar diambil perhatian dan diamalkan oleh pegawai-pegawai di KHEDN malah semua pegawai di kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain di negara ini.

Sememangnya adalah perlu bagi pegawai-pegawai berkenaan turun ke lapangan membuat perbincangan-perbincangan berterusan dengan staf bawahan untuk merencana dan mengukuhkan projek-projek yang diperlukan.

Laporan dan pandangan pegawai dan kakitangan bawahan adalah sangat penting sebagai input kepada pihak pengurusan kerana mereka lebih memahami situasi dan gerak kerja di bahagian-bahagian dan unit-unit berkenaan.

Begitu juga dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di tapak-tapak projek, mereka lebih mengetahui progres pelaksanaan projek serta keperluan dan permasalahan yang dihadapi.

Selalunya pelaksanaan sesuatu program atau projek itu tidak semudah seperti yang dirancang atau tertulis di dalam kertas. Sebab itu kajian fesibiliti yang teliti dan menyeluruh

untuk sesuatu program atau projek perlu mantap.

Amalan turun padang menghendaki para pegawai bersikap proaktif dengan membuat lawatan ke projek-projek dan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan staf di lapangan.

Para pegawai pengurusan tidak seharusnya hanya duduk di pejabat melakukan kerja-kerja pentadbiran sahaja. Mereka perlu meluangkan masa untuk memerhati dan sama-sama memantau operasi di peringkat bawahan atau di tapak-tapak projek.

'GOOD GOVERNANCE'

Amalan turun padang memang dikehendaki dalam usaha mewujudkan 'Good Governance' yang menjadi 'catchword' terkini dalam strategi pembangunan antarabangsa di mana pandangan rasmi kontemporari mengenai penyaringan ketelusan, akauntabiliti dan penglibatan.

Kita sorot dan sunting semula istilah 'Good Governance' serta hubungannya dengan usaha mewujudkan konsep itu dalam pentadbiran seperti yang terkandung dalam Buku Program Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang

ke-13 pada 30 September 2006 tahun lepas.

'Good Governance' menjadi fokus utama badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa yang telah berusaha menganjurkan perubahan dasar di abad ke-21 ini.

Mereka berpendapat 'Good Governance' atau pemerintahan berkesan perusahaan atau kerajaan dan rakyat sebagai rakan kongsi akan membina ekonomi yang lebih kukuh, masyarakat yang lebih mantap dan keadaan politik yang stabil.

Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam usaha mewujudkan konsep atau istilah 'Good Governance' yang mantap dan unik di negara ini yang dapat mencerminkan ciri-ciri pentadbiran eksklusif dan pemerintahan yang berjaya mewujudkan kemajuan dan pembangunan negara yang boleh dibanggakan bagi sebuah negara kecil dengan bilangan penduduk serta sumber yang terhad.

Dalam kepelbagaian definisi 'Good Governance' oleh pelbagai agensi dunia serta para akademik, masih terdapat persamaan dalam ciri-ciri penting seperti akauntabiliti dan kompetensi yang

harus wujud dalam pentadbiran kerajaan sesebuah negara yang mencerminkan betapa pentingnya prestasi pentadbir itu kepada rakyat.

Di sinilah terselitnya aspek 'kepuasan pelanggan' yang salah satunya boleh dilakukan melalui amalan 'turun padang' berasaskan sikap prihatin dan pemedulian dalam menjaga kesejahteraan semua pihak.

Konsep memodenkan pentadbiran kerajaan termasuk mengutamakan orang awam atau pelanggan hendaklah dilakukan melalui pentadbiran yang bersikap responsif, berakauntabiliti, cekap, berkompetensi dan efisien.

Kecekapan sesebuah kerajaan menyediakan dan memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan masyarakat awam akan membuatkan mereka berpuas hati manakala integriti kerajaan akan menjadi lebih mantap.

Dalam konteks negara kita ternyata etika kerja memainkan peranan dalam layanan kerajaan kepada rakyat. Jika dilaksanakan secara berkesan ia akan menghasilkan kepuasan kepada pelanggan.

gan.

Dalam aspek ini penyediaan Rukun Akhlak dan Etika Kerja merupakan langkah yang terancang yang didukung sama oleh nilai-nilai serta amalan-amalan keislaman secara luas yang terkandung dalam falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Juga penting ialah partisipasi atau perhubungan rakyat dengan kerajaan yang harmoni. Semakin harmoninya hubungan dan kerjasama maka semakin mantaplah tahap 'Good Governance' itu.

Bagi kita di negara ini melalui falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) nilai-nilai 'Good Governance' itu sudah lama wujud kerana ia sudah diajarkan menerusi ajaran dan hukum-hukum agama yang menjadi cara hidup dan teras pengurusan kerajaan.

Apa yang penting ialah penghayatan dan kefahaman yang perlu diterjemahkan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dari muka 10

kecemerlangan dan memenuhi ekspektasi dan kepuasan pelanggan, maka sistem penyampaian perkhidmatan, Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), garis panduan atau prosedur kerja yang ada, peraturan dan undang-undang yang diguna pakai perlulah dinilai, direviu dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Pengetahuan dan kemahiran tenaga manusia juga perlu dipertingkatkan dalam menghadapi cabaran dan keadaan yang sentiasa berubah serta berdaya saing.

RUMUSAN DAN SASARAN

Dalam usaha menyampaikan perkhidmatan yang penuh cekap, efisien dan efektif, pada hemat saya teras kejayaannya banyak bergantung kepada keupayaan dan integriti sumber manusia di dalamnya selaku agensi pelaksana dan penyampaian perkhidmatan. Adalah perlu bagi pegawai dan kakitangan kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk meningkatkan nilai dan perwatakan sikap bekerja yang dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif dan mesra pelanggan terutama sekali apabila berurusan dengan orang ramai. Sebelas ciri-ciri 'Rukun Akhlak dan Etika Kerja PA' hendaklah diserapkan dan dipraktikkan serta diamalkan dalam kerja harian kita. Kita tidak mahu mendengar sungutan atau keluhan ketidakpuasan hati pelanggan misalnya disebabkan ketiadaan pegawai dan kakitangan di kaunter atau pegawai yang tidak melayan pelanggan dengan baik dan sempurna. Justeru, adalah perlu mutu PA itu sentiasa diperbaiki dan dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi dari masa ke semasa. Kerenah birokrasi mestilah dikurangkan. Rasuah dan salah guna kuasa mesti dihapuskan dan integriti mesti diamalkan. Para pelanggan perlu dilayani dengan berhemah tinggi dan berbudi bahasa serta bersopan santun.

Dalam usaha membudayakan sikap mesra pelanggan,

Warga Perkhidmatan Awam perlu mengubah persepsi negatif

kita perlu merapatkan jurang di antara ekspektasi pelanggan dengan perkhidmatan yang disampaikan oleh PA. Kita juga perlu mengurangkan aduan-aduan mengenai ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang disampaikan oleh agensi-agensi kerajaan. Dalam pada itu, pegawai dan kakitangan semasa berinteraksi dengan pelanggan hendaklah menganggap pelanggan itu sebagai tetamu jabatan dan bukannya sebagai tanggungan (burden). Justeru itu, pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah memberikan layanan yang sebaik-baiknya kepada tetamu dengan penuh kemesraan, hormat-menghormati, bersopan santun disertai dengan senyuman yang ikhlas. Penjelasan harus disampaikan kepada pelanggan yang kurang memahami perkara yang ditimbulkan dan menjadi kewahaman mereka.

Di samping itu dalam usaha menambahkan lagi perkhidmatan dan tata cara pemprosesan permohonan pelanggan yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan yang dikendalikan oleh agensi-agensi supaya pelanggan-pelanggan memberikan kerjasama dengan memberi maklumat yang betul, mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, di samping menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan mengikut jenis atau kategori permohonan supaya ianya akan dapat mewujudkan 'win-win

situation' bukan sahaja kepada pelanggan selaku 'stakeholders' malahan juga agensi yang berkenaan seperti memudahkan dan mempercepatkan memproses permohonan.

Adalah penting bagi kita selaku warga kerja Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melipatgandakan usaha dan bersikap profesional, komited, kompeten, responsif dan proaktif dalam apa jua hal yang berhubung kait dengan 'core business' kementerian dan jabatan masing-masing. Kita perlu membuat peralihan paradigma (paradigm shift) dan loncatan jauh ke hadapan agar lebih maju apatah lagi dalam era globalisasi yang memaksa kita berdaya saing demi survival bangsa dan negara. Ini merupakan satu cabaran yang perlu ditangani dengan penuh kegigihan dan semangat waja demi kemajuan, kecemerlangan dan kegemilangan kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seterusnya imej PA selaku jentera pentadbiran negara yang cekap, berkesan, berwibawa dan berintegriti akan dapat ditani dan lagi dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat demi kesejahteraan, kemakmuran dan keamanan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

PENUTUP

Akhirnya dengan mendahulukan kalimah

'Bismillahir Rahmanir Rahim' serta bertawakal ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka saya sukacita merasmikan Minggu Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan Di bawahnya tahun 2006.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ralat

BERITA bertajuk 'Berangkat Bercemar Duli Mengucapkan Takziah' dalam akhbar ini di muka surat 24 Januari 2007 hendaklah dibaca: Selain dari itu Allahyarham juga pernah menjawat Timbalan Ketua Pos Agung di Jabatan Perkhidmatan Pos pada September 1980 hingga 1981. - *Penyunting.*

RENCANA bertajuk Kelahiran Ajaran Sesat di muka surat 12 Akhbar PELITA BRUNEI terbitan 10 Januari 2007 hendaklah dibaca: Pemberita PELITA BRUNEI Haji Ahmad bin Haji Salim dengan Kerjasama Bahagian Kawalan Akidah Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sementara dalam rencana yang sama pada muka surat 13 (Jadual Stastik), ajaran sesat pada tahun 2006 mencatatkan 1 kes sahaja. Jumlah ajaran sesat dan kegiatan/perbuatan yang bertentangan dengan akidah pada tahun tersebut berjumlah 4 kes. - *Penyunting.*

PENDIDIKAN

Menteri Pendidikan tinjau sekolah terjejas akibat banjir



Foto: Pg. Ibtis Pg. Haji Hidayat

TUTONG, Khamis, 18 Januari. - Musim tengkujuh yang dialami oleh Negara Brunei Darussalam ketika ini telah menyebabkan hujan turun hampir setiap hari sejak penghujung tahun lepas merupakan faktor berlakunya banjir di beberapa kawasan di negara ini.

Fenomena tersebut telah mengakibatkan beberapa buah sekolah rendah di pedalaman Daerah Tutong yang dilanda banjir baru-baru ini telah menjejaskan kelancaran sesi perseko-

YANG Berhormat Menteri Pendidikan, Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Abdul Rahman berserta rombongan melihat dengan lebih dekat keadaan persekitaran dan kerosakan-kerosakan ke atas kemudahan-kemudahan sekolah-sekolah yang terjejas akibat banjir (kiri).

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

lahan tahun 2007 yang bermula pada 3 Januari lalu.

Kementerian Pendidikan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu agar pembelajaran murid-murid di sekolah-sekolah yang terlibat tidak akan terjejas dan berharap supaya pihak ibu bapa akan memberikan kerjasama kepada guru-guru besar dalam sama-sama menangani masalah tersebut.

Selain itu, aspek keselamatan murid-murid turut diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan berlaku ketika berada di sekolah-sekolah yang terjejas.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Abdul Rahman semasa ditemu bual oleh pihak media ketika lawatan kerja ke sekolah-sekolah yang dilanda banjir di Daerah Tutong menjelaskan, sekiranya keadaan banjir seumpama itu berlarutan berkemungkinan pihak Kementerian Pendidikan akan mengagihkan sekolah-sekolah berkenaan dengan sekolah yang berdekatan yang tidak terjejas banjir.

PEMBELAJARAN murid-murid diteruskan seperti biasa walaupun sekolah mereka terjejas akibat banjir (kiri).

Yang Berhormat berkata, yang terlibat untuk membangun sekolah yang baru setentunya akan menghadapi beberapa kesulitan memandangkan kawasan persekitaran sekolah-sekolah berkenaan sering dilanda banjir.

Walaupun bagaimanapun, ujar Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan mungkin akan mencari kawasan-kawasan lain bagi membina sekolah baru.

"Saya telah dimaklumkan tadi di dua buah sekolah yang telah dilawati iaitu Sekolah Rendah Panchong Tutong II dan Sekolah Rendah Rambai Tutong II, rata-rata dalam setahun ada tiga empat kali sekolah-sekolah berkenaan itu banjir.

Dua buah sekolah lain yang terjejas banjir turut dilawati oleh Yang Berhormat berserta rombongan ialah Sekolah Rendah Layong Tutong II dan Sekolah Rendah Penapar Tutong II.

Di sekolah-sekolah berkenaan, Yang Berhormat melihat dengan lebih dekat keadaan persekitaran dan kerosakan-kerosakan ke atas kemudahan-kemudah-

an sekolah-sekolah yang terlibat.

Sesi-sesi perjumpaan dengan guru-guru besar dan warga sekolah-sekolah tersebut diadakan bagi mendengar penerangan lebih lanjut sejauh mana kesan banjir itu melibatkan infrastruktur dan kemudahan sekolah serta kelinciran persekolahan murid-murid.

Dalam sesi perjumpaan itu, Yang Berhormat menekankan pentingnya pihak sekolah untuk mengambil tindakan-tindakan sewajarnya bagi menangani serta mengawal apa jua permasalahan-permasalahan yang mungkin timbul dalam keadaan banjir yang tidak dijangkakan.

Sebagai langkah berjaga-jaga dalam menghadapi keadaan sedemikian di masa-masa akan datang, pihak sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa pelan tindakan yang akan membantu menangani dan mengawal keadaan secara teratur dan terancang.

Ini adalah secara selaras dengan hasrat untuk memastikan perjalanan pembelajaran murid-murid di sekolah-sekolah yang terjejas dapat dikawal dengan sebaiknya.



Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metaslim

TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika berucap merasmikan Seminar Visi Universiti Brunei Darussalam Ke Arah Kesempurnaan Insan.

kan visi dan misi UBD untuk terus meningkatkan kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

Objektif seminar sehari ini antara lain bertujuan sebagai wacana dan inspirasi kepada pencapaian visi dan misi UBD dalam jangka masa 20 tahun; memberi peluang kepada bahagian pentadbiran, fakulti dan bahagian-bahagian meningkatkan kemajuan dan kecemerlangan serta mengenalpasti beberapa pendekatan dari sudut hala tuju baru.

Ia juga merupakan usaha mempertingkatkan dan mengemaskinikan aktiviti yang telah dirancang bagi kemajuan dan kecemerlangan UBD dari segi pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan selain menge-

nalpasti beberapa resolusi demi memantap dan memartabatkan kejayaan yang sedia ada di UBD sebagai pusat kecemerlangan yang disegani dan dihormati.

Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan masing-masing oleh Naib Cancellor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman; Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) Universiti Islam Antarabangsa, Profesor Dato' Dr. Azmi Omar; Rektor Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah, Jakarta Selatan, Republik Indonesia, Profesor Dr. Azyumardi Azra dan Presiden Universiti Multimedia Malaysia, Profesor Datuk Dr. Ghauth Jasmon yang dihadiri lebih 180 peserta.



Foto: Ak. Amirul Nizam Pg. Haji Mohd. Ali

UBD tempah banyak kejayaan

RIMBA, Sabtu, 13 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada usia muda telah menempah banyak kejayaan akan tetapi masih ada ruang-ruang atau bahagian-bahagian tertentu yang perlu diperbaiki, diperkembangkan dan diperkukuhkan strukturnya agar dapat memenuhi ke-

perluan masyarakat dan negara.

Visi UBD adalah tepat ke arah memperbaiki diri sendiri untuk melahirkan insan sempurna dengan ciri-ciri yang terpuji seperti berakhlak, bersopan santun, berilmu, berwibawa, berketerampilan, beragama berkepercayaan, sihat tubuh

badan, sihat rohani, serba boleh, dinamik dan sebagainya kerana generasi beginilah yang setentunya diinginkan.

Perkara ini ditegaskan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rah-

man pada Majlis Perasmian Seminar Visi Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke Arah Kesempurnaan Insan dengan tema 'Kecemerlangan Sebuah Universiti', berlangsung di Dewan Canselor di sini.

Beliau percaya seminar seperti ini amat bermakna kepada semua pihak kerana semua pembentangan kertas kerja akan mendedahkan pengalaman yang sangat berharga dalam membangun institusi pengajian tinggi masing-masing termasuk jatuh bangun, kekuatan, kelemahan dan sebagainya.

Tambahnya, lima faktor yang perlu diberikan perhatian ke arah kecemerlangan sebuah universiti itu termasuklah pengajaran dan pembelajaran, penye-

lidikan, penerbitan, konsultasi dan khidmat masyarakat.

Lain-lain faktor, tambahannya termasuklah kepimpinan yang dinamik, progresif dan positif selain universiti itu juga perlu mempunyai 'niche' tersendiri yang lebih menonjol atau mempunyai kekuatan dalam sesuatu bidang berbanding dengan bidang-bidang lain.

Di samping itu juga katanya, kefahaman mendalam dan komitmen penuh dari setiap warga universiti terhadap visi, misi dan objektif sesebuah universiti perlu ada bagi mencapai cita-cita bersama.

Seminar ini diadakan sebagai salah satu usaha membantu dan memberikan input kepada UBD dalam menambahkukuh-



Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metaslim

PARA peserta Seminar Visi Universiti Brunei Darussalam Ke Arah Kesempurnaan Insan ketika mendengarkan pembentangan kertas kerja di seminar tersebut.

KEMASYARAKATAN

EMPAT KELUARGA TERIMA BANTUAN

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Othman

DANAU, Khamis, 11 Januari. - Sebanyak B\$4,600.00 telah disumbangkan oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kepada empat buah keluarga yang menjadi mangsa kebakaran di Kampong Danau dan Kampong Birau dari Daerah Tutong.

Turut disumbangkan adalah derma berbentuk alat keperluan sekolah kepada anak-anak mangsa yang diharapkan akan dapat meringankan beban yang ditanggung.

Selain itu Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) juga menderma berupa kewangan kepada mangsa-mangsa kebakaran tersebut.

Seramai tiga orang ketua keluarga dari Kampong Danau menerima sumbangan tersebut iaitu Dayang Rosnah binti Ismail,

Dayang Tauyah binti Jair dan Awang Haji Ahmad bin Osman, manakala Saunah binti Abu Bakar merupakan ketua keluarga dari Kampong Birau.

Hadir selaku penyampai derma dari pihak YSHHB ialah Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman pula hadir selaku penyampai sumbangan dari pihak JAPEM.

Majlis penyampaian derma diadakan di rumah Ketua Kampung, Awang Haji Abdullah bin Abdul Rashid, di sini.

Sebaik sahaja selesai upacara penyampaian derma tersebut, pegawai-pe-

gawai serta kakitangan dari JAPEM serta pihak YSHHB telah pergi menjau dengan lebih dekat lagi rumah yang dimiliki oleh Rosnah Ismail, Tauyah Jair dan Haji Ahmad Osman yang telah terbakar pada 27 Disember 2006.

Menurut Rosnah Ismail, 39 tahun yang sempat ditemu bual oleh Wartawan PELITA BRUNEI, mereka sekeluarga tidak berada di dalam rumah semasa rumahnya terbakar.

Rumah yang dibina dengan wang pinjaman bank dan masih dibayar secara angsuran itu terbakar pada 27 Disember 2006.

Mereka sekeluarga yang sedang dalam perjalanan hendak ke Bandar Raya Miri terpaksa berpatah balik apabila menerima panggilan sebaik sahaja tiba di Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh.

Rosnah Ismail dan suaminya yang kedua-duanya merupakan kakitangan kerajaan berkhidmat di Jabatan Perhutanan merasa bersyukur kerana ada yang menghulurkan bantuan.

Setakat ini keluarga beliau telah pun menerima sumbangan dari penduduk kampung, di samping sumbangan dari pihak YSHHB dan JAPEM.

Dengan anak seramai enam orang pada masa ini mereka menumpang di rumah abangnya yang berhampiran dengan rumah beliau.

Manakala Saunah Abu Bakar, 37 tahun seorang suri rumah tangga juga berterima kasih kepada pihak-pihak yang telah menghulurkan bantuan kepada pihak keluarganya.

Bersama suaminya, seorang rakyat Malaysia yang bekerja di kilang papan dengan pendapatan yang tidak menentu terpaksa menumpang di rumah ayahnya untuk ber-teduh setelah kejadian tersebut.

Turut menumpang di rumah ayahnya ialah sembilan orang anaknya di mana lima daripadanya masih bersekolah, tiga orang sedang mencari pekerjaan, manakala anaknya yang sulung sudah bekerja.

Menurut beliau, semasa rumahnya terbakar mereka sekeluarga menghadiri Majlis Doa Selamat.

Walau bagaimanapun, beliau masih bersyukur memandangkan kesemua ahli keluarganya selamat walaupun hanya tinggal sehelai sepinggang.



DAYANG Rosnah binti Ismail, mangsa dari Kampong Danau (atas) dan Dayang Saunah binti Abu Bakar (bawah), mangsa kebakaran di Kampong Birau masing-masing menerima sumbangan dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan seterusnya menerima sumbangan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat.



DAYANG Saunah (kiri) berterima kasih kepada pihak yang sudi menghulurkan bantuan, sementara Dayang Rosnah (kanan) menyatakan mereka terus berpatah balik dari Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh apabila mengetahui rumahnya terbakar.



TINJAUAN pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat dan pihak YSHHB ke rumah Dayang Tauyah binti Jair bersebelahan dengan rumah kepunyaan Dayang Rosnah binti Ismail yang kedua-duanya hangus dijilat api.

IHP November 2006 meningkat 0.8 peratus

JABATAN Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai bahawa Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan November 2006 meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding bulan Oktober 2006 dengan indeks 102.8. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh kembalinya harga ke paras asal selepas Jualan Besar-besaran Brunei yang diadakan dari 15 September hingga 29 Oktober 2006 (Jadual 1).

Kos makanan dan minuman meningkat 0.1 peratus disebabkan oleh harga tinggi bagi daging kambing segar dan beku, daging ayam segar, susu, telur, keju, minyak masak dan buah-buahan.

Kenaikan harga pakaian sedia siap dan aksesori, fabrik bagi lelaki dan wanita dan kasut menyebabkan peningkatan 8.2 peratus dalam kos pakaian dan kasut.

Kos peralatan, perkhidmatan dan pengendalian rumah meningkat 2.2 peratus disebabkan oleh harga tinggi bagi alat perbot, alas lantai, alat hiasan rumah tangga, alat dan perkakas dapur, pinggan mangkuk dan kutleri serta pengendalian rumah tangga.

Penurunan harga beberapa tambang

udara menyebabkan penurunan 0.1 peratus dalam kos pengangkutan.

Kos rekreasi dan hiburan meningkat 1.3 peratus berikutan kenaikan harga pakej percutian.

Peningkatan 0.2 peratus dalam kos pelbagai barangan dan perkhidmatan adalah disebabkan oleh kenaikan harga rokok, penjagaan diri dan alat dan lain-lain barangan kegunaan persendirian.

Kos perumahan, air, elektrik dan pemeliharaan, komunikasi, pendidikan dan perubatan serta kesihatan tidak berubah seperti di bulan sebelumnya.

IHP bagi bulan November 2006 adalah 0.2 peratus lebih rendah daripada indeks di bulan yang sama pada tahun 2005.

Nota:

Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah petunjuk untuk mengukur perubahan pada harga-harga barangan dan perkhidmatan dalam sebarang tetap barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh sebuah keluarga dalam satu tempoh masa tertentu.

IHP ini adalah semata-mata pengukur bagi perubahan harga dan bukan pe-

Jadual 1 : INDEKS HARGA PENGGUNA (2002 = 100)

No	Kumpulan Utama	Kewajaran	Indeks			% Perubahan	
			Nov-05	Nov-06	Nov-06	Nov 06/ Okt 06	Nov 06/ Nov 05
	Indeks Keseluruhan	10,000	103.0	102.0	102.8	0.8	-0.2
I	Makanan dan minuman ringan	2,877	101.8	101.7	101.8	0.1	0.0
II	Pakaian dan kasut	561	93.4	87.6	94.8	8.2	1.5
III	Perumahan, air, elektrik dan pemeliharaan	884	98.7	96.9	96.9	0.0	-1.8
IV	Peralatan perkhidmatan & pengendalian rumah	860	94.1	92.3	94.3	2.2	0.2
V	Pengangkutan	2,251	107.3	106.5	106.4	-0.1	-0.8
VI	Perhubungan	548	89.6	88.4	88.4	0.0	-1.3
VII	Pendidikan	471	98.1	98.0	98.0	0.0	-0.1
VIII	Perubatan dan kesihatan	98	100.0	100.5	100.5	0.0	0.5
IX	Rekreasi dan hiburan	814	129.1	126.6	128.2	1.3	-0.7
X	Pelbagai barangan dan perkhidmatan	636	101.8	104.4	104.6	0.2	2.8

Sumber: Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

ngukur bagi perubahan-perubahan pada kos sara hidup kerana IHP tidak mengambil kira faktor-faktor lain seperti perubahan gaya hidup, peningkatan pendapatan keluarga dan terdapatnya barangan atau perkhidmatan yang baru. Justeru itu, indeks hanya menggambarkan perubahan-perubahan harga.

Sebakul tetap barangan dan perkhidmatan adalah merupakan pola (pattern) penggunaan kebanyakan keluarga di Negara Brunei Darussalam yang diperolehi daripada hasil Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK).

Pengiraan indeks adalah secara purata kewajaran 'arithmetic' bagi

perubahan sebahagian harga barangan dan perkhidmatan dalam sebakul tetap di mana pengiraan kewajaran adalah berasaskan perbelanjaan purata bagi setiap keluarga.

Kadar inflasi tahunan adalah dikira dengan membandingkan purata indeks bagi 12 bulan dengan indeks bagi tahun sebelumnya.

TIGA ANGGOTA PENGAKAP MALAYSIA TERIMA PINGAT KEHORMATAN PPNBD



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menyempurnakan penyampaian Pingat Cemerlang (Kehormat) Darjah Pertama Pingat Pengakap PPNBD kepada Ketua Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Mohd. Shafie bin Haji Mohd. Salleh.

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Foto : Ramli Tengah.

GADONG, Khamis, 19 Januari. - Tiga anggota pengakap dari Persekutuan Pengakap Malaysia hari ini dianugerahkan Pingat Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) di satu Majlis Jamuan Tengah Hari di Bilik Mesyuarat, Hotel Antarabangsa Rizqun di sini.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

(PPNBD) menyempurnakan penyampaian Pingat Cemerlang (Kehormat) Darjah Kedua di-anugerahkan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Dr. Haji Mohd. Shafie bin Haji Mohd. Salleh.

Sementara itu kedua-dua Pingat Cemerlang (Kehormat) Darjah Kedua di-anugerahkan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia, Kolonel Profesor Dato' Dr. Haji Kamarudin bin Haji Kanchar dan kepada Bendahari Kehormat,

Persekutuan Pengakap Malaysia, Dato' Haji Kaharuddin bin Haji Momin yang disempurnakan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof, Ketua Pengakap PPNBD.

Kira-kira 30 anggota pengakap dari PPNBD dan Persekutuan Pengakap Malaysia hadir pada majlis itu.

Terdahulu dari itu, kedua-dua perwakilan dari PPNBD dan Malaysia menyampaikan ucapan yang antara lain akan terus

mengeratkan dan mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua persekutuan.

Delegasi dari Malaysia itu juga menyampaikan 'Baton Keamanan Pengakap Kelana' (Rover Peace Baton) yang telah singgah di Malaysia dan kini baton itu pula disampaikan kepada PPNBD. Baton ini memulakan perjalanannya sejak 20 Ogos 2006 menuju ke 25 buah negara di rantau Asia yang berpusat di Republik Filipina.

Negara Brunei Darussalam adalah persinggahan baton tersebut dan sesudah itu baton tersebut akan diantar oleh Pengakap PPNBD ke Republik Filipina pada 23 Januari 2007 ini.

Baton ini adalah bagi memperingati 50 tahun tertubuhnya Pengakap Rantau Asia Pasifik yang ditubuhkan pada 1956 di Manila.

Sejarah perjalanan baton ini diadakan di ketiga-tiga buah negeri. Perjalanan pertama bermula dari Fiji. Ini diikuti baton kedua bermula dari Pakistan, manakala baton ketiga dari Jepun. Ketiga-tiga baton ini hendaklah sampai sebelum 22 Februari 2007 di Republik Filipina.

Matlamat baton ini untuk memberikan kesedaran kepada dunia betapa perlunya keamanan kepada pengakap-pengakap dan masyarakat dunia yang sedang bergolak dengan bermacam-macam masalah seperti peperangan, keganasan, sosial, dadah dan sebagainya.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof, Ketua Pengakap, PPNBD menyampaikan kedua-dua Pingat Cemerlang (Kehormat) Darjah Kedua Pingat Pengakap PPNBD kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia, Kolonel Profesor Dato' Dr. Haji Kamarudin bin Haji Kanchar (atas) dan kepada Bendahari Kehormat, Persekutuan Pengakap Malaysia, Dato' Haji Kaharuddin bin Haji Momin (bawah).



Baton Keamanan Pengakap tiba di Negara Brunei Darussalam

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 17 Januari. - Baton Keamanan Pengakap Kelana Asia Pasifik tiba di Negara Brunei Darussalam setelah dibawa menjelajah ke Malaysia sebelumnya.

Sebaik tiba di negara ini, Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali menerima baton tersebut dari Ketua Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Mohd. Shafie bin Haji Mohd. Saleh.

Majlis Penyerahan Baton yang dibawa terus dari Semenanjung Malaysia itu diadakan di Bangunan PPNBD di sini.

Baton berkenaan kemudiannya diserahkan

kembali kepada Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Badar bin Haji Ali yang seterusnya menyerahkannya kepada Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Ahmad, Pemangku Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait untuk memulakan larian di daerah berkenaan.

Larian Baton Keamanan Pengakap Kelana Asia Pasifik adalah sebahagian daripada acara sambutan perayaan Jubli Emas pengakap di rantau Asia Pasifik dan sambutan ulang tahun ke-100 penubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia.

Baton Keamanan Pengakap Kelana ini telah menjelajahi hampir semua 25 buah negara ahli di rantau ini melalui tiga laluan utama dan akan sampai di Ibu Pejabat Pengakap Rantau Asia Pasifik di Manila, Republik Filipina.

Larian baton keamanan di negara ini dijangka akan disertai oleh kira-kira 500 orang pengakap bermula dari Daerah Belait, Tutong,



YANG Dipertua Persekutuan PPNBD, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali menerima baton keamanan Pengakap Kelana Asia Pasifik dari Ketua Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Mohd. Shafie bin Haji Mohd. Saleh. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Temburong dan berakhir di Daerah Brunei dan Muara yang kemudiannya akan diantar ke Republik Filipina pada 23 Januari ini.

Ketika baton berada di setiap daerah pelbagai aktiviti pengakap telah diadakan bagi memeriahkan lagi

larian tersebut.

Larian baton tersebut membawa maksud jelas iaitu keamanan dan persaudaraan melalui kegiatan pengakap yang berfaedah dalam usaha menyampaikan mesej keamanan dunia.

606 pelajar, keluarga terima bantuan YSHHB

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Januari. - Seramai 606 orang pelajar dan keluarga dari tiga kategori yang kurang berkemampuan di seluruh negara menerima sumbangan bantuan peralatan persekolahan dari Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah (YSHHB) berjumlah B\$35,420.00.

Kategori 'A' terdiri dari 305 pelajar yang menerima sumbangan berupa kupon bernilai B\$30.00 dan buku-buku tulis; Kategori 'B' pula ialah 273 pelajar yang menerima kupon bernilai B\$60.00 dan buku tulis, manakala Kategori 'C' diberikan kepada 28 orang pelajar yang menerima sumbangan kupon bernilai B\$60.00, buku-buku tulis serta pakaian seragam sekolah.

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud berlangsung di Kompleks Bangunan YSHHB di sini.

Menurut Siaran Akhbar YSHHB, sumbangan itu dihasratkan bagi meringankan beban perbelanjaan keluarga khasnya para ibu bapa mereka dalam menyediakan keperluan persekolahan bagi penggal awal persekolahan tahun 2007.

Di samping itu, sumbangan ini juga diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pelajar berkenaan dan seterusnya menjadi pendorong kepada mereka untuk mengahai kepentingan pendidikan bagi memperbaiki taraf hidup mereka dan keluarga di masa hadapan.

Ia juga merupakan projek tahunan pihak YSHHB dalam bidang pendidikan dan diharapkan akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bagi sama-sama memeduli kebajikan mereka yang kurang bernasib baik dan sangat-sangat memerlukan.

Projek tahunan pihak YSHHB itu selaras dengan dasar dan tujuan penubuhan YSHHB dalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat khususnya mereka yang difikirkan sangat memerlukan.

Pihak YSHHB terus mempertingkatkan penglibatannya dalam memeduli hal ehwal pendidikan anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan dengan memberikan sumbangan bantuan berupa buku-buku dan peralatan sekolah.

SUKAN

PUNGUTAN PINGAT KESELURUHAN
SUKAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN 2006 / 2007
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEDUDUKAN N BIL	KEMENTERIAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	KEMENTERIAN PERTAHANAN	13	7	7	27
2	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	8	12	14	34
3	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	6	1	1	8
4	JABATAN PERDANA MENTERI	4	10	6	20
5	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	2	2	3	7
6	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	1	1	2	4
7	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	0	1	0	1
8	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	0	0	1	1
9	KEMENTERIAN KEWANGAN	0	0	1	1
10	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN	0	0	0	0
11	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA	0	0	0	0
12	KEMENTERIAN KESIHATAN	0	0	0	0
	JUMLAH PINGAT	34	34	35	103

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan DPMM FC dan Korea National Police Agency berkongsi jaringan 1-1



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan di antara DPMM FC menentang pasukan Korea National Police Agency di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, 28 Januari. Perlawanan itu berakhir dengan keputusan seri 1 - 1. Jaringan pasukan DPMM FC diperolehi menerusi Haji Subhi Abdillah Bakir di minit keempat, sementara pasukan pelawat menyamakan kedudukan menerusi rembatan Kim Heung Sub di minit ke-85. Perlawanan persahabatan itu merupakan salah satu siri perlawanan 'panas badan' bagi DPMM FC untuk memantapkan lagi pasukan dalam persaingan kempen Liga Super 2006/2007. - Berita dan Foto : Samle Haji Jait.

MS ABDB atasi QAF FC rangkul Piala Liga

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

KEKECEWAAN Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) untuk mengungguli Liga Bola Sepak Brunei musim lalu akhirnya terubat juga apabila mereka berjaya menjuarai Piala Liga, dengan menundukkan QAF FC 3 - 2 pada perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Rabu, 24 Januari lepas.

Bagaimanapun, untuk merebut kejuaraan itu bukanlah mudah, mereka terpaksa mengharungi perlawanan masa tambahan selepas kedudukan terikat 2 - 2 dalam masa 90 minit permainan.

Dan di masa tambahan separuh masa kedua MS ABDB mendapat tuah apabila rembatan jarak dekat Noormasaidiarwan Md. Saini menerjah masuk gol QAF FC Mohammad Sahan Mumtazali untuk

mengubah kedudukan 3 - 2.

Jaringan tersebut menobatkan MS ABDB sebagai pasukan pertama yang merangkul Piala Liga, serta memenangi hadiah wang \$3 ribu, manakala naib juara QAF FC menerima hadiah \$2 ribu yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abd. Rahman.

Terdahulu sebelum itu pada awal lima minit permainan bermula QAF FC sudah mendahului ke depan mengatasi MS ABDB 1 - 0 apabila sepakan sudut Ak. Mohd. Kamarul Ariffin Pg. Ramlee berjaya ditanduk masuk Christopher anak Ambun.

Jaringan pembukaan itu terus membakar semangat kesebelasan QAF FC yang diketuai oleh Yang

Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi untuk menguasai permainan yang akhirnya membuahkan hasil jaringan kedua juga melalui sepakan sudut Ak. Mohd. Kamarul Ariffin yang berjaya ditanduk masuk oleh Viban Francis Bayong.

Selepas ketinggalan 2 - 0, corak permainan MS ABDB kemudian berubah dengan banyak melakukan gerakan-gerakan dari tengah dengan Saruji Haji Bakar, Saiful Aznee Zaini banyak membuka ruang kepada penyerang mereka Dahari Haji Yusof dan Mohd. Sardillah Haji Abdullah melakukan percubaan-percubaan ke pintu gol QAF FC.

Perhitungan yang mereka lakukan itu kemudian memberikan kesan apabila percubaan Haji Md. Yusof Haji Mat Yassin gagal dihalang oleh penjaga gol QAF FC, Mohammad Sahan Mumtazali untuk kedudukan 2 - 1.

Pada separuh masa



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi mengetuai cabaran pasukan QAF FC berdepan dengan pasukan MS ABDB pada perlawanan akhir Piala Liga. - Foto : Ampuan Mahmood Ampuan Haji Tengah.

kedua corak permainan MS ABDB semakin terserlah dengan lebih banyak percubaan mereka lakukan sehingga menutup peluang QAF FC untuk melancarkan serangan.

Percubaan yang bertali arus itu menempati sasaran MS ABDB untuk menyamakan kedudukan 2 - 2 melalui sepakan penalti selepas Mohd. Sardillah dijatuhkan dekat pintu gol dan pengadil perlawanan Haji Zulkipli Haji Ahmad menghadihkan sepakan tersebut.

Peluang keemasan tersebut dimanfaatkan dengan baik oleh Dahari yang juga dipilih sebagai pemain terbaik perlawanan akhir, merembat masuk mengatasi jangkauan penjaga gol Mohammad Sahan Mumtazali, menjadikan kedudukan 2 - 2.

Kedudukan tersebut kekal hingga tamat perlawanan dan pada masa tambahan permainan MS ABDB memperolehi jaringan emas tersebut untuk muncul sebagai juara.

Silaturahmi melalui sukan



SEBAHAGIAN acara sukan yang berjaya menarik perhatian peserta. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

TEMBURONG, Ahad, 21 Januari.- Saudara-saudara baru di Daerah Temburong di seru supaya meningkatkan taraf hidup dengan mengukayakan apa jua kegiatan yang berfaedah dengan tidak hanya menaruh harapan kepada bantuan mana-mana pihak. Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba membuat seruan tersebut semasa merasmikan Sukan Muhibah Anjuran Bersama Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong dan Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Temburong (P.E.S.A.T) di kawasan Taman Batang Duri di sini.

Beliau menyeru supaya mengusahakan semula penanaman limau manis yang sejak kebelakangan ini kurang mendapat sambutan disebabkan oleh beberapa faktor.

Sukan bersempena sambutan awal tahun baru Hijrah 1428 itu antara lain bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahmi di antara ahli-ahli persatuan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah, di samping mengeratkan hubu-

ngan silaturahmi di antara masyarakat Islam dan bukan Islam di daerah tersebut.

Sukan muhibah bermula dengan senaman pemanasan badan disertai oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong dan para peserta.

Antara acara sukan yang diadakan termasuk memasukkan kelapa ke dalam manik disandang oleh Dayang Syaza Hazwani binti Abdullah, sementara pasangan adik-beradik Ruzaini dan Harizah binti Abdullah memenangi acara mengolek kelapa tua, manakala acara memaling batu dimenangi oleh Mohd. Junaidi bin Abdullah.

Antara kegiatan yang dirancang oleh persatuan ini di masa akan datang termasuk mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 Tahun.



MENYERLAH ... MS ABDB meraikan kejayaan sebagai juara selepas mengatasi QAF FC 3 - 2 pada perlawanan akhir merebut Piala Liga di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyampaikan Piala Liga kepada Ketua Pasukan MS ABDB yang merangkul piala tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Kewangan Ukraine, Tuan Yang Terutama Mykola Y Azarov.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Puan Jennifer Yeo di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap Timbalan PM Ukraine

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Januari.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Kewangan Ukraine, Tuan Yang Terutama Mykola Y Azarov berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

bugan ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dan Ukraine.

Semasa mengadap, Tuan Yang Terutama Mykola Y Azarov diiringi oleh Timbalan Pengerusi Pertama, Bank National Ukraine dan enam orang pegawai kanan Ukraine.

Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya; Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri

Setia Haji Awang Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo di Istana Nurul Iman.

DPM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo Yong Boon di Istana Nurul Iman.

Di Majlis Mengadap itu Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Joseph K H Koh dan Pengarah (Asia Tenggara) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Peter Tan.

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

Hadir di Majlis Mengadap itu Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Per-

dagangan, Dato Paduka Awang Haji Shofry bin Abdul Ghafor.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura dan rombongan adalah dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negara ini.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar semasa merasmikan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) Cawangan Tanjung Bunut.

Dianugerahkan Lencana Juruterbang

RIMBA, Khamis, 25 Januari.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan Lencana Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) kepada Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Dato' Sri Azizan bin Ariffin.

Penganugerahan lencana tersebut merupakan tanda penghargaan kepada Yang Berbahagia Jeneral Dato' Sri Azizan di atas perkhidmatan dan usaha beliau yang cemerlang, di samping sumbangan yang tinggi dalam mening-

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

katkan lagi hubungan antara TUDB dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Penganugerahan disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff di Markas Pangkalan TUDB di sini.

Sejurus Majlis Penganugerahan tersebut, Yang Berbahagia Jeneral Dato' Sri Azizan mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral Dato

Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin di ruangan lain markas.

Sebelum itu sejurus tiba, Yang Berbahagia menerima tabik kehormatan dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan.

Dari muka 1

Cawangan ini menyediakan dua buah mesin juruwang ATM kemudahan tambahan kepada para pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan perbankan pada bila-bila masa.

Cawangan BIBD Tanjung Bunut dikendalikan sepenuhnya oleh 12 orang pegawai dan kakitangan termasuk pegawai yang mengendalikan sebuah kaunter bagi urusan-urusan takaful yang menawarkan produk-produk dan perkhidmatan insurans Islam dari anak syarikat bank iaitu Takaful BIBD Berhad.

MEMPERINGATI 100 TAHUN PEMBANGUNAN BANDAR DI DARAT مَمْقَرَايْغَاتِي ١٠٠ تَاهُون قَمْبَاغُونَن بَنْدَر دَدَارَة

دَتَرِيْتِكَن اَوَّلَه جِبَاتَن قُورَاغَن، جِبَاتَن قُورَدَان مَنْتَرِي دَان دَجِيْتَق اَوَّلَه جِبَاتَن قُورَجِيْتَقَن كِرَاغَن، جِبَاتَن قُورَدَان مَنْتَرِي، نَكَارَا بَرُونِي دَارَالسَلَام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777



BANGUNAN kekal IPA di Kampong Rimba

IPA : PENYALUR KEMAHIRAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM

PENDAHULUAN

INSTITUT Perkhidmatan Awam (IPA) merupakan sebuah institut yang diberi mandat untuk menyalurkan kemahiran-kemahiran kepada warga Perkhidmatan Awam (PA) di negara ini. Pada usia IPA yang sudah menjangkau 30 tahun, setentunya kita ingin mengetahui pencapaian-pencapaian yang telah dibuat oleh institut ini sepanjang memberikan bakti dalam tiga dekad yang lalu.

PENCAPAIAN

Dari segi pencapaian peserta, permohonan adalah meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 2004, Pihak IPA telah berjaya mengadakan kursus seramai 3,211 orang iaitu 21 peratus daripada jumlah pemohon sebenar (14,0712 orang). Angka ini melonjak kepada 32.8 peratus (5,439 orang) pada tahun 2005 dan meningkat lagi pada tahun 2006 sebanyak 33.2 peratus.

Adanya peningkatan permohonan ini menunjukkan, IPA sudah mendapat pengiktirafan daripada warga PA khususnya dalam menyalurkan kemahiran-kemahiran terhadap mereka.

Melalui temu bual Wartawan PELITA BRUNEI, Pengarah IPA, Awang Haji Junaidi bin Omar, jika ditinjau dari segi pencapaian kemahiran, pegawai-pegawainya sudah dapat mengendalikan kursus-kursus profesional seperti Teknologi

Oleh : Norlia Md. Zain

Maklumat dan Komunikasi (ICT). Selain itu pegawai-pegawai di IPA juga sudah mampu menjadi konsultan atau perunding cara dalam bidang-bidang tertentu di Kementerian-kementerian seperti Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).

Menurut Pengarah IPA, setakat ini separuh daripada penceramah-penceramah kursus adalah rakyat tempatan. Sebahagiannya terdiri daripada pegawai-pegawai IPA sendiri dan sebahagian lagi didatangkan dari jabatan-jabatan lain. Selain itu pihak IPA sedang berusaha untuk memanggil semula pegawai-pegawai yang sudah bersara untuk mengadakan ceramah.

Tambah beliau lagi, pada masa ini pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan institut tersebut sudah memperolehi pengiktirafan berupa 'Professional Certificate' dan pengiktirafan badan-badan antarabangsa yang lain seperti 'Licence ICDL in Computer'.

Jika ditinjau pencapaian dari segi pendidikan pegawai-pegawai latihan pula, pada masa ini pendidikan tertinggi yang dicapai ialah peringkat Sarjana. Walau bagaimanapun pihak IPA sudah memikirkan untuk menghantar pegawai-pegawainya mengikuti pengajian di peringkat Ph.D. Pihak IPA tidak kendur-kendur



PENGARAH Institut Perkhidmatan Awam, Awang Haji Junaidi bin Omar.

MENURUT Pengarah IPA, setakat ini separuh daripada penceramah-penceramah kursus adalah rakyat tempatan.

Sebahagiannya terdiri daripada pegawai-pegawai IPA sendiri dan sebahagian lagi didatangkan dari jabatan-jabatan lain. Selain itu pihak IPA sedang berusaha untuk memanggil semula pegawai-pegawai yang sudah bersara untuk mengadakan ceramah.

CABARAN

Sememangnya institut ini menghadapi beberapa cabaran antaranya keupayaan institut ini dalam mengendalikan latihan kepada seluruh warga PA. Permohonan warga PA untuk menjalani kursus di IPA sememangnya agak ramai dan pihak IPA hanya mampu memenuhi sebanyak enam hingga 11 peratus daripada jumlah permohonan.

Pengarah IPA menyatakan, pihaknya mengambil jumlah peserta yang sedikit agar penyampaian kursus yang diberikan boleh mendatangkan impak yang lebih berkesan terhadap mereka. Jumlah peserta yang sedikit membolehkan setiap pegawai latihan atau penceramah berinteraksi dengan mudah.

Oleh itu untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, pihak institut sedang berusaha untuk mewujudkan e-latihan (e-training) agar pihak IPA lebih mudah menyalurkan kursus kepada mereka yang memerlukan secara 'online'.

menggalakkan pegawai-pegawai latihan untuk menimba seberapa banyak ilmu demi meningkatkan tahap akademik yang sedia ada.

Dari segi infrastruktur, keadaan bangunan kekal yang ada sekarang mencukupi untuk pihak IPA mengendalikan kursus kepada para peserta. Setakat ini bangunan IPA mempunyai 12 bilik kuliah dan empat buah bilik komputer. Selain itu institut ini juga mempunyai dua buah dewan besar yang boleh menampung 150 dan 300 orang untuk kegunaan majlis dan persidangan, dua buah dewan sederhana yang menampung 40 dan 60 orang dan sebuah bilik mesyuarat. Turut disediakan ialah perpustakaan yang menyimpan pelbagai buku di bidang pengurusan yang terbuka untuk orang ramai.

Dari segi penyaluran kursus, pihak IPA sudah berjaya membuat kerjasama dengan institut kemahiran dari negara luar seperti Malaysia iaitu INTAN dan program ini akan dijadikan sebagai program tahunan. Dengan kejayaan itu, IPA sedang memikirkan untuk melarutkan kerjasama ini dengan negara lain di rantau ASEAN.

STATISTIK PESERTA

Tahun	Jumlah peserta	Peratus dari permohonan
2004	3,211	21
2005	5,439	32.8
2006	t.d	33.2

Sumber : Institut Perkhidmatan Awam

Lihat muka 2



1977 ... Bekas rumah kerajaan dijadikan sebagai Unit Latihan yang terletak di Jalan Kumbang Pasang.



1985 ... Unit Latihan yang terletak di Jalan Kumbang Pasang. Bangunan ini merupakan bekas bangunan Jabatan Tanah dan Ukur.

Dari muka 1

Selain itu cabaran yang dihadapi oleh pihak IPA juga adalah untuk mengembangkan kemahiran di kalangan kakitangan-kakitangan IPA. Oleh itu pihak IPA pada masa ini membukakan peluang-peluang kepada mereka untuk meneruskan pelajaran misalnya meneruskan pelajaran di peringkat Sarjana atau Ph.D.

Di samping mengeluarkan kursus-kursus jangka pendek sekitar tiga hari hingga sebulan, pihak IPA dalam perancangannya akan mengembangkan kursusnya hingga peringkat diploma dalam bidang pengurusan. Ke arah mencapai usaha ini, pihak IPA sedang berusaha untuk bekerjasama dengan institut-institut kemahiran dari luar negeri untuk mengadakan kursus-kursus berkembar (twinning programme).

Pada masa yang sama institut ini juga bercita-cita untuk mengantarabangsakan IPA agar ia setaraf dengan mana-mana institusi kemahiran dari seluruh dunia.

PERANCANGAN 2007

Disebabkan setakat ini institut berkenaan hanya menyelia dan menyelaraskan program-program, maka perubahan dari segi struktur telah dirancang yang dihasratkan boleh mengeluarkan pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang pengurusan.

Selain itu institut ini juga merancang untuk menjadikan IPA sebagai 'learning organisation' supaya pengetahuan yang diperolehi sentiasa 'up-to-date'.

Dari segi kursus-kursus latihan, sebanyak 45 jenis program telah disediakan dari segi sumber tenaga manusia, 11 jenis program inovasi dan produktiviti, empat jenis program pembaharuan PA, 27 program teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan perkembangan kemahiran (skills development) dan enam program antarabangsa. Selain itu IPA juga berura-ura untuk mengeluarkan diploma dengan institut antarabangsa dalam bidang pengurusan.

Pada masa ini IPA sudah membuat Perancangan Strategik 2006 - 2016 dan pada masa ini pihak IPA sedang melaksanakan perancangan tersebut.

Perkara yang ingin dicapai oleh IPA pada tahun 2016 ialah mempertahankan program latihan berkualiti, memodenkan PA, mengantarabangsakan IPA dan meningkatkan produktiviti organisasi.

Di dalam rajah tersebut, terdapat lima kriteria yang dititik beratkan oleh pihak IPA iaitu sumber atau peruntukan, pembelajaran dan kemajuan staf, proses dalaman, pelanggan dan pihak berkepentingan.

Pada peringkat awal ini menurut Pengarah IPA, pihaknya akan memastikan kesemua peruntukan kewangan yang diperuntukkan kepada IPA akan dimanfaatkan secara optima. Turut menjadi perhatian adalah dari segi pembelajaran dan kemajuan staf iaitu dengan menambah kadar literasi dalam teknologi baru, menyemai pengurusan bakat dan melaksanakan budaya pembelajaran. Manakala bagi proses dalaman, pihak IPA akan berusaha untuk memenuhi keperluan-keperluan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).

PERANCANGAN DI MASA AKAN DATANG

Antara perancangan institut berkenaan di masa akan datang bagi penubuhan sebuah pusat yang khusus untuk menjalankan penyelidikan mengenai pengurusan Brunei (Research in Brunei Management). Pihak IPA memikirkan cara pengurusan di Brunei amat menarik untuk dijadikan bahan kajian. Selain itu, penyelidikan ini juga perlu untuk menambah koleksi bahan rujukan di bidang pengurusan. Setakat ini penyelidikan seperti pengurusan cara barat (Western Management) dan pengurusan cara Islam (Islamic Management) telah pun dilakukan.

SASARAN PESERTA

Pada masa ini, pihak IPA membukakan kursus-kursusnya untuk seluruh warga PA dari divisyen satu hingga lima dan beberapa organisasi bukan kerajaan (NGO) di negara ini. Setiap kursus telah ditentukan sasarannya iaitu mengikut tahap divisyen peserta. Kira-kira 90 peratus peserta adalah terdiri daripada warga PA, manakala selebihnya adalah warga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (NGO).

AKTIVITI

Pengarah IPA menegaskan, setiap peserta yang mengikuti kursus-kursus di IPA akan menghadapi ujian permulaan (pre-test) serta mengikuti latihan amali semasa kursus dijalankan. Misalnya aktiviti KKC bukan sahaja dilakukan di IPA bahkan latihan amalinya turut dilaksanakan di organisasi tersebut untuk memastikan sejauh mana teori itu dapat diaplikasikan.

Semasa mengendalikan kursus, pihak IPA akan memastikan kursus-kursus yang diikuti oleh para peserta



GAMBAR HIASAN ... Para peserta sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh penceramah yang diundang dari Republik Singapura.

dapat difahami dan diaplikasikan kepada organisasi-organisasi di mana mereka berkhidmat. Oleh itu setiap kursus yang dikendalikan akan diedarkan borang-borang penilaian kepada para peserta. Pada masa ini pihak IPA sedang berusaha memantau sejauh mana keberkesanan kursus-kursus tersebut kepada setiap organisasi.

Selain memberikan latihan, institut ini juga memberikan khidmat konsultasi kepada para peserta. Institut ini juga menerbitkan beberapa buah buku untuk dijadikan panduan kepada mereka yang memerlukan. Selain itu institut ini juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan demi memantapkan lagi prestasi IPA.

SEJARAH IPA

Jika ditinjau IPA pada 30 tahun yang lalu, ia hanyalah satu unit kecil yang dikenali sebagai Unit Latihan di bawah Jabatan Perjawatan pada 1 Januari 1977. Namun pada masa sekarang, IPA adalah sebuah institusi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Perkembangan ini menunjukkan betapa kemahiran itu penting disalurkan dengan keadaan yang lebih berstruktur dan berstruktur.

Di awal penubuhan, pejabatnya hanyalah sebuah bekas rumah kerajaan yang kecil terletak di Jalan Kumbang Pasang yang mempunyai sebuah bilik darjah.

Dalam tahun 1985 pula, Unit Latihan ini telah berpindah ke bekas bangunan Jabatan Tanah dan Ukur yang terletak di Jalan Kumbang Pasang yang mempunyai lima buah bilik kuliah dan sebuah makmal komputer.

Pada tahun 1996, barulah IPA mempunyai bangunan yang kekal yang ada pada masa ini, terletak di Kampung Rimba.

MISI, VISI DAN NILAI-NILAI IPA

Misi IPA ialah untuk menyediakan latihan dan khidmat konsultasi dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan teknologi maklumat kepada warga PA, agensi-agensi terlibat dalam pembangunan negara dan pelanggan antarabangsa bagi meningkatkan kompetensi untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam suasana persekitaran yang sentiasa berubah.

Sementara itu, visi IPA pula adalah untuk menjadi sebuah institut perkembangan sumber manusia yang terbilang.

Selain itu, IPA juga menanamkan nilai-nilai tertentu dalam menjalankan tanggungjawabnya. Nilai-nilai yang dimaksudkan ialah nilai profesional, kerja berkumpulan (team work), integriti, dinamik, 'role model' dan program yang memenuhi cita rasa.

STRUKTUR ORGANISASI

IPA diketuai oleh seorang pengarah dan setakat ini institut tersebut mempunyai 60 orang kakitangan. Pengarah IPA dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah. Pada masa ini IPA mempunyai lima orang Pegawai Latihan Kanan serta sembilan orang Pegawai Latihan. Manakala lapan kakitangan menjawat jawatan sebagai Penolong Pegawai Latihan. Institut ini juga turut disertai oleh dua orang Pegawai Penyelidik Kanan, seorang Penolong Pegawai Penyelidik, seorang 'Programmer', 11 orang kerani dan 20 orang kakitangan yang menjawat jawatan lain seperti buruh, penjaga stor, 'technician', pemandu, pembantu pejabat dan sebagainya.

KESIMPULAN


Kadar peserta yang semakin bertambah menunjukkan betapa IPA pada masa ini mendapat pengiktirafan dari warga PA dari segi menyalurkan kemahiran terhadap mereka.

Kursus-kursus yang diadakan di IPA juga bersesuaian dengan semua warga PA kerana setiap kursus yang diberikan adalah mengikut tahap pengetahuan yang dicapai oleh peserta itu.

Kredibiliti pegawai-pegawai latihan amat dititikberatkan oleh pihak IPA. Oleh itu pihak IPA sentiasa menggalakkan pegawai-pegawainya untuk meningkatkan tahap akademik mereka dengan meneruskan pembelajaran di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Ph.D.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang terdapat di IPA, institut ini berjaya menyalurkan latihan-latihan kepada para peserta. Dengan kemudahan teknologi yang disediakan, para penceramah dapat menggunakan pelbagai metodologi pengajaran seperti penggunaan program komputer dan kaedah aktiviti berupa permainan yang boleh meningkatkan perkembangan berpasukan.

Dengan adanya usaha pihak IPA untuk bekerjasama dengan institut kemahiran dari luar negeri, maka tidak mustahil cita-cita untuk mengantarabangsakan IPA akan terlaksana.



Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

I. PENGENALAN

DUNIA manusia tidak kalah dengan peramal masa depan. Yang mahu diri mereka dianggap sebagai peramal juga banyak. Sesetengah bangsa mengizinkan ramalan sebelum menggerakkan satu aktiviti baru ataupun meneruskan yang lama. Kita biasa dengan *feng shui*, tilik nasib dan tidak kurang juga yang mahu mencuba nasib. Ramalan datang dalam pelbagai versi sama ada yang bersifat fizikal dan spiritual. Anda mungkin pernah dengar nama seperti Nostradamus. Peramal masa depan abad ke-16. Tapi itu dulu. Ketika dunia menginjak abad ke-21, muncul John Naisbitt dengan bukunya bertajuk *Megatrends Asia* dengan ramalan bahawa ekonomi dunia akan bertumpu di Asia. Ramai pemimpin dunia mula membuka mata dengan pandangan penulis berkenaan apatah lagi rantau Asia ketika itu sedang menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat. Antara faktor yang menyumbang kepesatan ekonomi Asia ketika itu ialah rantau ini bebas daripada peperangan, sengketa kaum dan dasar jiran yang maju akan memakmurkan ekonomi jiran yang lain.

Sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun, ramalan tersebut menyuguhkan kenyataan sehinggalah rantau Asia digegarkan dengan kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 oleh golongan oportunis yang dilabel sebagai penyangak mata wang. Pertumbuhan ekonomi beberapa negara Asia yang menggelembung seperti belon itu pecah sehingga mengakibatkan beberapa negara Asia miskin dan ekonomi mereka mengundur 10 tahun ke belakang. Usaha gigih pemimpin Asia melepasi kemelut ekonomi dan mengimpikan sebuah negara maju dan makmur selama bertahun-tahun musnah ketika hanya beberapa langkah untuk memasuki abad ke-21. Sedikit sebanyak bencana kegawatan ekonomi Asia merencatkan ramalan John Naisbitt, tetapi kini keadaan telah berubah dan ekonomi kebanyakan negara Asia kembali bangkit setelah melalui tempoh sukar dalam upaya menguatkuasakan rejim pemulihan ekonomi yang ketat. Itu tentang ekonomi.

Pada tahun 1996, Samuel P. Huntington muncul dengan pengamatan tentang peradaban dunia mendatang melalui bukunya *The Clash of Civilisations and the Remaking of World Order* bahawa akan berlaku pertembungan Islam/Cina dengan Barat setelah kejatuhan komunisme (Sidek Saniff 1998:3). Jauh sebelum itu, sebenarnya sudah wujud gambaran *kampung sejagat* atau globalisasi. Marshal McLuhan dalam bukunya bertajuk *Explorations in Communications* (1960) menciptakan istilah globalisasi atau kampung sejagat untuk menjelaskan perubahan semipadan dunia yang akan berlaku disebabkan pengaruh maklumat sejagat (Hassan Ahmad 1998:14). Mbah Marjan tokoh informal Yogyakarta juga tak kalah banding. Lihatlah bagaimana Mbah Marjan dengan yakin meramal Gunung Merapi tidak akan memuntahkan laharnya. Sedang Kerajaan Indonesia melalui institusi yang bertanggungjawab dengan bencana alam mengarahkan masyarakat dan penduduk sekitar agar segera berpindah, tetapi Mbah Marjan tetap berdiri di situ, di mana lehurnya dikatakan arif dengan lenggok dan tari Gunung Merapi. Gunung Merapi masih belum meletup, ironinya, Mbah Marjan yang diiktiraf sebagai Juru Kunci Gunung Merapi sudah menjadi selebriti iklan sekarang malah boleh duduk sebaris dengan pak-pak menteri dalam majlis tertentu.

Pada penghujung tahun 2004, seluruh dunia dikejutkan dengan rempuhan ombak Tsunami. Sebenarnya, lima tahun sebelum kejadian, pada tahun 1998, mengikut Johan Jaafar (2005:13) Ketua Jabatan Kaji Cuaca Thailand, Samith Dharmasaroja pernah dikecam kerana memberi amaran mengenai Tsunami di Phuket. Kenyataan beliau menyebabkan keadaan panik di sekitar pantai pesisir Phuket sehingga mengundang kemarahan pengusaha hotel dan mereka yang terbahit dengan industri pelancongan. Seperti biasa tindakan drastik memecat beliau merupakan langkah yang dianggap betul agar tidak menjejaskan sektor pelancongan domestik yang menjana pendapatan asing dan peluang pekerjaan kepada masyarakat Thailand. Sebenarnya dalam masyarakat moden hari ini, tukang-tukang ramal ini masih cuba menempatkan diri mereka meskipun kemajuan teknologi maklumat mampu memberi isyarat kepada manusia.

Berbalik pada Samuel P. Huntington, satu ketika dulu momokannya patut dibakulsampahkan, John Naisbitt dan Marshal McLuhan benar, Mbah Marjan dengan praduga dan *instint* yang teguh dan Dharmasaroja tidak omong-omongan. Penelitian dan kajian Dharmasaroja ke atas bahan sejarah, rekod arkeologi, catatan sastera dan pola gempa bumi dan Tsunami di sekitar Asia meyakinkan beliau bahawa Tsunami boleh terjadi. Samith Dharmasaroja, Mbah Marjan, John Naisbitt, Marshal McLuhan dan ramai lagi bukan orang yang sama tetapi tujuannya satu mereka mahu menyedarkan dan membuka indera manusia hasil penelitian yang mendalam. Mereka tentu tidak mahu diangkat sebagai hero tetapi hari ini, orang seperti ini membuka mata di kalangan kita. Dalam kita bercakap soal aktiviti praduga, tidak semua praduga yang ditanggapi itu betul. Anehnya, boleh mendaratkan duit! Lihatlah bagaimana kerajaan dunia diselimi momokan palsu cecacing Y2K ketika dunia beralih daripada tahun 19 ke tahun 20. Dikatakan sistem pengkomputeran tidak mampu membaca dan mengubah catatan rekod yang membabitkan perpindahan angka. Segala data yang tersimpan akan lenyap. Dari satu segi, ketakutan menyumbang pulangan lumayan kepada syarikat yang diberi konsesi serta diberi status istimewa untuk menangani bencana cecacing alaf baru.

Sebenarnya semua pemaparan tersebut bukanlah untuk mendewa-dewakan mereka, tetapi inilah satu apresiasi terhadap pengabdian, pengamatan dan kecermerlangan budaya ilmu yang tidak dimiliki oleh ramai orang. Baik, kita tinggalkan dulu mereka dengan acahan prakejadian kerana bukan itu yang penulis ingin kongsi. Moral di

Oleh :
Mohd. Azurin Othman

sebalik bebreran penulis tentang ramalan daripada 'ikon-ikon masyarakat' ini, ialah tentang ramalan nasib bahasa kita akibat penangan globalisasi melalui kemajuan teknologi infokomunikasi dan teknologi lain yang menjadi sebahagian daripada gaya hidup moden hari ini. Seperti biasa, cerita tentang bahasa yang menekankan pentingnya nasionalisme bahasa, patriotisme bahasa, bahasa sebagai tradisi agung bangsa, penjajahan bahasa dan segala macam gambaran negatif tentang daya tahan bahasa Melayu adalah sebuah isu yang tidak berkesudahan.

Persoalannya, bagaimanakah kelangsungan bahasa Melayu ketika dunia baru menginjak enam tahun dalam abad ke-21 ini? Satu ketika dahulu faktor pendidikan yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris dikatakan mencemarkan dan melemahkan penguasaan bahasa ibunda. Kini faktor pendidikan bukan satu elemen yang mengusulkan, sebaliknya pecutan pantas teknologi maklumat dalam pelbagai sektor perkhidmatan dan gunaan menerobos ke dalam lingkungan hidup manusia sehingga mencekutkan bibit-bibit malapetaka terhadap daya tahan sesuatu bahasa. Akhirnya, kita mula menyedari dan menginsafi bahawa kita tidak patut tertinggal dan ditinggalkan oleh teknologi yang berasaskan bahasa Inggeris ini.

2. KAEDAH DAN TUJUAN PENGANALISISAN

Pengamatan penulis dalam penyajian artikel ini berdasarkan pendekatan deskriptif dan dengan bahasa yang santai. Dengan lain perkataan, penulis tidak mendekati isu ini bersandarkan soal selidik. Ini bermakna, apa juga yang dizahirkan dalam tulisan merupakan perkembangan semasa yang diperhatikan secara tidak langsung. Penulis menginsafi bahawa beberapa perkara yang mendorong wacana ini ditulis adalah bersandarkan pada tiga faktor berikut:

- 2.1 Mengamati sejauh mana bahasa Melayu mampu bertahan dalam era siber (teknologi) dan tuntutan globalisasi,
- 2.2 Mampukah bahasa Melayu menterjemahkan konsep menang-menang dengan pendekatan bilingual, dan
- 2.3 Apakah Nusantara ini mengarah kepada monolingual dan bahasa tersebut kemudiannya menjadi bahasa *superstratum*.

Memandangkan ketiga-tiga isu di atas mempunyai hubungan yang saling menokok, maka penulis akan membicarakan isu berkenaan secara sekali gus di bawah tajuk bahasa *superstratum*.

3. SEJARAH PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

Penulis memulakan tulisan ini dengan melihat susur galur perkembangan bahasa Melayu dahulu dan sekarang. Dengan lain perkataan, penulis melihat perkembangan bahasa pada satu masa dalam titik sejarah dan perkembangan bahasa pada satu titik yang ada sekarang. Umum perlu mengetahui setiap sesuatu perkara itu tidak wujud dalam vakum. Ini termasuk juga dengan bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga mempunyai sejarah susur galur perkembangannya sesuai dengan perubahan zaman. Dengan lain perkataan, bahasa Melayu yang ada sekarang adalah turunan daripada bahasa Melayu purba, namun telah melalui beberapa perubahan dan pengembangan kosa kata. Mengikut Amat Juhari Moain (1997:109) bahasa Melayu terbahagi kepada lima tahap perkembangan iaitu (a) bahasa Melayu purba, (b) bahasa Melayu kuno, (c) bahasa Melayu klasik, (d) bahasa Melayu pramoden dan (e) bahasa Melayu moden.

Asmah pula mengandaikan wujud satu lagi peringkat bahasa Melayu selepas bahasa Melayu purba, iaitu bahasa Melayu induk yang berkembang seiring dengan bahasa Melayu kuno dengan bahasa Melayu klasik dan juga bahasa Melayu moden. Andaian ini juga hasil rekonstruksi bahasa Melayu induk yang dibuat berdasarkan perbandingan dialek-dialek Melayu yang wujud sekarang (Norah Mohamed 2000:43). Untuk tidak menyulitkan pemahaman pembaca, memadai dalam tulisan yang sederhana ini penulis mengalurkan semudah mungkin sejarah perkembangan bahasa Melayu berdasarkan lima skema iaitu (a) bahasa Melayu Purba, (b) bahasa Melayu kuno, (c) bahasa Melayu klasik, (d) bahasa Melayu moden dan (e) bahasa Melayu yang ada sekarang.

Manusia selalu berkata apa yang berlaku menjadi sejarah dan sejarah juga mendewasakan manusia. Nah! Apakah yang dikatakan sejarah. Dari sudut kajian ilmiah, sejarah melalui pelbagai dimensi sama ada melalui bukti arkeologi, batu bersurat, laporan ahli pelayaran dan seba-

OH! BAHASA IBUNDAKU

gainya, merakamkan peristiwa zaman lampau untuk dihayati oleh manusia hari ini. Maka, untuk mengetahui sejarah susur galur bahasa Melayu, kita juga perlu menelusuri hakikat sejarah melalui catatan bertulis daripada sumber ahli pelayaran Cina, catatan batu bersurat, teks-teks sastera dan sebagainya. Mengikut Amat Juhari Moain (1997:109) bahasa Melayu purba wujud pada zaman prasejarah iaitu sebelum adanya catatan bertulis sama ada dalam bentuk prasasti atau manuskrip. Bahasa Melayu kuno diwakili oleh bahasa *Kun-lun*.

Selanjutnya Braddell mengatakan bahasa *Kun-lun* dipercayai mewakili bentuk bahasa Melayu kuno (selepas ini BMK). Kepentingan bahasa *Kun-lun* (BMK) juga dapat dikesan apabila bahasa ini digunakan pada batu-batu bersurat kerajaan Sriwijaya, khususnya empat batu bersurat yang dinamakan sebagai Kedukan Bukit (683 M), Talang Tuwo (684 M), Karang Brahi dan Kota Kapur (686 M) (Norah Mohamed 1999:28-29). Selain daripada empat bukti batu bersurat tersebut, ditemui prasasti berbahasa Melayu seperti prasasti Telaga Batu, Palas Pasemah, Bungkok, Gunung Tua, Chaiya, Ulu Belu, Sabuk Kingking, Bawang, Nakorn Si Thammarat, Si Chun, Yarang Yala, Dang Pu Hawang Geulius, Sang Hyang Wintang, Kebon Kopi, Gunung Sundoro dan lain-lain (Amat Juhari Moain 2004:42).

Pada zaman kerajaan Sriwijaya berdasarkan catatan rekod, selain daripada bahasa *Kun-lun* terdapat bahasa lain iaitu bahasa Sanskrit. Memandangkan secara praktis bahasa Sanskrit bersifat tabu bagi rakyat biasa kerana bahasa ini digunakan oleh para puja untuk tujuan keagamaan maka bahasa *Kun-lun* dikatakan sebagai bahasa *lingua franca* dalam konteks perhubungan dengan masyarakat setempat pada ketika itu. Pendek kata bahasa Melayu yang ditemui pada abad ke-7 adalah bahasa Melayu kuno. Terdapat juga versi lain yang berpendapat bahasa Melayu kuno sudah bermula sejak abad ke-4 Masihi. Menurut Amat Juhari Moain (1997:110-111) bahasa Melayu kuno digunakan sejak abad ke-4 Masihi melalui dua buah prasasti berbahasa Melayu iaitu prasasti Dong Yen Chau, di Teluk Torane, Viet Nam Tengah dan prasasti yang ditemui di Muara Kaman, sungai Mahakam, Kalimantan Timur.

Daripada bahan-bahan prasasti yang sangat terbatas jumlah dan ruang lingkupnya, kita dapat melihat sifat dan ciri bahasa Melayu kuno. Zaman bahasa Melayu kuno berakhir pada abad akhir abad ke-13 menjelang abad ke-14 setelah pengaruh Islam mula bertapak di alam Melayu. Contoh kosa kata bahasa Melayu moden yang berasal daripada bahasa Melayu kuno tetapi berbeza ejaan dan sebutan adalah seperti berikut:

Bahasa Melayu Kuno (BMK)	Bahasa Melayu Moden (BMM)
vulan	bulan
parvuat	perbuat
pinam	pinang
rumviya	rumbia
vuat	buat
vuluh	buluh

Setelah keruntuhan kerajaan Sriwijaya, berdiri pula beberapa buah kerajaan Melayu Islam, iaitu kerajaan Samudera-Pasai yang terletak di Sumatera, kerajaan Melaka, kerajaan Johor selepas kejatuhan kerajaan Melaka, kerajaan Siak, kerajaan Melayu Jambi, kerajaan Melayu Brunei, kerajaan Banjar, Sambas, Pontianak dan kerajaan Melayu Pattani. Kemunculan begitu banyak kerajaan Melayu di mandala Nusantara berkait rapat dengan perkembangan Islam. Kerajaan Melayu Islam pertama di Nusantara adalah kerajaan Samudera-Pasai.

Seiring dengan perkembangan Islam, bahasa Melayu terangkat menjadi bahasa *lingua franca* sebagai bahasa pentadbiran, perhubungan dan perdagangan. Perkembangan bahasa Melayu tidak berlaku pada zaman Hindu-Buddha. Pada zaman kerajaan Melayu Islam muncul karya-karya agung yang berkaitan dengan salasilah dan keagungan raja. Mengikut Amat Juhari Moain (2004:42-43) *Hikayat Raja-Raja Pasai dan Kitab Bahr al-Lahat* terkarang di Samudera-Pasai. Kedua-dua karya ini terkarang dalam bahasa Melayu klasik. Pada awal abad ke-15, berdiri pula kerajaan Melayu Melaka.

Kerajaan Melayu merupakan contoh unggul kegemilangan bahasa Melayu kerana perkembangan empayar Melaka melalui penguasaan beberapa wilayah baik di Semenanjung, sebahagian pantai timur Sumatera dan kepulauan Riau-Lingga turut menyebarkan perkembangan bahasa Melayu. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pemerintahan, pentadbiran, transaksi perdagangan, penyebaran agama Islam, bahasa perhubungan antara raja dengan raja dan bahasa perhubungan antara penguasa dengan penguasa. Pada zaman kerajaan Melayu Melaka tersusunlah buku-buku seperti *Hukum Kamun Melaka*, *Undang-undang Laut Melaka*, *Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*. Meskipun Melaka jatuh ke tangan Portugis, bahasa Melayu terus berkembang dengan kemunculan kerajaan Johor. Di bawah kerajaan Johor, lahir karya-karya agung Melayu seperti *Sejarah Melayu* (*Sulalatus-Salatin*), *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Johor dan Undang-undang Johor*.

Pada abad ke-17 melalui kerajaan Aceh Darussalam muncul karya pujaangga terkenal iaitu Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Syamsuddin al-Samatrani, Nurudin al-Raniri dan Bukhari al-Jauhari melalui karya-karya agung yang menggunakan bahasa Melayu. Toleransi bangsa Melayu terhadap perkembangan tamadun awal khususnya tamadun Hindubuddha melalui institusi raja sebagai penggerak tradisi intelektual telah merancakkan lagi perkembangan bahasa Melayu klasik. Bahasa Melayu klasik mengalami pengayaan kosa kata daripada bahasa Sanskrit. Dengan lahirnya beberapa buah karya agung, membuktikan bahawa pada bahasa Melayu klasik, bahasa Melayu sudah mempunyai aksara sendiri. Dengan adanya aksara, maka bahasa Melayu sudah membentuk konsep bahasa standard apabila telah ada usaha yang dijalankan untuk mewujudkan model tulisan dengan sebutan. Kedua-dua hal ini menjadi kenyataan disebabkan kedatangan unsur Islam dan unsur Arab (Norah Mohamed 2000:77).

4 BAHASA MELAYU MODEN

Kedatangan kuasa Barat seperti Belanda dan Inggeris banyak membawa perubahan dalam konteks kesedaran bernegara di kalangan bangsa Asia. Konsep perancangan bahasa secara sadar mula wujud sejak timbulnya minat Belanda dan Inggeris mengumpul kosa kata bahasa Melayu dalam bentuk kamus. Menurut Naim Daipi (Amat Juhari Moain 1992:1066),

"Orang pertama menggunakan tulisan Rumi untuk bahasa Melayu ialah David Barbosa pada tahun 1519 di Melaka iaitu setelah Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511. Pada tahun 1521, pengembara Itali yang bernama Antonio Pigafetta yang menyertai penjelajahan mengelilingi dunia yang dilakukan oleh Magellan (1519-1522) telah membuat catatan sebanyak 426 perkataan dengan tulisan Rumi dengan padanan maknanya dalam bahasa Itali. Catatan ini merupakan daftar kata Melayu-Barat yang pertama dalam sejarah bahasa Melayu."

Berhati-hati terhadap ajaran-ajaran sesat

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang mulia lagi suci, lengkap dan sempurna. Agama yang menyelamatkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang, daripada kebatilan kepada kebenaran, memimpin umat manusia ke jalan kebaikan dan kebahagiaan, baik di dunia mahupun di akhirat. Sesungguhnya tiada agama yang benar dan diredai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala selain dari agama Islam. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ali 'Imran ayat 19, tafsirnya:

"Sesungguhnya agama yang benar dan diredai di sisi Allah ialah Islam."

Oleh yang demikian kita amat bersyukur kerana agama rasmi negara kita ialah agama Islam menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Maka adalah menjadi kerugian besar kepada sesiapa yang memilih agama lain selain daripada agama Islam sebagai agamanya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 85, tafsirnya:

"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."

Memang tidak dinafikan, dari semenjak dahulu lagi sehinggalah sekarang telah timbul beberapa ajaran atau fahaman yang mengelirukan dan menyesatkan yang menggunakan atas nama Islam pada zahirnya sahaja dengan tujuan ingin menjerat dan memerangkap orang-orang Islam.

Khususnya orang-orang yang lemah dan jahil dalam ajaran agama Islam. Malah lebih membimbangkan lagi bila mana wujudnya penyelewengan akidah yang amat berbahaya dan timbulnya bermacam-macam aliran dan fahaman yang menyesatkan. Aliran dan fahaman sebegini dikenali sebagai ajaran sesat.

Ajaran sesat merupakan racun terhadap keselamatan yang boleh menggugat keharmonian, kesejahteraan dan perpaduan umat Islam dan boleh mengancam keamanan dan kestabilan negara kerana sebahagian dari ajaran sesat itu boleh menimbulkan permusuhan dan kekacauan dan boleh menyebabkan berlakunya huru-hara.


Di negara kita ini juga tidak terkecuali memang pernah didatangi dan dipengaruhi oleh ajaran-jajaran sesat, di mana terdapat sebilangan kecil penduduk yang telah terpengaruh dengan dakwah mereka disebabkan kurang arif terhadap agama dan pegangan yang sebenar iaitu pegangan Ahli Sunnah Waljamaah. Antara ajaran-ajaran sesat yang telah sampai ke negara ini dan telah diharamkan oleh kerajaan ialah fahaman Bahai, ajaran Qadiani, ajaran Al-Arqam, ajaran Silat Lintau, ajaran Tarekat Abdul Razak, Tarekat Mufarriyiah, ajaran Saihoni, dan lain-lain lagi yang mana ajaran sesat tersebut mengandungi amalan-amalan yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Perkara ini sememangnya telah digambarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hadis Baginda, maksudnya:

"Dari 'Auf bin Malik ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Demi Tuhan yang jiwa Muhammad dalam genggamannya, sesungguhnya akan berpecah umat-Ku di atas tujuh puluh tiga golongan, maka yang satu masuk Syurga dan tujuh puluh dua golongan masuk Neraka. Bertanya para sahabat: Siapakah golongan yang tidak masuk Neraka itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Ahli Sunnah Waljamaah." (Riwayat Al-Imam Ibnu Maajah).

Di antara faktor berlakunya pengaruh dan penyebaran

AJARAN sesat merupakan racun terhadap keselamatan yang boleh menggugat keharmonian, kesejahteraan dan perpaduan umat Islam dan boleh mengancam keamanan dan kestabilan negara kerana sebahagian dari ajaran sesat itu boleh menimbulkan permusuhan dan kekacauan dan boleh menyebabkan berlakunya huru-hara.



ajaran sesat adalah disebabkan ianya diajarkan secara sulit dan senyap kepada orang yang jahil pengetahuan tentang agama Islam sehingga tidak mengetahui ajaran itu sama ada betul atau salah dan terdapat juga orang yang dipengaruhi dengan berbagai-bagai kelebihan dan keistimewaan yang luar biasa sehingga mereka lupa dengan ajaran Islam yang sebenar.

Untuk memelihara akidah kita supaya betul dan berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah dan tidak terpesong dan mudah terpengaruh dengan ajaran sesat, kita perlulah mengetahui secara jelas apakah dia ajaran sesat itu. Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan yang dibawa itu berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada

hakikatnya ajaran dan amalan itu sebaliknya bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah serta bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Kita juga patut mengenali kriteria-kriteria ajaran sesat itu untuk dijadikan garis pandu dalam menentukan sesuatu ajaran itu adakah salah atau betul, di antara kriteria ajaran sesat itu ialah:

Pertama: Mempertanyakan adanya kitab lain yang menyaingi atau memansuhkan kitab suci Al-Qur'an dan dipercayai adanya kiblat lain selain Ka'abah dan seumpamanya.

Kedua: Mempertanyakan kebenaran Al-Qur'an dan hadis.

Ketiga: Mendakwa dirinya sendiri (ketua kumpulan) atau orang lain sebagai nabi

OLEH yang demikian jika kita mahu selamat, maka tiada jalan lain yang patut kita ikuti selain daripada berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Maka berpegang teguhlah kita kepada ajaran yang disampaikan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

terakhir, Nabi Isa Alaihissalam, Imam Al-Mahdi Al-Muntaz'zir atau lain-lain istilah yang seumpamanya.

Keempat: Kepercayaan kepada penyatuan beberapa agama tersebar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi anutan kepada umat manusia.

Kelima: Dapat memastikan dirinya atau gurunya ahli Syurga, boleh menebus dosa, memiliki keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain umpamanya boleh berkahwin daripada empat.

Keenam: Mengadakan bidaah atau pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariat yang berasaskan kepada dalil qat'ie dan tidak boleh dipertikaikan.

Ketujuh: Mentafsirkan dan menghuraikan Al-Qur'an atau Al-Hadis mengikut sesuka hati.

Dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil berat terhadap usaha untuk menangani masalah ajaran sesat di negara ini, sebagaimana titah baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1427 Hijrah pada 31 Disember 2006, antara petikan titah baginda:

"Beta ingin mengingatkan, supaya setiap pintu kita dikawal dan diaman-aman, sehingga virus yang berbahaya ini tidak dapat menerobos masuk ke dalam negara ini. Beta berharap negara kita akan terus kebal dari sebarang virus sesat. Dan untuk itu, tentu saja kita memerlukan usaha. Di antara usaha paling efektif ke arah ini ialah melalui pendidikan. Terutama pendidikan awal mesti jelas, bahawa subjek agama tidak akan diabaikan."

Sayugia diingatkan, agar kita sentiasa berhati-hati terhadap ajaran-ajaran yang menyesatkan yang bertopengkan Islam. Mudah-mudahan dengan mengenali kriteria-kriteria ajaran sesat tersebut, sekurang-kurangnya akan dapat membuka minda dan membantu kita agar lebih berwaspada terhadap sebarang bentuk amalan khususnya dari pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak diketahui latar belakangnya yang ingin memporak-perandakan umat Islam dan mengaut keuntungan demi kepentingan mereka sendiri.

Oleh yang demikian jika kita mahu selamat, maka tiada jalan lain yang patut kita ikuti selain daripada berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Maka berpegang teguhlah kita kepada ajaran yang disampaikan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga kita dan negara kita akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 83, tafsirnya:

"Patutkah sesudah mengakui dan menerima perjanjian itu, mereka mencari lain dari agama Allah? Padahal kepada-Nyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa dan kepada-Nyalah mereka dikembalikan."

وقت سمبهيڭ، امساک، شوروک دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڭ، امساک، شوروک دان ضحی باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 12 محرم، 1428 برسامان دغن

31 جنوري، 2007 هيڱ کھاري ثلاث، 18 محرم، 1428 برسامان دغن 6 فبروري، 2007 اداله سرفت دباوه اين :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروک	ضحی	مسيحي
محرم 12	12.35	3.56	6.31	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	جنوري 31
13	12.35	3.56	6.32	7.44	5.06	5.16	6.36	7.00	1
14	12.35	3.56	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	2
15	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	3
16	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	4
17	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	5
18	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	6

وقت ۲ سمبهيڭ باکي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلورو نڱارا بروني

دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تفهاري.

FAHAMAMI MAKSUD AIR MUSTA'MAL

Bilangan 242

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

SALAH satu daripada kepentingan sumber air ialah fungsinya sebagai alat untuk bersuci seperti untuk berwudhu', mandi kerana mengangkat hadas, mencuci najis dan membasuh kotoran, dengan syarat air tersebut mestilah suci lagi menyucikan. Disebut suci kerana air itu bersih pada zatnya dan disebut menyucikan kerana air tersebut dapat digunakan untuk bersuci pada yang lain seperti berwudhu' dengannya.

APA DIA AIR MUSTA'MAL?

Menurut ulama Syafi'iyah, air musta'mal adalah air yang telah digunakan dan kurang dari dua qullah. Apakah yang dimaksudkan dengan air yang telah digunakan dan kurang dari dua qullah itu?

Maksudnya ialah air yang kurang dari dua qullah yang sudah digunakan untuk bersuci pada fardu *thaharah* seperti wudhu', mandi mengangkat hadas besar dan juga digunakan untuk menghilangkan najis, di mana sifat-sifat yang terdiri dari bau, warna dan rasa tidak mengalami perubahan dan tidak bertambah timbangan-nya setelah digunakan.

Apa yang dimaksudkan dengan fardu *thaharah* itu ialah cucian yang wajib seperti basuhan yang pertama pada setiap anggota wajib dalam wudhu' iaitu muka, kedua tangan sehingga siku, sebahagian kepala dan kedua kaki ataupun basuhan yang pertama pada seluruh badan serta pangkal-rambut dan kulit ketika mengangkat hadas besar.

KADAR DUA QULLAH

Kadar air yang sedikit menurut Mazhab Syafi'e adalah kadar yang kurang dari dua qullah. Kadar air yang digunakan ketika melakukan fardu *thaharah* jika kurang dari dua qullah, maka air yang sudah digunakan itu sama ada bertujuan untuk mengangkat hadas atau menghilangkan najis, adalah dianggap air musta'mal.

Namun bersuci dengan air yang sampai kadar dua qullah atau lebih, tidaklah menjadikan air tersebut sebagai air musta'mal. Ini kerana, apabila air tersebut mencapai kadar dua qullah, maka ianya dapat menghalang dari najis yang merosakkan sifat air tersebut, apalagi jika ianya melebihi dari kadar dua qullah.

Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Apabila sampai (kadar) air dua qullah, tidaklah ia menanggung kekotoran." (Hadis riwayat Abu Daud).

Hadis di atas menunjukkan bahawa air yang sampai kadar dua qullah tidak akan menjadi najis. Dengan

syarat tidak berubah bau, warna atau rasanya.

Jika air musta'mal yang tidak berubah bau, warna atau rasanya dikumpulkan sehingga mencapai kadar dua qullah, maka air tersebut adalah suci dan menyucikan.

Kadar dua qullah ialah:

* Sukatan - lebih kurang 216 liter

* Ukuran isi padu empat segi - 60 x 60 x 60 sentimeter

HUKUM MENGGUNAKAN AIR MUSTA'MAL

Air musta'mal adalah air yang suci tetapi tidak menyucikan. Maksudnya, ianya suci pada dirinya, namun tidak lagi dapat digunakan untuk menyucikan pada fardu *thaharah* yang lain seperti tidak boleh melakukan fardu wudhu' atau mandi wajib dengannya. Begitu juga tidak boleh menghilangkan najis menggunakan air musta'mal, kerana jika air tersebut tidak dapat mengangkat hadas seperti mengangkat hadas junub, maka ianya juga tidak dapat menghilangkan najis.

Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan para sahabat Radiallahuanhum tidak menggunakan air musta'mal walaupun di dalam keadaan darurat. Mereka berhajat pada air yang banyak dalam perjalanan mereka, namun mereka tidak mengumpulkan air musta'mal untuk dipakai kali kedua. Ini adalah disebabkan mereka amat menitikberatkan soal-soal ibadat pada sudut yang sempurna.

KENAPA AIR MUSTA'MAL TIDAK DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MENYUCIKAN FARDU THAHARAH YANG LAIN?

Air yang sedikit dan telah digunakan untuk mengangkat hadas atau menghilangkan najis itu tidak boleh digunakan untuk menyucikan fardu *thaharah* yang lain, kerana niat menggunakan air tersebut adalah untuk menghilangkan tegahan, umpamanya tegahan orang yang berhadap daripada melakukan sembahyang. Maka dianggap kesan hadas atau najis itu berpindah pada zat air setelah ianya digunakan dan ini tidak lagi dianggap air mutlak.

Air basuhan yang pertama pada setiap anggota wajib dalam wudhu' umpamanya, tidak boleh digunakan untuk menyucikan

yang lain sebab basuhan pertama adalah untuk mengangkat hadas agar dapat mengerjakan ibadah. Inilah 'illah (alasan) kenapa air musta'mal tidak boleh digunakan untuk menyucikan fardu *thaharah* yang lain.

CABANG PERMASALAHAN

* Air yang digunakan untuk sunat *thaharah* seperti basuhan yang kedua dan ketiga dalam wudhu', tidaklah dianggap air musta'mal kerana hadas yang sebelumnya sudah terangkat dengan basuhan yang pertama, sementara basuhan yang kedua dan ketiga itu adalah sunat sahaja.


Begitu juga air yang digunakan untuk memperbaharui wudhu' sedangkan wudhu' yang sebelumnya masih lagi ada, maka air yang digunakannya itu tidaklah dianggap air musta'mal kerana dia tidak berhadap ketika melakukan wudhu' yang baru.

* Air yang digunakan untuk membasuh seluruh kepalanya sebagai ganti menyapu sebahagian kepala juga dianggap sebagai air musta'mal. Walaupun dalam Mazhab Syafi'e, kadar fardu ialah menyapu sebahagian kepala, namun menambah kadar basuhan pada anggota fardu seperti membasuh seluruh kepala, tidak menghalang dari menjadikannya air tersebut sebagai air musta'mal.

* Air yang sudah berceraai dari anggota dianggap sebagai air musta'mal. Namun jika air yang digunakan masih mengalir meratai pada satu anggota fardu dan tidak berpindah kepada anggota yang lain, umpamanya air yang mengalir dari tapak tangan menuju ke lengan tangan atau dari lengan tangan menuju ke tapak tangan, maka tidaklah dianggap air musta'mal. Ini kerana air tersebut masih mengalir pada anggota yang sama.

Seandainya air yang digunakan mengalir dari satu anggota fardu kepada anggota fardu yang lain, umpamanya air yang digunakan untuk membasuh muka mengalir menuju pada tangan, maka air tersebut sudah menjadi air musta'mal dan tidak boleh lagi digunakan untuk membasuh tangan.

* Jika seseorang mencedok air dari bekasnya dengan tujuan berwudhu', maka perbuatan memindah air dari bekas yang airnya kurang dari dua qullah dengan menggunakan tangan perlu disertakan dengan niat mencedok air tersebut.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Apabila niat mencedok disertakan seiring dengan perbuatan memindah air dari bekas air, maka air di dalam bekas tersebut tidak akan menjadi air musta'mal. Namun jika perbuatan tersebut diniatkan untuk mengangkat hadas, maka air di dalam bekas tersebut akan menjadi air musta'mal.

Akan tetapi jika air dalam bekas tersebut kadarnya sampai dua qullah atau lebih, maka perbuatan mencedok yang dilakukan tanpa niat mencedok itu tidaklah menjadikan air tersebut musta'mal.

* Mengenai dengan mandi wajib pula, apabila orang yang berhadap seperti orang junub memasukkan tubuhnya ke dalam air yang sedikit kurang dari dua qullah tetapi air tersebut dapat meratai seluruh badan dan kemudiannya dia berniat, maka terangkat hadasnya. Air yang telah digunakannya itu dianggap air musta'mal apabila sudah berceraai dari seluruh anggota tubuhnya kerana seluruh tubuh badannya adalah seperti satu anggota. Maka air tersebut tidak dapat digunakan oleh orang lain untuk fardu *thaharah*.

* Air yang terpercik, kemudian masuk ke dalam bekas atau baldi penadah air ketika mandi wajib, tidaklah menjadikan air dalam bekas atau baldi itu air musta'mal. Air dalam baldi itu tetap air mutlak atau air suci lagi menyucikan. Dengan itu air yang ditidahkan dalam baldi tersebut masih boleh digunakan untuk mandi wajib.

Jika air dari lantai terpercik masuk ke dalam bekas atau baldi itu, sekiranya lantai itu suci, maka hukumnya sama seperti hukum air dari tubuh yang terpercik masuk ke dalam baldi atau bekas itu. Jika sekiranya pada lantai itu terdapat najis dan air dari lantai tersebut terpercik masuk ke dalam baldi itu maka air di dalam baldi itu, adalah najis atau air kena najis.

Tegahan menggunakan air musta'mal bukanlah sebagai satu pembaziran, tetapi sebagai langkah berhati-hati dalam mengangkat hadas yang merupakan perkara wajib sebelum melakukan ibadah sembahyang atau menyentuh Al-Qur'an.

WALLAHU'ALAM

منوجوكر ريسان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

KEBERKATAN adalah suatu rahmat yang tiada siapa pun boleh mengurniakan selain daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Berkat akan hanya diperoleh oleh orang yang baik amal perbuatannya terutama bagi hamba Allah yang taqwa dan beriman kepada-Nya.

Umpamanya dalam kehidupan berkeluarga, apabila anak-anak berlaku taat, dan bakti kepada kedua ibu bapa mereka (kebaktian yang direcai oleh Allah Subhanahu Wata'ala) mereka akan mendapat keberkatan di dunia dengan ganjaran pahala di akhirat. Setiap mukmin diwajibkan berbuat baik kepada kedua-dua orang tua mereka. Hal ini ada dijelaskan dalam firman Allah Surah Al-Baqarah, ayat 83 yang bermaksud:

"... dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa."

Perlu diketahui dan fahami mengapa setiap anak diwajibkan berbuat kebaikan terhadap ibu bapa mereka. Ibu bapa adalah orang yang berjasa dan sanggup mencurahkan kasih sayang sepenuhnya kepada anak-anak mereka sekalipun berkorban apa sahaja. Umpamanya dalam melayari kehidupan berumah tangga, ibu bapa tega berkorban nyawa, tenaga, harta dan bermacam-macam lagi

Rasa hormat dan ihsan membawa berkat

asalkan anak-anak mereka hidup bahagia. Jasa kedua-dua ibu bapa tiada ada tandingannya meskipun dibanding dengan kecintaan seorang kekasih, sahabat handai sanak saudara dan seumpamanya namun pengorbanan dan kasih sayang kedua ibu bapa tiada ada batasannya dan tetap luhur di dunia hingga ke akhirat. Cuba kita amat-amati gambaran kerealitan seorang ibu yang mengandung akan anaknya yang kemudiannya apabila si anak akan dilahirkan makanya si ibu pasrah menanti kelahiran anaknya tidak mengira sama ada perjuangannya itu menghadapi antara hidup ataupun mati. Begitu halnya si bapa bersusah payah memerah keringat untuk mencari sesuap nasi dan segala keperluan untuk anak-anak mereka. Antaranya ada yang sanggup mengikat perut, mengadakan hujan ribut dan panas terik matahari asalkan anak-anak mereka tidak kelaparan. Dari pengorbanan tersebut apakah hanya cukup dibalas dengan ucapan terima kasih oleh si anak ataupun diimbal balik dengan wang ringgit mahupun harta kekayaan? Tentu jawabannya 'Tidak'.

Ketidakbaktian anak-anak terhadap ibu bapa mereka adalah berdosa apatah lagi jika berlaku kasar dengan mereka (ibu bapa), sebagaimana dijelaskan dalam Al-Qur'an, firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah Al-Isra' ayat 23 dan 24 yang bermaksud:

"... dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaannya, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'Ha', dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

Dan berikutnya dalam ayat 24:

"Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasih dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): 'Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.'"

Jelaslah betapa Allah Subhanahu Wata'ala perintahkan supaya beribadat kepada-Nya semata-mata, dan diperintahkan supaya masing-masing berbuat baik kepada ibu bapa, taat kepada keduanya, menghormatinya, memeliharanya semasa tua dengan sebaik-baiknya, dan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberi rahmat kepada mereka kerana merekalah yang telah bersusah payah memelihara dan mendidik kita semasa kecil.

Ibu bapa amat gembira dan berasa bahagia bila anak-anak mereka sungguh-sungguh mengasihi dan bakti kepada mereka. Buatlah sesuatu yang boleh menyenangkan hati mereka dan biasakanlah bersopan santun dengan mencium tangan mereka tanda hormat dan menaruh rasa kasih sayang terhadap mereka. Berilah ucapan salam sewaktu yang berpatutan dan patuhilah segala ajarannya yang baik terutama untuk berlaku taat melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala seperti sembahyang (solat), melaksanakan puasa terutamanya bagi mereka yang akil baligh, berbuat kebaikan dan tinggalkan segala yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Menolong mengurangkan bebanan mereka dalam kerja-kerja rumah dan sebagainya adalah sifat yang terpuji dan amatlah digalakkan. Sebolehnya, jangan biarkan mereka bekerja sendiri apatah lagi semasa usia mereka sudah tua. Bahkan temankan mereka apabila mereka bersendirian mahupun ketika mereka amat memerlukan anak-anak ada, di samping mereka. Biasakanlah diri untuk berbicara dengan kedua-dua ibu bapa secara bersopan santun iaitu, bila bercakap gunakanlah nada suara yang sederhana dan dengan bahasa yang tertib (bersopan) dan sekali-kali jangan sakiti hati mereka agar segala keberkatan dan ganjaran pahala dapat diraih dengan balasan kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Insyaa-Allah, sama-samalah kita ingat-mengingati dengan tujuan yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala bagi mewujudkan perpaduan keluarga yang bahagia lagi sempurna. Semoga kebaktian dan pengorbanan yang dicurahkan oleh anak-anak tidak akan terhenti (noktah) di hujung usia kedua-dua ibu bapa.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Promosi perniagaan melalui internet

NEGARA Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara yang aman dan makmur. Keamanan yang dikecapi oleh negara ini memberikan ruang kepada para peniaga untuk membuka perniagaan mereka, di samping ianya juga telah berjaya menarik perhatian para pelabur asing untuk melabur di negara ini. Penyertaan para pelabur asing ini sangat penting bagi memantapkan lagi sektor ekonomi di negara kitani.

Selain daripada itu, penyertaan para peniaga dari dalam negeri juga sangat-sangat dialu-alukan dan ianya ternyata berjaya apabila beberapa premis perniagaan telah mula tumbuh bak 'cendawan yang tumbuh selepas hujan'. Pertumbuhan premis-premis perniagaan ini menunjukkan negara kitani telah mengalami satu mekanisme yang amat ketara sekali di mana ianya menunjukkan satu perkembangan yang positif bagi masyarakat kitani agar mampu bersaing dengan negara-negara luar.

Perkembangan yang positif ini menyebabkan beberapa produk telah

berjaya dihasilkan oleh anak tempatan kitani sendiri. Walaupun produk-produk tersebut telah berjaya dihasilkan namun pasaran yang dilakukan kurang menggalakkan. Hal ini kerana produk-produk tempatan tersebut kurang mendapat tempat di hati para pengguna malahan terdapat segelintir masyarakat kitani yang lebih selesa dengan produk-produk dari luar negeri berbanding dengan buatan tempatan.

Walau bagaimanapun, pengusaha-pengusaha tempatan tidak seharusnya mudah berputus asa sebaliknya hendaklah mengambilnya sebagai salah satu cabaran dalam mengembangkan lagi perniagaan mereka. Mereka boleh mengembangkan perniagaan mereka melalui promosi-promosi sama ada di surat khabar, media massa dan sebagainya. Selain daripada itu, kecanggihan teknologi pada masa kini tidak seharusnya disia-siakan oleh peniaga tempatan untuk mempromosikan produk-produk mereka hingga ke peringkat antarabangsa.

Mereka boleh mempromosikan perniagaan

mereka melalui internet iaitu dengan cara membina laman web perniagaan mereka sendiri. Iklan-iklan yang dipaparkan sewajarnya berkonsepkan moden dan kontemporari bersesuaian dengan cita rasa para pengguna pada masa kini.

Ini jelas menunjukkan mereka adalah salah seorang yang kreatif jika mereka berjaya meneroka pasaran yang lebih besar dan luas. Perkara ini ada ditekankan di dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2006 pada 31 Disember 2006 iaitu:

"Kita tidak boleh selamanya berada di takuk lama. Kita mesti meneroka jalan-jalan baru, khasnya di bidang-bidang pekerjaan. Lagi banyak taburan pekerjaan dapat diceburi lagi baik, menandakan kita bangsa kreatif. Hanya sahajalah yang layak mewarisi tamadun dan kemajuan."

Kesimpulannya ialah

para peniaga di negara ini disarankan agar lebih berani menghadapi cabaran yang bakal dihadapi oleh mereka di dalam sektor perniagaan dan sekali gus berani meneroka pasaran yang lebih dan luas bagi mengembangkan lagi perniagaan mereka sendiri serta seterusnya dapat membantu perekonomian negara. Jika ianya ber-

jaya, maka negara ini akan pasti bertambah maju dan sekali gus digalati oleh negara-negara lain.

Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867,
Kampung Serdang,
Jalan Kota Batu,
BD 2117.
No. k/p: 00-291429.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Berani Meneroka Pasaran Lebih Besar dan Luas'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Tonjolkan produk tempatan ke pasaran antarabangsa

EKONOMI global kini dikuasai oleh negara-negara gergasi seperti Amerika Syarikat, Jepun, Republik Rakyat China dan negara-negara Blok Eropah. Negara-negara berkenaan terus menguasai ekonomi dunia kerana mereka sedia mempunyai kepakaran

dan kemahiran termasuk teknologi canggih. Dengan itu, tidak hairanlah, negara-negara tersebut berupaya mendominasi bidang-bidang perdagangan, pelaburan dan perniagaan yang 'viable'.

Justeru itu, perlumbaan ekonomi sejagat semakin kompetitif dan mencabar. Banyak negara dunia kini berusaha gigih untuk menjana ekonomi. Negara-negara membangun juga tidak ketinggalan rancang membangunkan ekonomi berasaskan teknologi canggih kerana mereka tidak mahu dipinggirkan atau ketinggalan dalam mengejar kemajuan.

Bagi Negara Brunei Darussalam ketempiasan ekonomi global juga dirasakan. Ke arah itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merancang pelbagai program yang berencana bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan dan berdaya saing. Tidak keterlaluan dikatakan kerajaan telah berjaya menjadikan ekonomi negara bertambah kukuh.

Namun demikian, apa yang diharapkan agar rakyat negara ini khususnya pihak swasta akan lebih ligat lagi menumpukan ekonomi yang berco-

ral 'gergasi' dan bertaraf antarabangsa. Dalam kata lain mereka mesti lebih berani meneroka pasaran lebih besar dan mencabar. Ini bermakna, para pengusaha, ahli perniagaan dan ahli korporat tempatan tidak hanya menjalankan urusan niaga yang bersifat tempatan tetapi lebih kepada perniagaan yang bertaraf dunia.

Sememangnya para pengusaha kita sebenarnya mempunyai kebolehan untuk bersaing dalam pasaran global yang lebih mencabar dan menguntungkan. Mereka juga terbukti mampu bersaing dalam ekonomi global yang berasaskan teknologi canggih. Caranya mereka mesti berani mencuba dan menanggung risiko dan sanggup bersaing di pentas ekonomi dunia global.

Mereka mesti berani menonjolkan produk tempatan ke pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, produk makanan halal yang negara kita sedia mempunyai kepakaran perlu diceburi dengan lebih gigih agar negara kita boleh menjadi pusat pengeluaran makanan halal yang bertaraf dunia.

Begitu juga, pihak swasta harus berani melabur dan meneroka usaha sama perniagaan dengan syarikat-syarikat gergasi dan yang sudah 'established' terutama se-

kali bidang pelaburan dan perdagangan, kewangan dan pelancongan.

Kerana perlu disedari, kerajaan telah merintis banyak jalan di mana negara kita telah menjalin hubungan dua hala dengan pelbagai negara.

Maka sudah tiba masanya bagi pihak swasta merebut peluang yang 'dihidangkan' itu untuk meneroka pasaran yang lebih luas menjalin kerjasama perniagaan dan perdagangan dengan lebih kerap lagi.

Kita merasakan dalam dunia global ini, keberanian, daya saing tinggi dan sanggup bersaing merupakan ramuan yang 'ajaib' dalam usaha kita merealisasikan impian untuk membawa negara kita ke mercu kejayaan di bidang ekonomi global.

Kesimpulannya, potensi bagi negara kita untuk berkembang maju memang sedia ada, cuma apa yang diperlukan, keberanian rakyat bagi menghadapi apa jua cabaran yang mendatang setidak-tidaknya berani meneroka pasaran yang lebih besar dan luas.

Nur Wahyuni binti Haji Mohammad,
Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Lambak Kanan.
No. k/p: 01-061252.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Peranan Media Menyebarluaskan Maklumat'. Tarikh tutup 14 Februari 2007.
2. 'Memperkasa Iltizam Kehidupan Keagamaan'. Tarikh tutup 21 Februari 2007.
3. 'Membudayakan Mesra Pelanggan'. Tarikh tutup 28 Februari 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunei.bn

Hasilkan produk berkualiti

SETIAP masyarakat Brunei perlu berani meneroka pasaran lebih besar dan luas sama ada secara individu atau kumpulan. Untuk meneroka pasaran ke antarabangsa, pelbagai usaha telah diusahakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta dalam meningkatkan taraf ekonomi negara. Sebagai contoh, sektor perikanan adalah salah satu sumber utama kerajaan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Dalam bulan ini saja, Jabatan Perikanan telah menandatangani perjanjian bersama 'Integrated Aquaculture International' salah sebuah syarikat dari Amerika Syarikat untuk meningkatkan penghasilan ternakan udang melalui pasaran 'niche'.

Akuakultur adalah industri yang sangat popular di negara ini. Aktiviti-aktiviti akuakultur melibatkan ternakan ikan dalam sangkar, udang dalam kolam, ikan air tawar dan ikan hiasan.

Hasil daripada industri akuakultur ini sedikit sebanyak telah menyumbangkan ekonomi kepada negara.

Pada tahun 2005 sahaja, penghasilan dari aktiviti ini telah mencapai 394 metrik tan dengan nilai B\$3.16 juta yang telah dihasilkan oleh 13 orang pengusaha dengan keluasan keseluruhan ladang 230 hektar.

Dengan adanya bantuan daripada pihak kerajaan seperti menyediakan tempat, memberikan kemudahan bekalan air dan elektrik serta bayaran sewa yang sangat murah akan dapat menggalakkan lagi pengusaha-peng-

usaha untuk memajukan atau meningkatkan hasil mereka. Orang ramai yang ingin berkecimpung dalam perniagaan pusat sumber yang terletak di Daerah Tutong mengalu-alukan kedatangan mereka kerana jabatan ini memberi peluang kepada orang ramai untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan.

Adapun tujuan hasil daripada industri akuakultur dieksport ke luar negara adalah kerana mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, dapat memperkenalkan barangan dalam negeri yang lebih berkualiti dan dapat memberi keuntungan kepada negara serta dapat memperkenalkan nama negara di mata dunia.

Bagi menyeru saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melibatkan diri dalam atau berniaga secara kecil-kecilan, orang ramai adalah sangat-sangat digalakkan menyertai bagi mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, dengan adanya pelbagai industri, negara ini tidak hanya terlalu bergantung kepada sumber minyak dan gas.

Razami bin Haji Razali,
No. 43375, Simpang 845-10-43,
Kampung Jangsak, Kilanas BF 2720.
No. k/p: 00-113138.

REMAJA

ADA dua takwim perubahan yang baru kita lalui, paling terakhir ialah pertukaran takwim Hijrah 1428, dan baru empat minggu berlalu kita melangkah ke tahun baru Masihi 2007. Ramai yang menjadikan tahun baru ini menjadi asas permulaan untuk membuat perubahan dan tidak kurang juga meletakkan azam baru sebagai asas perubahan yang diinginkan. Kedua-dua perubahan tahun ini amat signifikan kepada kita. Ramai yang memahami bahawa memiliki azam baru merupakan salah satu penggerak perubahan jika kita yang menginginkannya untuk berlaku. Bukan senang untuk memenuhi azam kita, kerana setiap menjelang tahun baru kita dengar orang akan menanamkan azam baru.

Azam baru untuk itu dan ini, namun sebaik keinginan sudah mulai dingin, walhasil balik asal. Itulah namanya kelemahan kita sebagai manusia. Kenapa kelemahan ini mengikat dan melingkari kehidupan kerana kita tidak mahu muhasabah diri atau menyukat apa yang sudah kita capai. Banyak yang menyedari kehidupan setiap tahun ditinggalkan begitu sahaja tanpa sedikit pun merasa rugi atau untung dalam tempoh sedemikian yang akan ditinggalkan. Akhirnya belum selesai azam lama, azam baru pula dilakarkan sebagai laluan baru yang tidak mungkin akan dapat dipenuhi. Kenapa ia berlaku sedemikian ini, kerana kita tidak mempunyai kekuatan dan iltizam yang tinggi, namun jika ini mahu dirasakan ia perlu kepada muhasabah diri yang sempurna. Azam adalah merupakan wawasan atau matlamat yang ingin kita capai, maka adalah baik jika matlamat dan wawasan yang jelas dan fokus dapat diwujudkan ke dalam diri sanubari kita. Kenapa ia perlu jelas, kerana ia adalah peta laluan yang dilakarkan untuk menjadi landasan dan laluan menuju matlamat yang diinginkan. Ramai yang tidak merasakan adanya perubahan setiap menjelangnya tahun baru. Inilah namanya rutin yang tidak berubah. Kita perlu kepada perubahan yang aktif dan dinamik. Azamlah kalau dapat disantuni dengan baik akan membuahkan hasil yang cemerlang.

Ke manapun kita pergi dan apa pun matlamat yang ingin kita lakarkan di dalam azam diri, jangan sekali-kali kita melupakan Allah Sub-

hanahu Wata'ala. Ini penting untuk kita dapat membina kehidupan yang sebaiknya. Kalau kita mahu meletakkan azam kita di tempatnya yang paling baik dan sempurna dicapai, jangan kita berpaling dari apa yang semestinya dan wajib kita lakukan. Ke manakah hal ini penting dilakukan? Pertama, kita perlu kepada hidayah petunjuk dan pertolongan Allah, kalau ini tidak ada seindah dan sebaik manapun azam yang kita impikan ia tidak mungkin akan dapat dicapai. Kalau ini berlaku mungkin ia tidak semanis dan seindah apa yang mendapat pertolongan dan reda Allah. Justeru adalah wajar kita meletakkan azam baru itu sebagai peningkatan bukan pula sebagai menambah apa yang sudah kita lakukan sebelum ini. Azam sangat berkaitan dengan wawasan diri, makanya azam yang proaktif dan dinamik boleh menghasilkan wawasan yang berupaya tinggi dicapai. Biarlah kita menjadikan kehidupan kita ini bermatlamat dan sebagai generasi muda belia azam yang praktikal dan dinamik adalah wajar dimiliki.

Kehidupan adalah suatu yang amat berharga dan ia perlu dikendalikan dengan sebaiknya. Justeru kita tidak mungkin mampu melakukan yang terbaik andainya kita juga tidak membawa yang terbaik ke dalam kehidupan kita. Wajarlah kalau di saat kita mula melangkah kaki di tahun baru 2007 dan 1428 Hijrah ini langkah kita dihiasi dengan iltizam yang tinggi dan keyakinan yang teguh. Kerana keyakinan itu akan membawa kepada implikasi kehidupan yang lebih baik hasilnya jika ia berlaku seiring dengan azam yang dilakarkan. Jangan memilih cara dan kaedah yang songsang dalam menentukan azam baru kerana ini hanya akan merugikan kita. Ramai yang merasakan hampa dan kecewa kerana memilih cara songsang dalam melalui arus kehidupan baru. Kesinambungan yang tidak menentu dan matlamat yang tidak konkrit, menyebabkan wawasan tidak jelas. Bila keadaan sedemikian ini terjadi maka kekecewaan dan hampalah yang akan mewarnai penghubungnya.

Penting azam ini disebatkan di dalam diri setiap kita sebagai asas yang kukuh. Tidak boleh kita membiarkan ia nya terumbang ambing tanpa haluan yang jelas dan tepat. Telitilah kekuatan diri dan bagaimana cara mengatasi kelemahan

AZAM

OLEH : H. A. MANAP

yang kita miliki. Lakukan dan rancanglah sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah akan tetapi berterusan. Biarkan skalanya kecil sesuai dengan keupayaan kita. Namun ia berterusan dan ini tidak dapat tidak akan membawa kepada mencapai matalamat dengan mudah. Renungkanlah dan pilih program kehidupan diri yang dapat membawa keuntungan yang munasabah. Lihatlah dengan penuh keyakinan ke hadapan, pandang sekeliling kita dengan penuh keinsafan dan tingkatkanlah keimanan dan takwa kita dengan penuh kesedaran. Biarlah orang lain yang melihat bahawa keupayaan kita itu benar-benar suatu yang berkeupayaan teguh dan berwibawa.

Justeru dalam hal mengembangkan azam ini, adalah juga wajar kita melihat dan meneliti akan pencapaian gemilang yang pernah dilakukan oleh mereka yang sudah mencapai kegemilangan diri dan kehidupan. Kita belajar bagaimana mereka boleh meraih pencapaian gemilang dan bagaimana konsistennya mereka dengan azam dan iltizam diri. Jangan ambil yang lain jadi contoh, ikutilah sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah banyak mendidik dan mengajarkan kepada kita tentang membina kehidupan yang cemerlang dan bagaimana ia dapat dicapai. Justeru tidak lain tidak bukan ialah bagaimana kita mampu menjadi penggerak daya fikir dan peribadi diri kita ke arah yang lebih baik dan sempurna. Inilah matlamat azam kita yang patut menjadi asas ke arah mencapai kegemilangan diri. Matlamat yang dituju ialah membina kecemerlangan di pelbagai bidang dan aspek kehidupan. Justeru jika sebelum ini kita berada di paras pasif, tidak kreatif, malas bergerak dan sebagainya, hijrah ini jadikanlah sebagai 'milestone' untuk berubah dan membuka jalan ke arah yang lebih bermakna.

Tidak usah kita layan lagi kemalasan yang melingkari diri. Balutannya mesti kita orak dan kita menjadi orang yang aktif, rajin beribadat, rajin menuntut ilmu, rajin menunaikan ibadah solat, rajin membaca Al-Qur'an dan tidak lalai mengingati Allah rajin mendekatkan diri kepada-Nya. Inilah ciri-ciri yang akan membantu kita mengelakkan dari sebarang kerugian. Kerugian dalam erti kata, perjalanan kehidupan yang tidak bermakna. Kerugian jugalah yang akan menjadikan kita berjiwa sempit. Kalau jiwa sudah sempit, azam pun tidak berguna lagi kerana kita akan terpaksa berdepan dengan keresahan, kekecilan, kemunduran dan yang paling tidak menguntungkan, kita akan menjadi 'virus' yang membawa penyakit mundur masyarakat.

Azam ini penting untuk membentuk diri yang berjiwa besar dan yang paling menarik. Janganlah kita tersalah lakarkan tentang azam bagaimana yang paling baik untuk dilakukan. Kita mesti menjadi pemilik jiwa yang besar dari azam yang tinggi. Memiliki jiwa sedemikian ini dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja mampu bergerak aktif dan bertindak cergas namun akan melahirkan generasi yang mampu menanai pembinaan sebuah negara yang maju dan makmur lagi berdaya saing. Jiwa yang besar diadun dengan nilai-nilai keimanan dan ketakwaan yang tinggi itu lah nanti menjadi struktur pembangunan yang akan mengukuhkan masyarakat dan bangsa sendiri.

Letakkanlah azam kita dengan sebaiknya agar ia mampu menghasilkan suatu kecemerlangan diri yang berkualiti tinggi. Jangan biarkan azam hanya tinggal sebagai cita-cita kosong, ia perlu disemai dan jadikan realiti yang mampu merubah kehidupan dan menyumbang kebaikan dan kegemilangan diri. Tanamkan pula dalam diri kita untuk sentiasa bersikap proaktif dan pasif dalam menanai azam dan keinginan yang dicapai. Balutilah azam dan iltizam yang kita sediakan dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

Mangsa kebakaran Kg. Selayun terima bantuan MUIB

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Januari. - Sebagai usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat telah memberikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa kebakaran.

Majlis Penyampaian Bantuan MUIB sebanyak B\$2,400.00 (Dua Ribu Empat Ratus Ringgit Brunei) kepada Awang Osman bin Haji Timbul berserta 11 ahli keluarga dari Kampong Selayun, Jalan Sengkurong yang ditimpa kebakaran pada 6 Januari lepas berlangsung di Jabatan Majlis Ugama Islam, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Di samping itu, bantuan keperluan persekolahan dan bantuan pakaian kepada mangsa berkenaan juga akan diberikan bagi meringankan bebanan perbelanjaan keperluan persekolahan anak-anak mereka.

Bantuan serta-merta dari Kumpulan Wang Zakat, disampaikan oleh Setiausaha MUIB, Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 758 keluaran 17 Januari 2007, ialah :

Taman Warisan Tasik Merimbun, di Daerah Tutong.

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 758 keluaran 17 Januari 2007

Najme Nasaha bin Trisnoh,
Sekolah Chung Hwa.
Umur : 9 tahun

Nurul Ain binti Musa,
Sekolah Rendah Lubok Pulau.
Umur : 5 tahun

Azlan bin Morshidi,
Sekolah Rendah Lamunin.
Umur : 10 tahun

ALAI PINTAR

**ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN**

SOALAN ALAI PINTAR 760

1. Apakah nama tempat menarik ini?

2. Di manakah letaknya?



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 760

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 760,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

KAMI dipanggil Goyim oleh kumpulan yang mahu memusnahkan kami. Entah apa-apa lagi lebal yang telah mereka berikan kepada golongan kami. Lebal-lebalan seperti ini amat menyakitkan sehingga kami diangap sebagai 'other'. Orang asing! Itu lebih yang sering digunakan oleh golongan satu lagi. Tapi kedua-dua itu mempunyai maksud yang pedas bunyi, menghina namanya! Tak apa, itu istilah orang kami selalu gunakan, tak apa, biar menang, jangan melawan takdir! Kasihan bangsa kami, pernah dihina oleh bangsa sendiri (sebenarnya yang menghina itu pun bukan keturunan bangsa yang asal dari golongan kami, mereka ini selalu jadi tali barut bagi bangsa lain yang pernah menjajah bumi kami, bangsa kami dihina dengan teruk sekali!).

Goyim!

"Masa kecil aku didik ia dengan didikan agama, dia patuh pada orang tua, dia budak baik," ibu tua itu menangis bila mengenang hal anaknya yang ditatang bagai minyak yang penuh. Dia cuba mencari di mana silangnya sehingga berita yang menggemparkan seantero dunia ini meletus seperti bom atom yang jatuh di Hiroshima dan Nagasaki. Malu orang tua itu hanya Tuhan saja yang tahu, dia pasrah dan menyerahkan kepada Allah. Harapan yang menggunung agar doanya di hadapan Ka'abah pasti diperkenankan. Dia begitu yakin, dia tak mahu menyerah kalah dalam perjuangan merebut anaknya jatuh ke tangan orang asing. Perjuangan ini belum selesai. Dia menjadi kuat walaupun umurnya sudah melewati setengah abad. Pedulikan orang lain kata. Mereka tidak merasa apa yang aku rasa, dia anak aku, aku tahu dia budak baik. Dialah satu-satunya anak perempuan yang selalu menghantar wang dan menjenguk orang tua ini. Dia anak baik!

"Aku tak pernah menghalang kau kahwin Lina, dengan siapa pun."

"Kamu pun, kalau nak kahwin dengan anak aku hendaklah kamu memeluk agama Islam."

Pemuda itu memandang kepada kekasihnya, anak mak cik tua itu.

"Maaf mak cik, saya belum mau hendak tukar agama saya."

Seluruh dunia terasa gelap, tak sangka anaknya yang dulu ditatang seperti minyak yang penuh kini sudah tidak mahu mendengar nasihatnya lagi. Dia tau anaknya bukan anak yang jahat dan melawan kepada orang tua. Dia tak tahu apa syaitan yang merasuk anaknya kini. Sejak mereka berjujukan dia begitu takut sesuatu yang tidak baik terjadi. Tapi kini telah nyata betapa anaknya sudah menjadi topik hangat dalam surat khabar dan berita tv. Seperti batu besar menghempap di atas kepala orang tua ini. Tapi dia tidak mudah putus asa, dia tetap cekal untuk terus berdoa agar anaknya kembali kepada agama Islam.

"Kita hampir berjaya!" semua yang hadir pada mesyuarat yang dipengerusikan Bos M itu bertepuk tangan. Ada yang berdiri memberi hormat dan ada yang bertepuk tangan. Mereka seperti orang mabuk bila mengetahui misi mereka berjaya.

"Kita sudah dapat menawan beberapa kawasan yang dulunya diduduki oleh musuh-musuh politik kita," bergema lagi sorakan dan tepukan.

"Kali ini, misi kita untuk membawa orang-orang seperti perempuan itu (sambil menunjuk ke arah perempuan yang dalam pelukan pemuda asing) ke dalam tawanan kita. Ingat kita harus kerja keras. Jangan lalai nanti segala usaha yang telah kita jalankan selama ini akan jadi sia-sia!"

Mereka hampir saja tidak mempercayai pengeluar fatwa itu. Dia sudah dicekkan oleh ahli jemaahnya. Orang yang berada di sekelilingnya merasakan zamannya sudah berlalu. Segala fatwa dan ceramahnya sudah didengar seperti mencurah di daun keladi. Dia bahan ejekan... Dakwaannya terhadap orang yang keluar agama itu palsu. Pihak penguasa tidak percaya kepadanya. Dia akan disiasat sebagai penyebar diayah palsu. Rasakan, biar kita telanjangi, biar terbang ketayap putihnya. Biar kan ejen kita yang pernah memberitahu berita itu ditangkap tak apa. Biar kan dia jadi korban. Itulah perjuangan namanya. Jika tak ada korban perjuangan itu tidak akan ke mana. Itu perjanjian protokol kita bukan! Jangan persoalan lagi. Ejen yang satu lagi SIS, gerakan ini mendukung wawasan kita, jangan takut, mereka pejuang feminisme, biar mereka menyuarakan apa yang tidak kena pada pakaian wanita, biarlah mereka memperjuangkan kesamarataan untuk wanita. Itu tugas mereka yang kita berikan kepada mereka. Kita sudah beri dana untuk menyerang dasar pakaian yang cuba diterapkan oleh negara yang menggelarkan Serambi Mekah. Biar kan mereka berjuang, kita bantu dari belakang. Kita hanya pemain di belakang tabir.

Pengerusi Majlis Angkatan Dunia Baru (ringkasannya ADB) mengangkat ibu jarinya dengan genggamannya berbentuk kepala ular. Simbol kepala ular adalah simbol gerakan ADB sudah berjaya menjadikan dunia kucar-kacir. Semua sudah dalam genggamannya mereka, seperti ular yang membelit mangsanya lepas itu ditelannya. Betulkan! Cuba kamu lihat rakaman yang diambil dalam sebuah negara atas angin itu. Bantuan yang begitu besar yang diperuntukkan kepada misi ini harus dijalankan dengan sebaik-baiknya. Jangan sampai orang lain tahu. Jangan buat kecoh biar kan dunia hancur, yang penting misi kita berjaya!

"Aku mahu mati," perempuan itu menjerit, beberapa orang kaki tangan sebuah klinik swasta memegang tangan perempuan yang cuba membunuh diri.

"Biar kan, aku tak mahu hidup lagi," setelah puas menangis perempuan itu termenung jauh dengan terlantar di atas katil. Seorang pemuda berambut pendek bermata sepet, tingginya agak sederhana yang kebetulan berada di tempat itu menghampiri perempuan yang menjerit-jerit itu.

"Ada apa nurse?" pemuda itu keheranan ingin tahu.

"Nak bunuh diri," pemuda itu menggeleng-geleng

.....

"KALI ini, misi kita untuk membawa orang-orang seperti perempuan itu (sambil menunjuk ke arah perempuan yang dalam pelukan pemuda asing) ke dalam tawanan kita. Ingat kita harus kerja keras. Jangan lalai nanti segala usaha yang telah kita jalankan selama ini akan jadi sia-sia!"

.....



CERPEN

Oleh : Helmi Halim

.....

MUNGKIN saja mereka seperti pengganas yang kita lebalkan mereka sebagai teroris. Oleh itu ingat, kita cari-cari mereka ini, pengikut-pengikut nama-nama yang tersohor di dunia Islam, mereka ini 'Orang Sufi', mereka tidak mudah ditundukkan.

.....

A W A S G O Y I M

"Bagus, kita harus memberi maklumat palsu kepada mereka, kerahkan segala ejen-ejen kita supaya menyebarkan maklumat dalam blok-blok mereka. Sebarkan maklumat yang boleh merendahkan martabat agama mereka. Biar ulama-ulama mereka tidak dipandang tinggi lagi."

"Operasi kita di Pulau Permata itu harus ditingkatkan," demikian bunyi mesej yang baru diterima. Memang kita telah jalankan sekian lama, kita sudah dapat perdayakan ramai gadis-gadis yang sudah jauh dari agama mereka. Biar kan, yang penting misi kita berjaya. Kita gandakan usaha agar target untuk menawan pulau itu berjaya. Harus diingat, kepala perintah itu sudah berada di tangan kita. Kuasa politik di tangan kita, kuasa itu tidak akan terlepas kepada orang lain.

Biarkan mereka berbincang tentang kemunduran bangsa mereka. Biar kan mereka melalak di podium, di sidang akhbar mereka menghentam rakan mereka yang melawan arus, menentang cakap bos besar, orang seperti ini harus dinyahkan dalam arus perdana, dia harus dihapuskan supaya tidak menjadi virus kepada perjuangan kita. Bagus, dia ikut agenda kita. Kita sudah latih supaya berkata apa yang kita tulis dalam skrip, dia sudah begitu intim dengan ejen kita yang berada di seberang laut. Nun, hanya di seberang jambatan. Ejen kita di sana begitu ampuh dan licik, mereka sudah dinaikkan pangkat dan boleh menghadiri sidang tersulit kita. Bos senyum lagi!

Biarkan mereka menghulur keris pusaka yang tidak bermakna itu. Biar kan, itu semua jadi bahan ketawa, itu adalah taktik kita, kamu tahu, siapa yang di belakang semua ini. Mereka ini pernah menuntut di universiti tersohor di dunia, itukan kita punya, kita yang rancang semua itu. Kita jadikan dia pusat kecemerlangan dunia agar mudah kita merekrut mereka jadi ejen-ejen kita, maaf terlepas, maksud ejen di sini orang yang menyebarkan misi kita semua yang hadir ketawa terbahak-bahak bila melihat bos mereka membuka tembelang ini. Sebenarnya semua ini rahsia kita, banyak tangan-tangan ghaib yang memerintah dunia sekarang. Hanya segelintir yang tahu. Mereka kita jadikan boneka kita, lihat taktik di Timur Tengah, di Asia Tenggara juga, Eropah jangan cakaplah dah lama dalam tem-

bolok kita. Tapi kita tidak seperti ular yang kekenyangan, kita masih bergerak dan merancang untuk terus menguasai dunia. Hanya sedikit gusar ialah kita masih belum dapat menguasai minda orang yang tidak mahu menonjolkan diri.

Kita tidak kenal orang seperti Abdul Kadir, Junaid, Al-Ghazali, Ibnu Sina, sebenarnya mereka ini punya pengaruh yang mendalam dalam kalangan orang Islam, pegangan dan akidah mereka begitu tinggi. Mereka menyerapkan satu pegangan yang kental dan kukuh dalam jiwa dan hati orang yang menjadi pengikut mereka. Senang cerita, nama aliran mereka sudah pun kita kotorkan dengan diayah-diayah ajaran sesat, kita lebalkan mereka sebagai pengamal 'Orang Gua' yang tidak bertamadun, tidak mahu menerima pemodenan. Mungkin saja mereka seperti pengganas yang kita lebalkan mereka sebagai teroris. Oleh itu ingat, kita cari-cari mereka ini, pengikut-pengikut nama-nama yang tersohor di dunia Islam, mereka ini 'Orang Sufi', mereka tidak mudah ditundukkan.

Yang terbaharu yang mengaku pengikut imam mereka, siapa itu, tak usah cakaplah nanti kamu ketawa pula, dia mengaku sebagai pemimpin ajaib di dunia. Lucu-lucu, ini orang yang tamakkan pangkat dan kuasa. Sekarang misi kita supaya orang begini dapat dipengaruhi, tidak seperti pengikut Al-Ghazali, Junaid dan Abdul Kadir, mereka bukan gila kuasa, gila glamour, mereka hanya memperhambakan diri kepada Tuhan mereka. Mereka lebih berjaya dari orang yang gila glamour itu. Ingat jangan cuba-cuba alihkan misi kita, jangan ada yang cuba belot, kalau ada yang cuba-cuba ini balasannya. Pengerusi ADB mengisytarkan tangannya di leher. Bunuh!

"Orang seperti aku ini ramai, mereka lebih suka mengikut agama boyfriend mereka," demikian Lina menyatakan kepada Steven. Steven hanya tersenyum dan mengangguk. Dia tahu misi mereka telah berjaya. Lina sudah dalam genggamannya! Awas! Jangan terlepas!

Lina terjaga dari tidurnya bila mendengar suara azan subuh. Dia termenung jauh. Wajah tua ibunya menjelma, pipinya basah tangannya terketar-ketar memohon keampunan.

Dari muka 3

Oh! Bahasa Ibundaku

Minat Belanda dan Inggeris terhadap bahasa Melayu sebenarnya dipengaruhi oleh kekayaan hasil mahsul bumi Asia Tenggara seperti rempah ratus dan sebagainya. Melalui penguasaan bahasa Melayu, kedua-dua kuasa Barat boleh menjadi tukang karut dalam jangka waktu yang panjang. Mereka menyedari bahasa adalah komunikasi terpenting yang perlu dikuasai untuk meyakinkan penduduk peribumi. Situasi ini sebenarnya dipengaruhi oleh kawasan pesisir Asia Tenggara yang dikuasai oleh jiran mereka di Eropah iaitu Sepanyol dan Perancis. Cengkaman penjajah yang berterusan dan campur tangan dalam budaya dan agama telah membangkitkan nasionalisme bernegara di kalangan pejuang nasionalis. Mereka mula menyedari bahawa satu penakatan identiti perlu dibentuk untuk menggembleng kekuatan moral di kalangan masyarakat. Kekuatan hanya dapat dilestarikan melalui satu bangsa dan satu bahasa yakni bahasa Melayu. Dengan kata lain bahasa Melayu menjadi kuasa sakti yang dapat menyatupadukan masyarakat untuk memperjuangkan kemerdekaan dan mengembalikan semula maruah dan integriti di kalangan orang tempatan sendiri.

Perancangan bahasa merupakan satu gagasan untuk membina negara bangsa yang mempunyai identiti sendiri. Sejak Nusantara dijajah oleh kuasa Inggeris, timbul kesedaran di kalangan nasionalis untuk menyatupadukan bangsa melalui satu medium yang utuh dan membangkitkan kesedaran mandiri. Oleh kerana bahasa Melayu telah memainkan peranan yang gemilang sebagai bahasa *lingua franca* sejak abad ke-7, maka bahasa Melayu perlu diperkasa melalui perancangan korpus yang seragam dan dinamik. Perancangan korpus bahasa Melayu baik di Indonesia, Malaysia mahupun Negara Brunei Darussalam giat dilaksanakan pada tahun-tahun awal menjelang kemerdekaan sehinggalah ia mempunyai satu bentuk dan struktur yang jelas direalisasikan di atas kertas. Pembentukan satu bentuk tatabahasa bahasa Melayu yang mantap bertujuan untuk menyediakan satu norma bahasa yang perlu dipatuhi oleh masyarakat penutur bahasa Melayu.

5. KEBERADAAN BAHASA MELAYU

Sejak beberapa tahun kebelakangan, bahasa ibundaku yang telah melewati periodisasi sejarah gemilang kian mengah dan lelah dengan persekitaran dunia yang berubah. Cabaran datang melalui persekitaran dunia atau dalam istilah mudah disebut sebagai globalisasi. Globalisasi bukan saja cerita kejayaan teknologi maklumat malah globalisasi adalah satu legasi ekonomi baru yang juga dikenali dengan sistem pasaran atau liberalisme baru (Mahathir Mohamad 2002:40). Salah satu agenda globalisasi ialah liberalisasi ataupun keterbukaan. Liberalisasi melewati semua protokol. Globalisasi adalah realiti dunia tanpa sempadan. Globalisasi dalam persekitaran dunia yang berubah telah menyebabkan masa bergerak pantas dan maklumat yang dulu tidak terjangkau dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana juga anda berada. Faktor masa dan ruang tidak lagi menjadi plot kekangan dalam mentadbir dan mengurus hidup dan kehidupan. Dunia hari ini jauh berubah. Malah bergerak pantas. Pendek kata tidak timbul soal pembaziran masa, tenaga dan wujud kelemahan di sana sini. Ruang pula harus dimaksimumkan sebaik mungkin. Kemajuan teknologi maklumat telah merealisasikan lagi globalisasi. Teknologi maklumat menyebabkan dunia semakin kecil. Teknologi membawa bersamanya kecekapan, ketepatan, terkini, dinamis dan fleksibel.

Malang bagi bahasa ibundaku apabila bahasa dunia kini mengarah kepada satu standard bahasa antarabangsa yang jelas dan mampu menjadi bahasa *lingua franca* di mana-mana ceruk rantau pun. Untuk kekal relevan dalam persekitaran dunia yang berubah, warga dunia khususnya di negara membangun harus mempunyai akses terhadap sebarang rujukan khusus dalam bidang-bidang strategik dan kritikal yang kebanyakan bersumberkan daripada bahasa Inggeris. Akhirnya apa yang kita dapati pada hari ini, rupanya globalisasi semacam epidemik yang membawa petaka kepada perantaraan sosial kita yakni bahasa. Anak-anak muda atau generasi peralihan pascamerdeka tidak boleh dipersalahkan kerana menggunakan bahasa yang mempunyai nilai komersial dan berdaya saing. Kita juga tidak boleh naik angin satu badan apabila waktu tidur generasi peralihan kini bersenandung muzik popular sama ada hip hop, rap mahupun slow rock nyanyian artis barat yang lebih mengasyikkan mereka. Zaman ketika orang tua mendendangkan lagu *bangau oh bangau, sorong papan tarik papan* atau paling tidak lagu pilihan *evergreen* nyanyian Uji Rashid, Sharifah Aini dan Sudirman (sekadar menyebut beberapa nama) sudah lama berlalu. Mereka sudah ada MP3, telefon mudah alih terkini serta pelbagai set mudah yang boleh mengakses lagu. Mereka menonton *American Shows On Tv* kerana ini adalah sebahagian daripada proses pengayaan kosa kata dalam minda mereka selain daripada kosa kata yang diperoleh melalui lirik lagu.

Kosa kata baru yang diperoleh berbeza dengan budaya berbahasa ibu dan bapa mereka. Untuk memastikan penguasaan bahasa Inggeris, mereka bukan setakat memperoleh secara formal di sekolah, malah melalui pendidikan informal di rumah. Lidah mak dan bapak sekarang sudah lancar berbual dalam bahasa Inggeris, bukan sekadar menyebut *yes no orait thank you* malah lebih baik lagi demi memastikan anak mereka ini tidak tertinggal dan ditinggalkan oleh bahasa baru lagi moden itu. Hakikatnya, semua ibu bapa mahu anak mereka membesar dalam bilingual, anjal untuk berkomunikasi dalam peristiwa bahasa yang berbeza serta mendapat peluang pekerjaan lebih cepat daripada rakan sebaya mereka berpendidikan aliran Melayu. Bagi mereka, bahasa ibundanya yang juga bahasa ibundaku dan bahasa ibunda bagi warga Melayu yang berkulit sawo matang menurut tafsiran penjajah dulu tak akan mati! Betulkah begitu.

6. REALITI BARU

Dahulu teknologi mengambil masa bertahun untuk memulakan anjakan. Lihatlah bagaimana pemain video kaset mampu bertahan selama bertahun sebelum muncul cakera laser (*laser disc*). Namun, kedua-duanya memakan ruang simpan. Kemajuan teknologi sebenarnya banyak memberi korban kepada produk lama yang boleh dipakai tetapi sebaliknya tidak relevan dan tidak dinamik untuk

diintegrasikan dengan keluaran baru yang lebih kelas dan elegan. Produk lama dinyahkan ke dalam stor kerana memakan ruang simpan yang banyak jika diletakkan di ruang tamu dan sebagainya. Semua ini berkait dengan globalisasi. Globalisasi menjadikan semua perkara enteng. Daripada urusan jual beli barang antara dua negara berbeza (*e-commerce*), interaksi sesama manusia, penggunaan teknologi informasi oleh jabatan-jabatan kerajaan yang memiliki kemampuan untuk mewujudkan hubungan dengan warganegara (*e-government*), pembayaran bil telefon, elektrik dan air melalui kaedah *e-payment* sehinggalah urusan pembelian tiket kapal terbang.

Namun begitu, globalisasi juga adalah hakikat kejam. Globalisasi juga mengajar kita bagaimana untuk menjadi kurang ajar dalam sesetengah perkara. Bayangkan bagaimana negara maju memanfaatkan satelit untuk mengawasi pergerakan ketenteraan negara lain, melabuhkan pesawat pengintip tanpa juruteraan dan mencipta musuh baru sebagai metos untuk mengukuhkan penguasaan mereka sehingga kita hilang hak sebagai sebuah negara merdeka. Globalisasi bererti tiada *privacy*. Inilah dikatakan dunia tanpa sempadan. Manipulasi mata wang, persaingan ekonomi yang tidak adil, amalan perkahwinan songsang, bayi tabung uji dan sebagainya semuanya dalam kontinum globalisasi. Globalisasi juga menyebabkan susut nilai sistem tradisi yang menjadi konvensi bertahun-tahun dalam perkhidmatan pos. Jangan terpanjat jika satu hari nanti anak-anak kita tidak perlu menghadiri kelas tuisyen secara konvensi sebaliknya hanya duduk di rumah dengan memanfaatkan teknologi maklumat melalui portal-portal pendidikan yang lebih banyak memberi nilai tambah kepada para pelajar. Kaedah pembelajaran ini ternyata lebih menjimatkan dan efektif. Inilah realiti baru yang perlu diberi tafsiran semula oleh perkhidmatan-perkhidmatan lama untuk kekal relevan.

Apabila kita memahami globalisasi, maka warga dunia sebenarnya tidak harus terpanjat apabila globalisasi satu realiti baru membawa masalah baru merentas sempadan seperti penyakit lembu gila, HFMD (penyakit tangan, kaki dan mulut) dan flu burung. Malah lebih daripada itu, globalisasi dan teknologi membawa bersamanya bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris menyerantau ke seluruh dunia. Finland negara pengeluar telefon mudah alih terkemuka dunia iaitu Nokia, menggunakan bahasa Inggeris untuk kemudahan pengguna di serata dunia. Jenama Nokia bukan saja sebuah telefon dengan harga mampu milik bahkan pembaharuan demi pembaharuan yang dilakukan dalam teknologi mereka bentuk tak ubah seperti fesyen baju. Dalam hal ini, Finland sudah setentunya boleh memenangi perang psikologi dalam mensarwajatkan bahasa mereka. Tetapi ini tidak berlaku.

Pengalaman yang sama boleh dilihat pada Jepun. Jepun yang diketahui sebagai pemain global teknologi juga tidak ketinggalan menggunakan bahasa Inggeris untuk semua produk keluarannya. Begitu juga India yang sejak dulu lagi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan. Meskipun belum maju secara menyeluruh dan kadar kelahiran meningkat kerana kurang kesedaran pentingnya perancangan keluarga akibat kadar literasi yang menurun, India muncul sebagai kuasa ekonomi baru selepas China. China yang diketahui umum sebagai legasi ekonomi baru sejak kebelakangan ini juga tidak ketinggalan untuk memberi pendedahan bahasa Inggeris kepada generasi baru mereka. Pemerintah China juga menggalakkan rakyatnya belajar bahasa Inggeris. Mengikut satu laporan yang dipetik, China bercadang untuk mengambil kira-kira 10,000 orang guru bahasa Inggeris dari negara Komanwel untuk mengajar di sekolah-sekolah China.

7. ILMU PENGETAHUAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei ketika bertitah dalam Majlis Sambutan Hari Raya anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanah Bokiah baru-baru mengungkapkannya titah berbunyi "Dunia dan manusia akan terus menyaksikan kemajuan ilmu pengetahuan kerana kecemerlangan manusia diukur sejauh mana mereka menguasai ilmu dan kemahiran. Mengambil contoh pengalaman Jepun, mengikut Muhammad Taib (1999:106) ketika awal reformasinya, Jepun yang menyedari pentingnya ilmu sebagai penggerak perubahan telah membuat terjemahan berpuh-puluh ribu buku asing dari Barat, Eropah, Cina dan sebagainya. Komitmen kepada ilmu seperti ini masih kekal hingga ke hari ini, sehingga buku-buku yang baik, yang terbit di Barat misalnya, dalam masa yang singkat akan

kita temui terjemahannya dalam pasaran Jepun. Ternyata terjemahan dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu itu, dari falsafah hinggalah teknologi telah menjadi unsur yang merombak pemikiran dan kehidupan bangsa Jepun, yang dahulunya terkenal dengan anutan ortodoks dan fikiran tertutup.

Malangnya budaya terjemahan buku-buku *best-sellers*, pengetahuan tinggi, bidang-bidang strategik dan kritikal tidak berlaku begitu hebat dalam bahasa Melayu seperti mana pengalaman yang dilalui Jepun. Untuk menterjemah buku ilmu pengetahuan tinggi yang panjang memakan masa, mungkin setahun atau dua tahun lebih. Jika yang diterjemah buku sains dan teknologi sebagai buku teks sekolah, menu-rut pertimbangan realistik buku berkenaan sudah *out-dated*. Jika diukur berdasarkan integrasi masa, anak-anak kita akan menghadapi beban masa untuk menterjemahkan sumber yang berorientasikan bahasa kedua kepada bahasa pertama mereka. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk meningkatkan pemahaman. Keadaan ini sebaliknya tidak berlaku bagi mereka yang menguasai bahasa kedua secara langsung. Maka apabila kerajaan memperkenalkan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran sains dan matematik dan langkah yang sama turut diperkenalkan di Malaysia pada tahun terakhir pemerintahan Tun Dr. Mahathir, ia dilihat sebagai respons terhadap perubahan global untuk memperkasa masyarakat khususnya generasi baru meraih ilmu pengetahuan tinggi dan bersaing di peringkat antara-bangsa.

Dengan kata lain, negara harus memastikan masyarakatnya bergerak di landasan yang betul. Masyarakat pula harus memahami bahawa mereka berada dalam sebuah *coach* laju dengan kuasa *superjet* bukan dalam sebuah gerabak usang yang bergerak dengan kuasa arang batu. Langkah ini bertujuan untuk memastikan agenda nasional dipacu oleh masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan tinggi sekali gus negara dan bangsa kekal berdaya saing. Ilmu pengetahuan banyak diperoleh daripada bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris adalah bahasa dagang yang cukup agam kerana bertiangkan ilmu pengetahuan, liberalisasi ekonomi dan kemajuan ICT. Pada waktu ini, bahasa Inggerislah yang tampak dominan sebagai bahasa penyampaian maklumat dalam pelbagai ranah kehidupan daripada hal yang berkaitan dengan peralatan, kesenian, hiburan, ilmu pengetahuan sehingga teknologi, ekonomi dan politik. Melihat keadaan ini, kita harus realistik bahawa agak sukar bahasa Melayu bersaing dengan bahasa berkenaan kecuali salah satu negara berbahasa Melayu muncul sebagai *major player* dalam ekonomi dunia setanding dengan negara China dan India.

8. BAHASA SUPERSTRATUM

Pada hari ini bahasa Inggeris bukan setakat menjadi bahasa pengantar dalam sains tulen malah menjangkau bidang ilmu kemanusiaan. Dengan kata lain, buku-buku ilmu pengetahuan tinggi dihasilkan oleh sarjana Barat yang terkehadapan dalam bidang penyelidikan. Bidang ini dianggap sebagai bidang strategik dan kritikal. Mahu tidak mahu, masyarakat di negara membangun perlu menguasai bidang ini agar kekal relevan. Dalam era globalisasi yang berorientasikan teknologi maklumat, anak-anak kita mendapati kebanyakan maklumat yang diakses berasaskan bahasa Inggeris. Suka atau tidak mereka terpaksa menguasai bahasa Inggeris. Kesan daripada penguasaan bahasa kedua, bahasa Melayu melalui proses sinkretisasi baru yang berbeza dengan sosok bahasa Melayu yang diseragamkan. Bahasa Melayu dewasa ini tidak lagi mengikut norma yang ditetapkan dalam kamus bahasa dan pedoman ejaan. Lebih mendukacita, bahasa Melayu telah dirojakkan malah diberi nilai yang tidak setara dalam erti kata tidak mendapat tempat yang sewajarnya. Trend seumpama ini semakin berleluasa di kalangan orang kita.

Mengikut A. Aziz Deraman (2006:12) kecacauan dan kekeliruan yang berlaku dalam sistem linguistik bahasa Melayu sebagai akibat globalisasi menyebabkan munculnya pelbagai bentuk bahasa yang rancu dan janggal. Apakah masalah kegentian bahasa yang berleluasa ini lama-kelamaan akan mengancam bentuk baku bahasa Melayu secara keseluruhannya. Apabila struktur bahasa yang kacau ini menjadi satu terma bahasa yang diterima, ia akan menyebabkan generasi kemudian tidak mengetahui bahawa mereka berhadapan dengan konflik bahasa yang serius sehingga mereka menganggap struktur yang ada itulah bentuk baku dari dulu dan sekarang. Lama-kelamaan struktur baku akan hilang dan lenyap daripada minda penutur secara perlahan.

Kepupusan bahasa merupakan satu fenomena yang bergerak seiring dengan perubahan zaman. Kepupusan bahasa berlaku apabila generasi baru tidak lagi meladeni bahasa yang pernah menjadi penyambung silaturahim ibu bapa, ahli keluarga bahkan dalam konteks yang lebih luas iaitu antara masyarakat dalam etnik yang sama. Hari ini, banyak bahasa minoriti di beberapa negara dunia berkubur. Apakah ini tidak memberi refleksi kepada bahasa Melayu, satu wadah lingua-franca yang mempunyai norma dan aturan bahasa yang dapat dilihat di atas kertas. Secara realiti, bahasa Inggeris satu jenama bahasa dunia bergerak seiring dengan kuasa pasaran dan teknologi maklumat sehingga membentuk satu legasi bahasa yang dominan dan unggul. Sesuai dengan peningkatan status bahasa berkenaan, tidak mustahil bahawa bahasa Inggeris menjalankan tugasnya sebagai bahasa komunikasi dunia secara holistik dan total. Situasi ini sudah mula kelihatan sejak beberapa dekad ini. Jika ini berlaku, maka bahasa Inggeris akan muncul sebagai satu-satu bahasa dunia (monolingual) bukan saja bahasa komunikasi di tanah asalnya, bahkan menjadi bahasa komunikasi utama yang cukup anjal di negara lain. Pada akhirnya, bahasa Inggeris akan membulat keseluruhan garis-garis peta dunia sehingga selayaknya difafsirkan sebagai bahasa *superstratum*.

Namun di sebalik semua ini, kita juga harus belajar daripada pengalaman Singapura. Singapura terpaksa membayar harga yang mahal apabila melaksanakan dasar perancangan keluarga yang ketat dengan satu keluarga hanya memiliki dua anak sekitar dekad 90-an. Tanpa diduga, Singapura berhadapan masalah penggantian penduduk. Sebenarnya, Singapura mempunyai asas untuk melaksanakan program tersebut. Dengan saiz tanah yang kecil, kerajaan Singapura tidak boleh bertindak sebagai negara kebajikan untuk membangunkan kediaman rakyat yang bertambah. Ini akan membeban kos kerajaan dan guna tanah, sedangkan Singapura harus membangun sebagai sebuah negara maju untuk memastikan kemakmuran negara dan bangsa dalam jangka masa yang panjang. Masyarakat yang dulunya dibentuk dengan pemikiran dengan tahap ilmu pengetahuan tinggi dan bekerja keras untuk masa depan yang lebih baik memenuhi hidup mereka dengan bekerja sepanjang masa dan hidup sendiri tanpa memiliki keluarga. Pada hari ini, kerajaan menyedari bahawa mereka berdepan dengan masalah penggantian penduduk. Warga Singapura yang ada dimamah usia. Mengikut laporan Jabatan Statistik, kadar kelahiran jatuh untuk tahun ke-28 berturut di bawah paras 'penggantian' yang diperlukan untuk mengekalkan penduduk. Kadar kesuburan menurun ke rekod serendah 1:24 anak bagi setiap wanita. Kerajaan Singapura telah mengadakan pelbagai kempen untuk menggalakkan pasangan bujang berkahwin dan memiliki anak. Antara kempen tersebut ialah 'Romancing Singapore' pada tahun 2004 membabitkan piza berbentuk hati, pelancaran minyak wangi (energetik), insentif kewangan, pangkalan data bujukan dan perkhidmatan temu janji peribadi¹.

Untuk kekal relevan dan berdaya saing dalam ekonomi dunia, Singapura tidak harus mengah dan lelah dengan kudrat lama. Singapura telah memberikan 'penghargaan kerakyatan' kepada bakat asing yang turut sama membangunkan ekonomi Singapura iaitu sesuatu pengumuman yang ditunggu-tunggu oleh imigran luar yang sedang ini memiliki aset kekal. Pengalaman Singapura adalah cerita lain tetapi moralnya adalah sama dan patut diteladani oleh warga Melayu dan bahasanya. Apabila milik kita hilang dan semakin menjauh, apakah kita perlu mengadakan kempen 'Romancing Bahasaku', minyak wangi (jenama: aura bahasaku), insentif kewangan bagi mereka yang pandai mengeja tak apalah kalau salah sebutan, pangkalan data yang memuatkan golongan kata dan temu janji peribadi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Wallahu'alam. Semua pemaparan ini adalah satu pertimbangan untuk difikirkan bersama.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan (terj.). 1994. *Perancangan bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. 1997. Bahasa Melayu kuno: suatu pengantar ringkas. *Rampak Serantau* 4: 109-115.
- Amat Juhari Moain. 1998. Bahasa Melayu klasik. *Rampak Serantau* 5: 154-161.
- Amat Juhari Moain. 2004. Bahasa Melayu menjadi pemersatu nasyon Malaysia. *Rampak Serantau* 11: 40-53.
- A. Aziz Deraman. 2000. Bahasa asas pembinaan tamadun bangsa. *Kumpulan kertas kerja Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia*, 1: 1-25.
- Berita Harian. 2006. Singapura bantu rakyat cari jodoh. 18 Nov: 22.
- Hassan Ahmad. 1998. Bangsa Melayu dari perspektif sejagat. *Melayu Brunei Abad Ke-21*: 13-23.
- Johan Jaaffar. 2005. Pengajaran bencana Tsunami. Berita Minggu, 13.
- Mahathir Mohamad. 2002. *Globalisation and the new realities*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Muhammad Taib. 1993. *Melayu baru*. Kuala Lumpur: ITC Book Publisher.
- Noriah Mohamed. 1999. *Sejarah sosiolinguistik bahasa Melayu lama*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sidek Saniff. 1998. Bangsa Melayu: cabaran dan persaingan. *Melayu Brunei Abad Ke-21*: 1-12.

NOTA KAKI

¹ Berpuncu daripada satu amalan kuno Cina dan diterjemahkan menjadi satu disiplin ilmu, turut menjadi bahan analisis pemikir moden serta dipraktikkan oleh pelbagai bangsa yang turut meyakini sebagai satu disiplin ke arah kehidupan atau perniagaan yang lebih berjaya (Muhammad Taib 1999: 107).

² Lihat Berita Harian. 2006. Singapura bantu rakyat cari jodoh. 18 Nov: 22.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SEMANGAT HIJRAH 1428

Hijrah satu perjalanan mulia menjunjung perintah Tuhan dengan takwa demi menggapai kecemerlangan meneruskan perjuangan menegakkan kalimah Allah satu strategi menyusun langkah kejayaan dengannya Islam bersinar mengerunkan musuh.

Kini hijrah tulen sudah lama berlalu tetapi tuntutan hijrah masa kini lebih kompleks hijrah Nabi menegakkan kalimah Allah hijrah sekarang menuntut keteguhan iman hari ini banyak ejen-ejen melalaikan menggugat hati dan meruntun hawa nafsu sehingga sudah ramai orang lupa diri Tuhan sudah tiada di lubuk hati.

Mari kita menyusun strategi semangat hijrah Nabi kita contohi terajang segala penghalang biar Islam terus bersinar biar kita jadi umat gagah perkasa beriman dengan penuh takwa menjadi umat yang kuat di dunia.

Morsidi H. S.

TAKDIR

Si kecil manis cucuku puteri nama diberi Batrisya berusia sehijau 15 purnama sampainya umur berakhirnya ke hujung takdir.

Batrisya berangkat menemui Allah bersama ku iringi Faatihah.

Tidurlah sayang jangan berhati walang bidadari akan datang menggendong mendodoikan dengan kasih sayang dan menemanimu di siang hari hingga ke malam hari.

Beristirahatlah wahai sayang! mata air emasku si kecil manisku.

Al-Faatihah

PERKAHWINAN

Cinta yang bening suci bukannya nafsu beraja di hati tetapi perlu dipelihara dan disemai hingga ke gerbang perkahwinan kesempurnaan seorang insani digalakkan dalam Islam hadis Nabi.

Melalui perkahwinan lelaki dan wanita akan tertutupnya pintu-pintu maksiat iblis dan syaitan terus tergut.

Berumah tangga bukannya gelanggang permainan pasangan perlu memahami ilmu keagamaan dan kentalnya iman di dada kalian maka terisilah erti sebuah perkahwinan.

WANG

Wang yang banyak berjuta ringgit jangan engkau khuatir wangmu habis habis kerana bersedekah ke jalan Allah.

Hati pemurah bersedekah akan datang mencurah-curah daripada Allah tetapi engkau menjadi kedekut dan bersifat bakhil kelak di akhirat ular melilit leher dan menjalar tidakkah insani gusar?

Mahadi R. S.

SUAMIKU ...

Suamiku ... raut wajahmu terbit kesayuan ketabahan hati seorang insan bergelar suami ...

engkau memikul segala amanah yang terpatery di pundakmu segala-galanya ... tidak terbetik untukmu mengeluh sabar itu mainan bibirmu ... tutur kata nan indah dari sanubari yang suci ... pada titik peluh yang mengalir di dahi itu membuat ku insaf dan kenal diri sendiri membuatku terkedu berfikir inilah sayap kananku mendampingi ... pengangkat martabatku ... hingga ke azali ... tidak sesekali tegar ku melihatmu menderita tidak mampu untuk ku membiarkanmu sendirian nah ... aku yakini! itulah anugerah dari Yang Maha Kuasa ... buat diriku bergelar isteri ... betapa aku menghargaimu ...

Suamiku ... aku tidak akan sesekali ingin meminta lebih darimu ... andainya aku menginginkanmu setulus Ali Karamallahu Wajha ... ku akui ... diri ini tidaklah semulia, setabah Fatimah puteri kesayangan Rasulullah ... tetapi ... cukuplah ... dapat setia menemanimu hingga nyawa dijemput pergi ...

Haruman Syurgawi

NAWWAR ZULAIKHA

Secantik wajahmu ... setulus nuranimu ... seikhlas budimu ... huluran persahabatan, lemparan manis senyuman bermulanya ukhuvah seorang teman ... titik permulaan untaian sebuah persahabatan ... untuk aku kenalimu kita melakar pelangi bersama ... bersama mengejar sebuah impian ... dirimu memberiku sumber inspirasi keluhuranmu, pertuturanmu penuh budi yang sukar ku gambarkan dengan kata-kata nyatanya ... kau punya sekeping hati ... sebersih ... setenang air di kali ... seindah, sejujur srikandi bumi.

Nawwar Zulaikha ...

Mengenalimu teman buatku terpaku masih ada insan secantik akhlakmu kesabaranmu menginsafkan diri betapa kerdilnya diri betapa lemahnya diri kau menyedarkan aku hidup ini panjang likunya banyak durinya harus dilangkahi.

Bukan berpaksi material semata tetapi ... asas keteguhan iman petunjuk kepada kejernihan hati.

Nawwar Zulaikha ...

Kini kau tiada lagi benarlah katamu dulu hidup di dunia ini cukuplah singkat akurlah pada ketentuan takdir tetapi ... aku bangga ... kau pergi dengan syahid reda dengan takdirmu menemui Tuhanmu ... moga rohmu ditempatkan di kalangan solehin amin.

Syurhibil

TAHUN BARU 2007

Tahun baru 2007 kini menjelma datang dengan semangat baru tekad dan azam tersemat di hati sebagai pegangan diri tahun baru membawa erti ilham dan cita-cita mesti dicari

agar terarah haluan diri untuk mencapai kejayaan di kemudian hari agar kehidupan lebih terjamin.

Abang Jit Manis

MATI

Di senja yang indah cahaya merah bak neraka marak bebandang dan terang-benderang mentari di bibir langit di ufuk timur mauk perlahan-lahan begitulah langkah dan jaraya di umur senja yah, bila sudah Maghrib dunia pajah, padam dan gulmat alangkah indahnya mentari masuk di bibir air hati yang hiba dan meratapi warna merah merapi itu sedih kerana bila mengingat dosa-dosa yang berlalu manusia sering alpa, ibarat mimpi dalam mimpi sambil menarik nafas dan berfikir seketika apakah isi di dalam lubuk mentari itu dan siapakah penghuni di langit, di bulan dan di bawah tanah manusia akan temui semua itu setelah wafat.

Dalam meniti hidup emas ingat, perjalanan akhirat itu juga yang akan pasti dilalui tidak mustahil, sesaat lagi atau seminit mendatang isi di dunia akan ditinggalkan roh-roh yang terpisah dari badan lalu berhijrah ke angkasa lepas dan menembusi ke langit pertama hingga ke tujuh semua keajaiban ada di sana kumpulkanlah amal ibadat yang baik dan ikhlas sambil berdoa ditemukan rahmat dari-Nya mudah-mudahan akan dipendekkan perjalanan kita menuju ke Syurga Amin ya rabbal' alamin.

INGATI MATI

Kesucian dirimu tiada hanya hanyut ternoda kebaikan dirimu bukan kerana harta berjuta budi bahasa baik tidak ternilai bila disita orang baik duduknya setinggi langit mereka disanjung, kerana beriman, jujur, amanah dan tidak berpura-pura orang yang hanyut dan muflis ... bila bersalaman pandangan matanya ke arah lain.

Bertanggungjawab itulah payung mahkota rakyat dan negara insan yang baik sering diucap dalam doa agar sejahtera di dalam kubur amalkanlah penyeri hidup ... awar, galat, tunduk hormat dan ... santun berbahasa tuakan fikiran dalam ucapan ... bila berdepan dengan sesiapa, jangan pilih bangsa hayat ini tidak lama, hanya sececah sira jangan berperangai jahat membeza-bezakan keturunan jauhkan diri menjadi pengkhianat bangsa jangan agama dijadikan tembok pendinding diri dan tamak haloba dan mencabul hak asasi hidup yang terpuji manusia tahu diri dan bersifat sederhana cari rezeki halal, jauhi haram yang bukan milik hampiri Syurga jauhi Neraka dan menjadilah jati diri ... bertakwa dan beriman jangan berlakon sepanjang masa.

Haji Mat Noor Matussin

BULAN ENKAU MENDEKATIKU

Bulan purnama di malam ini terang-benderang seperti lampu seperti mendekati kepadaku aku melihat berasa aneh bulan itu cuba menghampiriku aku terus menggigil melihat bulan itu semakin hampir kepadaku

aku melihat terpaku menggigil bulan itu terus hampir.

Aku berlari ke dalam rumah kerana takut kepada bulan yang hampir cuba mendekatiku berasa luar biasa kejadian sebegitu.

Hilang begitu sahaja bulan yang mendekatiku aku cuba berusaha melihat bulan itu masih berada di langit yang biru.

Aku tersenyum melihatnya kerana itu cuma ketajaman mata.

KUNCI KEJAYAAN

Carilah kunci itu bermula meminta tunjuk ajar kedua belajar bersendirian dan berdikari hingga mendapatkannya.

Kunci itu hanya untuk orang yang rajin jika tidak! mungkin angan-angan saja tiada muncul bergoyang kaki tiada bermakna berpeluk tubuh muncul sia-sia masa terbuang merata-rata kesal di kemudian hari tentu huru-hara.

Pergilah mencari kunci itu berusaha dengan gigih biar rintangan datang melanda itulah cabaran pasti dihadapi hadapilah dengan sabar berdoa sebagai pertolongan semoga engkau dapat memiliki kunci itu.

Ali Termizi H. R.

KATOK IV

Tika hati ini tiada di mata mulalah harga diri dilupakan hanya kenangan indah menjadi saksi usia juga yang mengimbau sejarah betapa cinta ini tiada penghujungnya.

Katok harga dirimu amat istimewa ku pamerkan dirimu di kaca emas kujunjung senyuman di cermin sakti agar kau tahu betapa kerinduan ini terus menyala menyala bersama obor usiaku ia akan ku baja dan ku sirami dengan air air mawar kerinduan supaya ia subur sepanjang zaman.

KATOK V

Ketika keimanan menguasai diri lantas ia berkiblat di hati hati nan suci sesuci kain putih yang belum diwarnai.

Katok ketakwaanmu keimananmu kesabaranmu tetap bertakhta di hati walau badai melanda namun kau tak peduli.

Hari ini kita berbicara o.k o.k pada Allah o.k pada ibu bapa o.k pada anak-anak o.k pada keluarga o.k pada kerjaya o.k o.k o.k segalanya itulah prinsipmu orang berbudi kita berbahasa orang memberi kita merasa ingat sebelum kena jimat sebelum habis.

Pg. Hj. Idris Pg. Hj. Ismail



سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 31 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	EVEN STEVENS
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE
4.45	THE LOST WORLD
5.15	MOU PROGRAM - (TV12/RTB)
5.45	BERITA
6.00	MOU PROGRAM - (TV12/RTB) - Sambungan
6.20	FINGERTIPS
6.31	AZAN MAGHRIB
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	HEAR AND SEE
7.43	AZAN ISYAK
7.50	HEAR AND SEE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	KERINGAT - 'Terpikat Teripas'
9.30	WARNA WARNI
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN ANTARABANGSA
11.15	BEWITCHED
11.45	DARK ANGEL - Ulangan
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 1 FEBRUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	EVEN STEVENS
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutura Ungu'
12.35	AZAN ZUHUR
12.00	DRAMA - Sambungan

PETANG

1.00	MIND BODY & SOUL
1.30	GUINNESS WORLD RECORD
2.30	PINTU HIDAYAH - 'Menantu Gila Harta'
3.56	AZAN ASAR
4.02	SAMURAI X
4.30	DRAGON TALES
5.00	BEYOND 2000
	CONTINUITY
5.45	BERITA
6.00	ARCHITECTURE 21 - Siri Akhir
6.32	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATS - Ulangan

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.25	WARTA ISLAM
7.44	AZAN ISYAK
7.51	WARTA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA - 'Ada Apa Dengan Mu?'
11.45	WAYANG PILIHAN -

JUMAAT 2 FEBRUARI

1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT
------	----------------------

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	PRINCESS STARLA & THE JEWEL RIDERS
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	WILDLIFE DIARY
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.45	FOKUS
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Maine Pyar Kyun Kiya'
3.56	AZAN ASAR
4.03	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan

5.15	DR. OTTER
5.45	BERITA
6.00	HALUAN
6.32	AZAN MAGHRIB
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	DRAMA - 'Genap Dua'
7.44	AZAN ISYAK
7.50	DRAMA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANJAU KEHIDUPAN
9.30	MOUSE TV
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAMA - 'Bunga Kasturi'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 3 FEBRUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H
10.45	FERGUS MCHAIL
11.15	MENADAH GERIMIS - Ulangan
11.30	BERITA
11.45	MENADAH GERIMIS - Sambungan
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Silent Predators'
12.36	AZAN ZUHUR
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - Sambungan

PETANG

2.00	DRIVE
2.30	SPORTS PAGE
3.00	THIRD WATCH
3.57	AZAN ASAR
4.02	NATIONAL GEOGRAPHIC - 'Avalanche The White Death'
5.00	THE MAGIC SCHOOL BUS - Siri Akhir
5.30	CAITLIN'S WAY
5.45	BERITA
6.00	CAITLIN'S WAY - Sambungan
6.15	PORTS OF CALL - Siri Akhir
6.32	AZAN MAGHRIB
6.15	PORTS OF CALL - Sambungan
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.30	TSUNAMI AFTERMATH: 'The Road To Recovery' - 2nd run
7.44	AZAN ISYAK

7.50	TSUNAMI AFTERMATH: - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Hard Time'
12.15	GUINNESS WORLD RECORDS
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 4 FEBRUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	GIRL STUFF BOY STUFF
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PADA SUATU HARI
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Combustion'
12.36	AZAN ZUHUR
12.42	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.15	REBEL BILLIONAIRE
2.15	FAR FETCHED
2.45	JUARA - Siaran Langsung
3.20	CITA RASA AIDILFITRI
3.57	AZAN ASAR
4.03	FUN TIME - Siaran Langsung
4.30	DRAMA - 'Meniti Pelangi'
5.00	KAUNSELING
5.30	MASYARAKAT
5.45	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
6.00	BERITA
6.32	BIG CAT DIARY - Ulangan
A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 6 Februari 2007. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB3510 Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada 5 Februari 2007, hari Isnin, jam 10.30 pagi.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan
2.00 petang - 3.30 petang.
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

- Bayaran Tawaran 'Tender Fee' dan 'Document Fee' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam.
- Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
- Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Projek : THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING AND COMMISSIONING OF INSTRUMENT LANDING SYSTEM / DISTANCE MEASURING EQUIPMENT SYSTEM (ILS/DME) AND PROVISION OF OTHER RELATED SERVICES

Bilangan Tawaran : JPA/RKN/908-006/01 ILS

Tender Fee : \$500.00

Tarikh Tutup Tawaran : 27 Februari 2007, jam 2.00 petang

Tarikh Information Day : 25 Januari 2007

Projek : THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING AND COMMISSIONING OF PRIMARY RADAR SURVEILLANCE SYSTEM (PSR) AND PROVISION OF OTHER RELATED SERVICES

Bilangan Tawaran : JPA/RKN/908-006/02 PSR

Tender Fee : \$500.00

Tarikh Tutup Tawaran : 27 Februari 2007, jam 2.00 petang

Tarikh Information Day : 25 Januari 2007

Syarat-syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, ditulis dengan:-

Kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 27 Februari 2007.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jalan Berakas dengan bayaran Yuran Tawaran sebanyak \$500.00 (tidak dikembalikan).
- Tarikh terakhir untuk mengambil Dokumen Tawaran ialah 24 Januari 2007.
- Semua syarikat yang mengambil Dokumen Tawaran dan berhasrat untuk mengambil bahagian adalah perlu menghadiri "Information Day" yang akan diadakan pada pukul 9.00 pagi, 25hb Januari, 2007 di Bilik Asyura, Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
- Penerbangan-penerbangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Sekretariat (Airport Masterplan), Jabatan Penerbangan Awam, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jalan Berakas. Telefon : 2330142/2330143
Fax : 2333666/2331706
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

CUKAI TANAH TAHUNAN

JABATAN TANAH, Kementerian Pembangunan ingin menarik perhatian semua pemilik-pemilik tanah di Negara Brunei Darussalam.

Bahawa menurut Bab 18 Ceraian (2) dari Kanun Tanah Penggal 40 apabila pemilik tanah tidak menjelaskan tunggakan tanah mereka dalam tempoh ianya diperlukan, pihak kerajaan boleh mengambil balik dan menjual tanah tersebut sebaik saja tempoh kenyataan (Notis) yang diberikan berakhir.

Maka dengan ini semua pemilik-pemilik tanah adalah dikehendaki untuk menjelaskan cukai tanah dan tunggakan cukai tanah mereka mengikut daerah masing-masing di Pejabat-pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong pada waktu pejabat dibuka seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis - 8.00 hingga 11.00 pagi
- 1.45 hingga 3.00 petang
Hari Sabtu - 8.00 hingga 10.00 pagi



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH IKLAN 31 JANUARI 2007

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 FEBRUARI 2007

BILANGAN IKLAN : 05/01/07 (SPA/BMI)

Syarat-syarat Am :

- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PT1. TRADESMAN TINGKAT II DI JABATAN - JABATAN KERAJAAN F.3-4 EB.5 (\$550 - \$700 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3). Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding. **ATAU**
- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dan berpegalaman dalam bidang berkaitan dalam tanggungaji F.1 tidak kurang dari 3 tahun.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN PT1 :

**PENYAMBUT TETAMU TINGKAT 1
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961/2383455**

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

LK2. PEKERJA KANAN BELIA DAN SUKAN DI JABATAN BELIA DAN SUKAN C.2 EB.3-4 (\$1,450 - \$2,620 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Pekerja Kanan Belia dan Sukan atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun.

LK3. PENOLONG PEKERJA KANAN BELIA DAN SUKAN DI JABATAN BELIA DAN SUKAN C.1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pekerja Belia dan Sukan Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.

LK4. PEKERJA BELIA DAN SUKAN TINGKAT I DI JABATAN BELIA DAN SUKAN D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pekerja Belia dan Sukan Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris dan mahir dalam penggunaan komputer adalah kelebihan.

LK5. PENYELAMAT KANAN DI JABATAN BELIA DAN SUKAN D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. **ATAU**
- ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penyelamat (tanggungaji E.1) tidak kurang dari 8 tahun. **ATAU**
- iii) Pemohon yang tidak mempunyai kelayakan seperti di para (a) (i) dan (ii) boleh dipertimbangkan jika mempunyai kelayakan sebagai Examiner Certificate in Personal Survival A.S.A United Kingdom dan pemegang Bronze Medallion, Royal Life Saving Society United Kingdom serta berkhidmat sebagai Penyelamat nyawa tidak kurang dari 5 tahun.

LK6. PEMELIHARAAN KAWASAN DI JABATAN BELIA DAN SUKAN F.1-2-3 EB.4 (\$445 - \$650 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Tamat Tingkatan III. Kelulusan lebih tinggi dan mempunyai pengalaman yang bersesuaian adalah kelebihan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN LK2 HINGGA LK6:

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
SIMPANG 336-17, TINGKAT 7
JALAN KEBANGSAAN BA1210
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

LK7. PEMBANTU UKUR KAPAL DI JABATAN LAUT C.1-2-3 EB.4 (\$1,280 - \$2,620 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Mempunyai Kecekapan Sijil Pegawai Laut Kelas 6 (Dek). **ATAU**
- ii) Mempunyai Kecekapan Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 5 (Injin). **ATAU**
- iii) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan Peringkat Biasa (HNC) atau kelulusan sebanding dalam bidang Mechanical Engineering atau bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan. **ATAU**
- iv) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.4 tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Pemohon yang dikehendaki adalah terdiri dari lelaki sahaja.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN LK7:

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
SERASA MUARA BT1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

LK8. PEMBANTU PERHUTANAN DI JABATAN PERHUTANAN D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau kelulusan sebanding dalam bidang Perhutanan atau bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi bidang sama adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Pembantu Perhutanan Rendah (tanggungaji D.1) tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan Perhutanan / Pertanian / Pemeliharaan Alam Sekitar atau bersesuaian dalam tanggungaji D.1 tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- b) Lulus Sijil Asas Perhutanan, Jabatan Perhutanan serta mempunyai kelulusan pengkhususan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN LK8 :

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
JALAN MENTERI BESAR BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

LK9. ATENDAN JENTERA TAPISAN AIR TINGKAT I DI JABATAN KERJA RAYA E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) dalam bidang bersesuaian. **ATAU**
- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Atendan Jentera

Tapisan Air Tingkat II (tanggungaji F.2) tidak kurang dari 3 tahun.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN LK9 :

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KEMENTERIAN KEWANGAN

LK10. OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II DI JABATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA E.3 EB.4 (\$660 - \$875 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) dalam bidang bersesuaian. **ATAU**
- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai pemandu atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji F.2 tidak kurang dari 5 tahun.
- b) Mempunyai lesen memandu kelas tiga (3) atau tiga (3) dan lima (5).

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN LK10 :

**PENGARAH PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA
BAHAGIAN PENTADBIRAN
PEJABAT KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
BERAKAS BB2713
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBERITAHUAN :

- Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
- Bagi iklan jawatan bilangan PT1 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1 atau SPA2.
- Bagi iklan jawatan bilangan LK3, LK4, LK5, LK6, LK7, LK8, LK9 dan LK10 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.
- Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
 - Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
 - Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
 - Rekod Perkhidmatan.
- Tahap penilaian prestasi pegawai-pegawai Kerajaan sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
- Permohonan yang diterima lewat daripada 21 FEBRUARI 2007 tidak dilayan.
- Tugas dan tanggungjawab jawatan boleh diperolehi daripada Kementerian/Jabatan di mana terdapat kekosongan jawatan tersebut atau di tempat menghantar borang permohonan.
- Pemohon juga boleh mendapatkan maklumat seperti syarat kelayakan serta tugas dan tanggungjawab jawatan di papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana maklumat-maklumat ini dipaparkan lebih awal dari keluaran Pelita Brunei atau dengan melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) seperti di bawah:

Website : <http://www.spa.gov.bn/>

12. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-

- Pejabat Daerah Belait;
- Pejabat Daerah Temburong.
- Pejabat Daerah Tutong;
- Pusat Sumber Kerjaya Kementerian Pendidikan, Tingkat I di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Bandar Seri Begawan;
- Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.


**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

- Bilangan Tawaran : JKP/KPSU/TAW/2007/6.**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT INCENTIVE & MEETINGS EXPO (IMEX) 2007, 17 - 19 APR 2007, FRANKFURT, GERMANY"
Yuran Tawaran : \$40.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 13 Februari 2007, jam 2.00 petang
- Bilangan Tawaran : JKP/KPSU/TAW/2007/7.**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT INCENTIVE TRAVEL & CONVENTIONS, MEETINGS (IT & CM) CHINA, 23 - 25 APR 2007, SHANGHAI, CHINA"
Yuran Tawaran : \$40.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 13 Februari 2007, jam 2.00 petang.
- Bilangan Tawaran : JKP/KPSU/TAW/2007/8.**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT ASIA DIVE EXPO (ADEX), 27 - 29 APR 2007, BANGKOK, THAILAND"
Yuran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 13 Februari 2007, jam 2.00 petang.
- Bilangan Tawaran : JKP/KPSU/TAW/2007/9.**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT ARABIAN TRAVEL MARKET (ATM) 2007, 1 - 4 MAY 2007, DUBAI, UAE"
Yuran Tawaran : \$40.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 20 Februari 2007, jam 2.00 petang.
- Bilangan Tawaran : JKP/KPSU/TAW/2007/10**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT BAHRAIN INTERNATIONAL TRAVEL EXPO (BITE) 2007, 8 - 10 MAY 2007, MANAMA, BAHRAIN"
Yuran Tawaran : \$40.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 20 Februari 2007, jam 2.00 petang.
- Bilangan Tawaran : JKP/KPSU/TAW/2007/11**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT CHINA OUTBOUND TRAVEL & TOURISM MARKET (COTTM) 2007, 14 - 16 MAY 2007, BEIJING, CHINA"
Yuran Tawaran : \$35.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 20 Februari 2007, jam 2.00 petang.

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman dari segi rekaan dalaman dan pembinaan booth atau pavilion di pameran-pameran perdagangan dan pelancongan dalam dan luar negeri dan tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Tingkat 4, Kementerian Perindustrian
dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

- dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bertempat di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam setiap tawaran tersebut.
- Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
 - Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut :
Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 11.30 pagi, dan 1.45 petang - 3.45 petang.
 - Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.
 - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
BILANGAN TAWARAN: JPA/APM.2007/06
Syarat-syarat Tawaran :

- Tawaran adalah dipelawa dari Syarikat-syarikat yang berkecayaan untuk menjalankan perniagaan berikut: "WATER-PROOFING WORK AT ARRIVAL CANOPY, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT".
Bilangan Tawaran: JPA/APM.2007/06
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis dengan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/ pemborong dan hendaklah ditulis dengan: "WATERPROOFING WORK AT ARRIVAL CANOPY, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT".
Bilangan Tawaran : JPA/APM.2007/06

Kepada:

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan,
Jalan Menteri Besar BB3910,
Negara Brunei Darussalam.**

- Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 6 Februari 2007. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak B\$25.00 (tidak dikembalikan) dan juga membawa cop pengesahan Syarikat.
- Waktu pejabat bagi menerima bayaran:
Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi, dan 2.00 petang - 3.00 petang
Sabtu : 8.00 pagi - 11.00 pagi
- Untuk mendapatkan penerangan lebih lanjut sila hubungi Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, melalui telefon Telefon: 2330142 atau 2332337 sambungan 1350/ 1356, Fax: 2331772.
- Pemborong-pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta dengan salinan Kad Pengenalan atau Pasport Pemilik.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.


**NOTIS JUALAN LELONG
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
JUALAN LELONG 37 BUAH MESIN

ADALAH dengan ini diberikan notis iaitu jualan lelong yang tersebut dibawah akan diadakan pada:

Tarikh : 5 Februari 2007 (Isnin)

Jam : 8.30 pagi

**Tempat : Unit Stor Tasek, Jabatan Perkhidmatan
Air, Jalan Tasek Lama, Jabatan
Perkhidmatan Air.**

Syarat-syarat jualan lelong:-

- Pembeli yang berminat bolehlah melihat tempat dan barang yang akan dilelong dua hari sebelum tarikh lelong dibuat.
- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar dengan secara tunai dan memindahkan barang dari tapak jualan lelong tidak lewat tiga (3) hari dari tarikh jualan lelong tersebut. Jika terlewat memindahkan pada tarikh yang telah ditetapkan maka barang-barang lelong yang sudah dibeli akan dilelong semula.
- 30 % deposit daripada harga pembeli, jika barang lewat diambil dalam tempoh tiga (3) hari maka deposit tersebut tidak akan dikembalikan.

Keterangan Barang :

- Briggs & Stratton Water Pump (2 Unit), 2. Ajax Pump (3 Unit), 3. Tablot Patent Under Pressure Tapping Machine (3 Unit), 4. Ridgid Tristand Bending Machine (2 Unit), 5. Davey Pump Dynaset (2 Unit), 6. Deming Pump (1 Unit), 7. Robin Water Pump (1 Unit), 8. Hitachi Hammer Drill (1 Unit), 9. Asada Pipe Saw (2 Unit), 10. Ridgid Pipe Treading Machine (1 Unit), 11. Rox Treading Machine (1 Unit), 12. Ridge Vice Machine (1 Unit), 13. Manual Operator Ridgid Vice Machine (2 Unit), 14. Broom Wade Motor (1 Unit), 15. Power Drive Lathe (1 Unit), 16. Hilti TE72 Hammer Drill (4 Unit), 17. National A/C Arch Welder (1 Unit), 18. Valve Operator Trailer (1 Unit), 19. Maruyama Grass Cutter (4 Unit), 20. Impussion Machine for HDPE Pipe Pipe (1 Unit), 21. Sunny Hand Grass Cutter (1 Unit), 22. Nissan Forklift (1 Unit)


**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas II ke atas sahaja dan Kategori Kerja 1 dan 3 bagi:

Projek : (i) KG. RIMBA RESETTLEMENT/ HOUSING SCHEME INFRASTRUCTURE PHASE 5A & 5B, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM "ADDITIONAL WORKS FOR PUMPING STATION PSG 6 & 7"

No. Projek : JKP/01/2007

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 5 Februari 2007.

Tawaran Buka : 17 Januari 2007 (Rabu)

Tarikh Tutup : 6 Februari 2007 (Selasa). Tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat Tutup : Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$ 25.00 (tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen : \$ 25.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-syarat Tawaran :

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan Bilangan Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat dipara satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Tawaran akan dikira sah laku bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup menghantar tawaran.
- Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/ 4 (39/ 1997).
- Wakil Syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan Kad Pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.


**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**
BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/PSP/01/2007

'REINFORCEMENT OF 66KV AND 11KV UPSTREAM SYSTEM AT MANGGIS 66/11KV SUBSTATION'

Tarikh tutup : 20 Februari 2007, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$1,000.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$60.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan bagi Kelas V, kategori 7c sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perancangan Sistem & Pengurusan Projek (PSP), Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



**MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMOHON-PEMOHON yang terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan bagi mengikuti Kursus Diploma Kejururawatan di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah selama 3 tahun 6 bulan, iaitu bagi sesi Julai 2007 - Disember 2010 adalah di pelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing. Penduduk-penduduk Tetap adalah dibolehkan untuk memohon.

**KURSUS DIPLOMA KEJURURAWATAN
BAGI SESI JULAI 2007 - DISEMBER 2010**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja yang akan ditemuduga untuk dipertimbangkan:-

- i) Bujang
- ii) Memiliki sekurang-kurang lima (5) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa sama ada diperolehi dalam sekali atau berkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (G.C.E. 'O' level) atau peperiksaan yang sebanding dengannya.
- iii) Keutamaan akan diberikan kepada mata-mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Mata Pelajaran Sains dan mempunyai satu mata-mata pelajaran yang lain.
- iv) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun pada 1 Julai 2007.
- v) Lulus ujian kelayakan Bahasa Inggeris yang di buat oleh pihak Maktab Jururawat jika perlu.
- vi) Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui oleh Kerajaan.
- vii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan ataupun pihak Swasta hendaklah menghadapkan permohonan mereka melalui Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan atau Ketua Jabatan masing-masing.
- viii) Penduduk tetap juga akan dipertimbangkan.

PERJANJIAN

Calon-calon yang terpilih dibawah biasiswa Kerajaan dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini:-

- i) Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada Kerajaan dengan sepenuhnya semua perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak Kerajaan.
- ii) Pelajar akan, jika dikehendaki, oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai Jururawat Terlatih (Staff Nurse), selama tempoh yang tidak kurang dari lima tahun setelah kursus Diploma Kejururawatan tamat, dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana hospital dan klinik-klinik di Negara Brunei Darussalam, di bawah Kementerian Kesihatan.

PERHATIAN

Borang permohonan bolehlah didapati daripada Bahagian Kemasukan dan Pendaftaran Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah. Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada **12 Mac 2007**.

Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, tidak akan di layan.

**KURSUS DIPLOMA KEJURURAWATAN CONVERSION
BAGI SESI JULAI 2007 - OGOS 2009**

Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah akan menawarkan kursus Diploma Kejururawatan Conversion bagi sesi Julai 2007 - Ogos 2009.

Kursus adalah dibukakan kepada penolong-penolong jururawat (Assistant Nurse) yang memenuhi syarat dan kelayakan samada berkhidmat dengan Kerajaan atau Swasta.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- i) Mempunyai kelulusan Sijil Penolong Jururawat dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Mempunyai pengalaman berkerja tidak kurang dari 2 (dua) tahun selepas menamatkan pengajian Penolong Jururawat.
- iii) Permohon yang sedang berkhidmat hendaklah menghadapkan permohonan mereka melalui Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan atau Ketua Jabatan masing-masing.
- iv) Penduduk tetap juga akan dipertimbangkan

PERHATIAN

Borang permohonan bolehlah didapati daripada Bahagian Kemasukan dan Pendaftaran Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah. Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada **12 Mac 2007**.

Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, tidak akan

**KURSUS DIPLOMA PERBIDANAN
BAGI SESI JULAI 2007 - DISEMBER 2010**

Pemohon-pemohon yang terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan bagi mengikuti Kursus Diploma Perbidanan di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah selama 3 tahun 6 bulan, iaitu bagi sesi Julai 2007 - Disember 2010 adalah di pelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing. Penduduk-penduduk Tetap adalah dibolehkan untuk memohon.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja yang akan ditemuduga untuk dipertimbangkan:-

- i) Perempuan dan bujang.
- ii) Memiliki sekurang-kurang lima (5) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa sama ada diperolehi dalam sekali atau berkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (G.C.E. 'O' level) atau peperiksaan yang sebanding dengannya.
- iii) Keutamaan akan diberikan kepada mata-mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Mata Pelajaran Sains dan mempunyai satu mata-mata pelajaran yang lain.
- iv) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun pada 1 Julai 2007.
- v) Lulus ujian kelayakan Bahasa Inggeris yang dibuat oleh pihak Maktab Jururawat jika perlu.
- vi) Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui oleh Kerajaan.
- vii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan ataupun pihak Swasta hendaklah menghadapkan permohonan mereka melalui Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan atau Ketua Jabatan masing-masing.
- viii) Penduduk tetap juga akan dipertimbangkan.

PERJANJIAN

Calon-calon yang terpilih dibawah biasiswa Kerajaan dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini:-

- i) Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada Kerajaan dengan sepenuhnya semua perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak Kerajaan.
- ii) Pelajar akan, jika dikehendaki, oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai Jururawat Terlatih (Staff Nurse), selama tempoh yang tidak kurang dari lima tahun setelah kursus Diploma Kejururawatan tamat, dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana hospital dan klinik-klinik di Negara

Brunei Darussalam, di bawah Kementerian Kesihatan.

PERHATIAN

Borang permohonan bolehlah didapati daripada Bahagian Kemasukan dan Pendaftaran Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah. Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada **12 Mac 2007**.

Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, tidak akan di layan.

**KURSUS SIJIL KEJURURAWATAN
BAGI SESI JULAI 2007 - OGOS 2009**

Pemohon-pemohon yang terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan bagi mengikuti Kursus Diploma Perbidanan di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah selama 2 tahun, iaitu bagi sesi Julai 2007 - Ogos 2009 adalah di pelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing. Penduduk-penduduk Tetap adalah dibolehkan untuk memohon.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja yang akan ditemuduga untuk dipertimbangkan:-

- i) Bujang.
- ii) Memiliki sekurang-kurang lima (5) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa sama ada diperolehi dalam sekali atau berkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (G.C.E. 'O' level) atau peperiksaan yang sebanding dengannya.
- iii) Keutamaan akan diberikan kepada mata-mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Mata Pelajaran Sains dan mempunyai satu mata-mata pelajaran yang lain.
- iv) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun pada 1 Julai 2007.
- v) Lulus ujian kelayakan Bahasa Inggeris yang dibuat oleh pihak Maktab Jururawat jika perlu.
- vi) Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui oleh Kerajaan.
- vii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan ataupun pihak Swasta hendaklah menghadapkan permohonan mereka melalui Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan atau Ketua Jabatan masing-masing.
- viii) Penduduk tetap juga akan dipertimbangkan.

PERJANJIAN

Calon-calon yang terpilih dibawah biasiswa Kerajaan dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini:-

- i) Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada Kerajaan dengan sepenuhnya semua perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak Kerajaan.
- ii) Pelajar akan, jika dikehendaki, oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai Jururawat Terlatih (Staff Nurse), selama tempoh yang tidak kurang dari lima tahun setelah kursus Diploma Kejururawatan tamat, dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana hospital dan klinik-klinik di Negara Brunei Darussalam, di bawah Kementerian Kesihatan.

PERHATIAN

Borang permohonan bolehlah didapati daripada Bahagian Kemasukan dan Pendaftaran Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah. Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada **12 Mac 2007**.

Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, tidak akan di layan.



JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

TAWARAN BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN TERMINAL KONTENA MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN TAWARAN : JP/T2/2007

1. PENYERTAAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat kontena terminal kontena yang bertaraf antara-bangsa dan berpengalaman bagi menyertai Tawaran 'Operasi dan Penyelenggaraan Terminal Kontena Muara, Negara Brunei Darussalam.'
2. Dokumen Tawaran dengan harga (Ringgit Brunei : Lima Ratus sahaja) B\$500.00 (tidak dikembalikan) setiap set bolehlah dari Bahagian Komersil dan Pemasaran, Tingkat 1, Jabatan Pelabuhan, Muara pada waktu-waktu pejabat dari 16 Januari 2007.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo penender. Penender perlu memberikan tiga (3) set tawaran di mana satu (1) set ialah tawaran set asal (original) dan dua (2) set tawaran salinan (duplicate). Setiap set tawaran perlu di label dengan satu set asal dan dua set salinan dan ditulis dengan tajuk seperti berikut:-

TAWARAN BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN TERMINAL KONTENA MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN TAWARAN : JP/T2/2007 TARIKH TUTUP: 13 FEBRUARI 2007

Penender perlu menghantarkan set-set tawaran tersebut ke dalam peti tawaran dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat 13 Februari 2007 (Selasa) jam 2.00 petang.
5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Penender-penender hendaklah ambil maklum mengenai perkara-perkara berikut:-
- 6.1 Jabatan Pelabuhan hanya menerima sebarang pertanyaan dari 16 Januari hingga 6 Februari 2007.
- 6.2 Hari Informasi Tawaran (Tender Information Day) pada 31 Januari 2007 (Rabu), jam 9.00 pagi di Tingkat 1, Bilik Persidangan Karamunting, Jabatan Pelabuhan, Muara.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Tawaran-tawaran Kontrak yang tertinggi.



BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA) KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER- SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN: BINA/IKLAN TAWARAN/ AM

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa unit-unit di Kompleks-kompleks Perindustrian seperti berikut:-

KOMPLEKS-KOMPLEKS PERINDUSTRIAN:

- 1) KOMPLEKS PERINDUSTRIAN BERIBI
- 2) KOMPLEKS PERINDUSTRIAN SERAMBANGUN, TUTONG
- 3) KOMPLEKS PERINDUSTRIAN PEKAN BELAIT

Borang-borang permohonan bolehlah didapatkan dari:-

- a) Ibu Pejabat Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) Km 8, Jalan Gadong, BE 1118 Negara Brunei Darussalam, Tel: 673-2444100 Ext 101, 102 & 103.
- b) Cawangan Badan Kemajuan Industri Brunei Daerah Tutong, Unit A 6, Blok 2, Kompleks Perindustrian Serampang, Tutong TA 2541 Tel: 673-4221409/-4261490/4222440.
- c) Cawangan Badan Kemajuan Industri Brunei Daerah Belait, Unit A 5, Blok 2 Kompleks Perindustrian Pekan Belait, Telefon : 673-3335052.

Borang-borang permohonan yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan kepada:-

PEMANGKU PENGARAH, BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA), KM 8 JALAN GADONG, BE 1118 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tidak lewat dari 8 Mac, 2007 sebelum 4.30 petang.

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIGALAKKAN UNTUK DITEMPATKAN DI KOMPLEKS-KOMPLEKS PERINDUSTRIAN

1) SEKTOR PEMROSESAN MAKANAN

- 1.1 Pemrosesan/pengetinan/pembungkusan makanan & minuman

2) SEKTOR PEMBUATAN

- 2.1 Pemasangan barangan/ peralatan elektrik/elektronik
- 2.2 Pusat rekapi (design house) termasuk jahitan (Kompleks Perindustrian Serampang, Tutong dan Kompleks Perindustrian Pekan Belait).
- 2.3 Bahan pembungkusan.
- 2.4 'Gifts' dan 'Souvenir' (electro/acid etching & electroplating, sculpturing dan curving, kain tenunan barangan hasil kraf tangan dan lain-lain yang berkaitan).

- 2.5 Barangan plastik/foam/pvc.
- 2.6 Percetakan / signcraft.
- 2.7 Interior renovation works (Hiasan dalaman dan luar rumah seperti kuysen, upholstery, perabot, kornis dan lain-lain yang berkaitan).
- 2.8 Pembuatan barangan daripada canvas.
- 2.9 Perusahaan aluminium/ besi dan kaca.

3) SEKTOR PERKHIDMATAN

- 3.1 Bengkel bagi Industri Minyak dan Gas (Mesin, valves dan lain-lain)
(Bagi Kompleks Perindustrian Pekan Belait sahaja)
- 3.2 Pejabat (Tingkat Atas)
(Bagi Kompleks Perindustrian Serampang, Tutong & Pekan Belait)
- 3.3 Pembekalan alat ganti kenderaan, pemasangan peralatan kenderaan, perkhidmatan baikpulih, pemeliharaan alat hawa dingin kenderaan dan perkhidmatan tayar termasuk 'wheel alignment'.
(Bagi Kompleks Perindustrian Pekan Belait)

Nota: Kegiatan yang tidak tersenarai di atas boleh dipertimbangkan tertakluk kepada 'viability' perusahaan yang



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

JABATAN PENERANGAN, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Brunei Darussalam Newsletter dan Internet mengalu-alukan penyertaan daripada para syarikat pencetak untuk serta dalam membekalkan kepada Jabatan Penerangan perkara berikut:-

MENCETAK TERBITAN BARU BERTAJUK 'SIMPLY BRUNEI'

Syarat-syarat bagi kerja-kerja percetakan dan penerangan lanjut mengenai terbitan baru ini boleh diperolehi daripada Bahagian Brunei Darussalam Newsletter dan Internet. Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam atau berhubung di talian 2383400 sambungan 302 sewaktu pejabat.

Sukacita dimaklumkan kepada para syarikat yang berminat untuk ikut serta supaya akan dapat menghantarkan kepada jabatan ini Sebut Harga (Quotation) serta dokumen-dokumen yang diperlukan tidak lewat daripada Rabu, 14 Februari 2007 jam 12.15 tengah hari. Sebut harga berkenaan hendaklah dihantarkan kepada:-

Peti Tawaran
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA (Bahagian Pembangunan Agribisnes) Bahagian IV

BIL	PERKHIDMATAN	TPOR
	SKIM INSENTIF	
1.	Baja, Racun Rumpai, Biji Benih Sayur-sayuran dan Bahan Tanaman Buah-buahan	3 hari
2.	Permohonan Peralatan Ladang & Anak Benih Tanaman	14 hari
3.	Permohonan Mendapatkan Perkhidmatan Jentera Pembajak	18 hari

B
u
d
i
m
a
n



JANGAN MEMASANG PERALATAN YANG DITEGAH PADA KENDERAAN